



# **PENYATA RASMI**

OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEDUA**  
*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3095]**

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan Sementara Tahun 1973 [Ruangan 3138]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 3191]

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

Menghisap Rokok Merbahaya kepada Kesihatan [Ruangan 3200]

Pakar Mata di Rumah Sakit Umum Melaka [Ruangan 3201]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan) [Ruangan 3139]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Perlanjutan Kuatkuasa) [Ruangan 3185]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 3186]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 3191]

Jawapan-jawapan Bertulis [Ruangan 3207]



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Rabu, 23hb Ogos, 1972

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSOF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato' Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jeraí).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibú).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

Yang Berhormat TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

#### YANG TIDAK HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD  
(Pontian Selatan).

- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri  
Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL HAJ BIN TENGGU  
ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL  
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNGKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.  
(Kuala Kedah).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Landu).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.  
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ENGGU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.  
(Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.,  
K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

#### YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### AHLI-AHLI PARLIMEN/NEGERI MENINGGALKAN PARTI

1. **Dr S. Seevaratnam** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengemukakan suatu undang-undang yang berkehendakkan seseorang Ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan menyebabkan suatu pilihan raya kecil diadakan jika ia meninggalkan parti di mana ia dipilih, samada melalui pemberhentian atau pun pembuangan dari parti, untuk mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap keutuhan ahli-ahli politik.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak berhajat hendak mengemukakan satu undang-undang bagi sementara ini yang berkehendakkan seseorang itu meletakkan jawatannya sebagai wakil rakyat jika ia meninggalkan partinya.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Kerajaan mengadakan undang-undang baharu bagi menentukan yang Setiausaha Agong parti politik yang telah ditangkap dan ditahan oleh sebab berpolitik dengan tidak bertanggungjawab, terpaksa diberhentikan kepada menduduki kerusi di Parlimen?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tidak boleh.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, di dalam perkara Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka oleh sebab pertanyaan ini adalah kena mengena antara dia dengan saya, di dalam perkara Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, beliau telah dibebaskan daripada tahanan dengan cara yang menakjubkan (mysterious manner) dengan tidak ada syarat-syarat bagi pembebasannya.

Selepas beliau dibebaskan, Tuan Yang di Pertua, parti kami mulai berpecah. Ini

sama juga sebagai Parti Buruh was dis-integrated apabila double agents keluar dari tahanan, menunjukkan yang mereka itu adalah heroes dan ahli-ahli perjuangan rakyat yang merosakkan parti dari dalam. Adakah, Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat ini sekarang seorang ajen yang bekerja sebagai penderhaka bagi kepentingan DAP dan rakyat?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Itu saya tidak masuk campur.

**Tuan Fan Yew Teng:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil langkah-langkah untuk memberhentikan seorang penakut lari dari tanggungjawab jawatan Setiausaha Agong Parti, kerana dia takut ditangkap oleh Kerajaan diberhentikan dari tanggungjawab jawatan itu sebagai politician?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, itupun dia sama dia jugalah.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam Peristiwa 13 Mei, Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah ditunjukkan dalam akhbar Life Magazine iaitu sebuah majalah yang terkenal di dunia sebagai satu orang telah lari masuk di bawah tanah (underground) oleh sebab dia sudah takut, tetapi soalan saya sekarang, Tuan Yang di Pertua, ialah bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengadakan undang-undang baharu bagi mengeluarkan seorang Ahli Parlimen yang telah menunjukkan sikap pengecut, penakutnya seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang tidak berani kembali ke Kuala Lumpur selepas telah di buang daripada Negeri Sabah bagi berkhidmat kepada rakyat semasa kekacauan 13 Mei, tetapi sebaliknya pergi ke tempat yang selamat seperti Ipoh—dia mahu pergi ke Ipoh, bukan mahu datang dari Kuala Lumpur di mana beliau tidak diperlukan dan di mana tidak ada apa-apa merbahaya. Ini adalah perlu kerana sikap penakut yang ada satu-satu sebabnya yang Ahli-ahli Parlimen dari DAP telah keluar daripada DAP. Oleh sebab itulah pada hari ini saya mengemukakan pertanyaan ini.

**Tuan Yang di Pertua:** Jadi apa yang hendak ditanya kepada Menteri ini? Ini berkenaan fasal sendiri.



**Dr A. Soorian:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Ini pun begitu juga. Apa soalan tambahannya?

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Mengapa campur sama parti mereka ini? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, saya tak mahu campur mengenai partinya. Saya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sahaja. Soalan tambahan saya, ialah adakah Kerajaan sedar bahawa cara melompat parti setelah dipilih menjadi wakil rakyat ini adalah satu cara yang rendah, mendatangkan pandangan yang rendah daripada masyarakat umum dan merusakkan semangat demokrasi dalam negeri ini? Jika sedar adakah Kerajaan mahu mengambil tindakan seterusnya.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tiap-tiap seorang ada fahamannya sendiri atas hal ini. (*Ketawa*)

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan akan mahu mengikut satu-satu usul yang dikemukakan oleh satu-satu parti supaya orang-orang dalam parti itu apabila melompat diambil satu tindakan. Saya harap perkara ini tidak akan berpanjangan sebab sebuah negara yang demokrasi rakyat boleh memilih apa juga parti.

**Tuan Yang di Pertua:** Apa soalan tabambahannya?

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahannya ialah sebagaimana kata pantun Melayu:

Anak punai anak merbah,

Sambil terbang membawa sarang;

Anak sungai lagi berubah,

Kononkan pula hati orang.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya kalau diberi pantun, saya tak berapa faham. (*Ketawa*)

**Tuan Hashim bin Gera:** Jadi dengan sebab itu, kalau dia melompat dari satu parti kepada satu parti yang lain, adakah pehak

Kerajaan akan campur tangan dalam soal partinya?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya kata benda ini terpulang kepada diri masing-masing. Dia hendak melompat ke sana ke mari, itu soal diri dia sendiri. Bagi parti kita, Parti Perikatan kita tak khuatir akan hal ini, kerana kita ada disiplin kita sendiri, tak payah minta tolong daripada orang lain.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan tidak mahu membuat undang-undang yang melarang wakil rakyat melompat daripada satu parti kepada parti yang lain dengan sebab kejadian-kejadian di masa yang lalu banyak orang melompat daripada Pembangkang masuk kepada pehak Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang hendak membuat undang-undang sekiranya pehak Kerajaan melompat masuk Pembangkang?

**Tuan Yang di Pertua:** Ini sudah dijawab tadi, soal parti ini tidak mahu dicampur.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Jadi kalau begitu, Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan yang lain pula.

**Tuan Yang di Pertua:** Duduklah dahulu! Beri peluang kepada orang lain pula.

**Dr A. Soorian:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi pehak Kerajaan mengemukakan satu undang-undang macam mana jika sebuah parti atau tokoh-tokoh parti tidak menunaikan janjinya kepada rakyat yang telah dibuatnya dalam pilihanraya seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang menyokong Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri dalam tahun 1969, tetapi apabila dia sudah kena tangkap dan dia kena penyakit sejuk, tangan dan kaki dan dia menafikan janjinya kepada rakyat diseluruh Malaysia.

**Tuan Yang di Pertua:** Jadi apa soalnya?

**Dr A. Soorian:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahannya ialah bolehkah Kerajaan membuat satu undang-undang menghamkan orang-orang yang hypocrite seperti ini? (*Ketawa*)

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, bagi pehak Kerajaan kita diberi

amanah memerintah negeri. Kalau ada parti-parti yang susah dalam politik, itu soal mereka sendiri, jaga diri sendiri. Bagi Kerajaan, kita menjaga pemerintahan negeri keseluruhannya dan kita berpegang bagi fahaman kita atas demokrasi sebagaimana saya katakan tadi dapat diciptakan di sini, pada hari ini nampaknya masing-masing ada fahaman sendiri atas soal berparti ini.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Untuk membersihkan politik di dalam negara kita, ada satu pertanyaan dari saya, iaitu seorang Ahli Parlimen yang telah menang dalam politik dan menjadi Ahli Parlimen, oleh kerana rakyat menyokong dia, sebab dia ada satu suara (platform) tetapi sampai masanya dia berpeluang untuk tempat ke lain parti, sebab dia ada mendapat faedah. Untuk membersekan politik di dalam lapangan politik Malaysia, bolehkah Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa bagi menyiasat dan mencari satu jalan, satu langkah supaya memberhentikan peluang kepada orang ini supaya jangan beri dia melompat ke tempat lain disebabkan dia mendapat wang atau faedah.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, yang pertama sekali hendak membersihkan politik ini Allah sahajalah yang boleh buat. Sebagaimana yang kita tahu, politik ini mesti ada kotor sedikit. Ahli Yang Berhormat pun tahu, bila masa hendak kotor, dia kotor; hendak bersih, bersihlah. Kalau hendak bersihkan politik ini, saya tak tahu di mana dalam dunia ini pun tak ada orang yang tak berkata politics is a dirty game, cuma is a matter of degree sahaja. Saya fikir di sini tak cukuplah bersihnya, jernihnya. Jadi mana parti-parti yang tersangkut memikirkan oleh sebab pendirian parti masing-masing ini kotor, cubalah bersihkan diri sendiri dahulu.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat itu adalah dimaksudkan untuk melukai hati saya dan rakan-rakan saya. Dengan sebab itu, saya meminta Kerajaan mempersetujukan kepada cadangan mereka, kerana saya dan rakan-rakan saya tidak takut menghadapi rakyat di dalam pilihanraya kecil dengan syarat Kerajaan mestilah menghancurkan dan mengharamkan satu parti seperti DAP, kerana dengan kegilaan kuasa orang seperti

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka sebagai Setia Usaha Agong DAP dan juga Pengerusinya yang lemah serta tidak berguna seperti Ahli Yang Berhormat itu, Parti DAP sekarang hanyalah menjadi bahan ketawa di negeri ini sebagaimana yang ditunjukkan oleh keputusan Pilihanraya Kecil Tampin, dalam pilihanraya itu DAP hampir kehilangan wang pertaruhan. Bolehkah Kerajaan mengadakan undang-undang seperti ini?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya fikir perkara ini tak payahlah buat undang-undang, saya cadangkan semua masuk dalam Perikatan. (Ketawa). Jadi boleh betul semuanya.

### MASJID BARU LAWAS— PERUNTUKAN PEMBINAAN

**2. Awang Bungsu bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak \$40,000 untuk pembinaan sebuah masjid baru di Lawas.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, pehak Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$49,000 dalam tahun 1971 untuk pembinaan sebuah Masjid baru di Lawas. Sepanjang yang diketahui, tidak ada apa-apa permohonan tambahan yang diterima setakat ini dan adalah difahamkan bahawa Jawatankuasa Masjid yang berkenaan sedang menjalankan ikhtiar untuk mendapatkan sumbangan daripada lain-lain punca, khasnya, daripada kutipan dikalangan orang ramai tempatan sendiri. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi kepada permohonan ini sekiranya diterima kelak, mengikut keutamaan yang diberi kepadanya oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah.

**Awang Bungsu bin Abdullah:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempertimbangkan perkara ini kerana beliau mengatakan hendak menjalankan derma kepada orang-orang kampung, khasnya penduduk-penduduk yang beragama Islam. Oleh kerana pada masa sekarang mereka tidak mempunyai kemampuan untuk memberi derma dengan banyak kerana mereka pada masa ini tidak mempunyai pekerjaan. Dari itu

saya merayu kepada Kerajaan bagi menimbangkan perkara ini untuk dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan 1973.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Bagaimana yang saya kata tadi, Tuan Yang di Pertua, walau bagaimana pun pertimbangan akan diberi kepada permohonan ini sekiranya diterima kelak, mengikut keutamaan yang diberi kepadanya oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah.

### LEMBAGA BAHASA—UJIAN KERAKYATAN MENGENAI BAHASA MELAYU

**3. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau telah mengarahkan Lembaga Bahasa yang menjalankan ujian Bahasa Melayu untuk pemohon sijil kerakyatan supaya jangan menanya soalan-soalan yang memerlukan istilah-istilah yang berputarbelit yang tidak biasa didengar; dan samada beliau akan menimbangkan perlantikan Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri di tiap-tiap kawasan ke Lembaga Bahasa di tempat mereka masing-masing.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, Lembaga-lembaga Bahasa telah diberi satu peraturan berkaitan dengan ujian pengetahuan bahasa Melayu bagi panduannya dalam menjalankan ujian kepada pemohon-pemohon untuk sijil kerakyatan di bawah perkara-perkara yang berkenaan dalam Perlembagaan. Risalah mengandungi Peraturan-peraturan Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu bagi pemohon-pemohon untuk Sijil Kewarganegaraan telah juga di-edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dipersidangan Dewan ini pada 12.5.1972. Oleh yang demikian adalah tidak benar yang dikatakan Lembaga-lembaga telah menanya soalan-soalan "yang memerlukan istilah-istilah yang berputarbelit yang tidak biasa didengar".

Mengenai perlantikan Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri ke Lembaga Bahasa, saya telah pun melantik beberapa orang ahli-ahli tersebut dan tindakan untukewartakan nama-nama mereka sebagai tambahan kepada ahli-ahli Lembaga Bahasa yang ada sekarang sedang diambil.

**Tuan V. David:** Soalan tambahan, kami suka mendapat tahu daripada Kerajaan sama

ada pepereksaan itu merupakan ujian bahasa Malaysia atau ujian general knowledge, oleh kerana rakyat-rakyat daripada ulu-ulu kampung dan ladang-ladang getah mengatakan mereka telah disoal, bolehkah recite Rukun-negara dan juga nama Menteri, sedangkan orang-orang bandar pun banyak tidak tahu nama Menteri-menteri. Jadi soalan-soalan seperti itu telah dikemukakan, dan ini boleh dikatakan satu ujian mengenai general knowledge, bukan bahasa Malaysia. Saya suka mendapat tahu sama ada Kerajaan akan mengadakan pepereksaan Bahasa Malaysia sahaja atau pepereksaan general knowledge. Kalau pepereksaan general knowledge, itu tidak patut. Saya minta Kerajaan ubah perkara ini, fasal bukan seorang dua yang telah membuat komplek tetapi ramai rakyat diseluruh tanah air kita ada membuat komplek itu.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu memang suka membangkitkan cerita-cerita dahulu. Bagaimana saya katakan tadi, risalah mengandungi peraturan-peraturan ujian pengetahuan bahasa Melayu bagi permohonan untuk sijil kewarganegaraan telah juga di-edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada 12-5-1972. Jadi saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu membaca risalah-risalah yang telah diedarkan itu, dari situ, dia boleh ketahui apa yang disungutkan itu tidak berlaku lagi.

**Tuan Loh Jee Mee:** Tuan Yang di Pertua, buku itu saya ada membacanya, tetapi adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa banyak pemohon-pemohon yang mempunyai sijil beranak dan memohon di bawah Perkara 30 atau di bawah Perkara 16, selalu-nya semasa ujian itu dijalankan bukannya proficiency di dalam pengetahuan bahasa Malaysia. Satu contohnya dalam ujian itu Ahli-ahli Lembaga bertanya, apakah nama Menteri itu dan Menteri ini. Ini tidak adil.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya katakan itu cerita lama. Cerita baharu ada terkandung di dalam risalah yang telah di edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara yang disebutkan itu, kalaulah berlaku pada masa dahulu tidak akan berlaku lagi mengikut keadaan yang ada dalam risalah itu.

**Tuan Loh Jee Mee:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini masih berlaku lagi.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Serahkan kepada saya maklumatnya, saya akan kaji mengenai hal ini.

**Tuan Yang di Pertua:** Kalau ada berlaku, boleh beri maklumatnya?

**Tuan Loh Jee Mee:** Dapatkah Yang Amat Berhormat Menteri menimbangkan bagi membenarkan Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menghadiri ujian-ujian tersebut sebagai pemerhati?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Ahli Yang Berhormat ini tak mengerti jawapan saya. Saya kata Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada dilantek dalam Lembaga Bahasa itu. Saya sudah jawab tadi, dia tengah sebuk hendak mendatangkan soalan tambahan, dia tak dengar apa jawapan saya. Itu susahlah kita hendak berparlimen.

**Tuan V. David:** Itu bukan Ahli Parti Pembangkang; semuanya itu terdiri dari Parti Perikatan. Kalau dicamporkan dalam lantikan mana-mana board, tolonglah pandang Parti Pembangkang juga.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya selalu pandang pada dia, tetapi saya fikir masanya belum sampai hendak melantek Ahli Yang Berhormat itu, bila sampai masanya, saya akan lantek dia (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Berapa Ahli Parlimen sudah dilantek kepada board itu?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan ada menjalankan satu verification campaign mengenai Article 30. Ada orang yang sudah surrender sijilnya dan sijilnya sudah ditarik balik dan orang ini pun diminta buat satu permohonan minta lagi warganegara dan mereka telah diuji dalam Bahasa Malaysia dan didapati fail. Bukankah itu satu deprivation of citizenship? Dahulu dia seorang citizen di bawah Article 30, tetapi sekarang sudah fail ujiannya, warganegaranya sudah habis. Bukankah itu satu deprivation of citizenship?

**Tuan Yang di Pertua:** Deprivation itu apa? Cakap Melayu tidak tahu!

**Tuan Lim Cho Hock:** Saya tidak tahu.

**Tuan Yang di Pertua:** Orang tidak erti.

**Tuan Lim Cho Hock:** Deprivation, saya ingat, tolak balik. Kalau itu satu deprivation of citizenship, tentulah Kerajaan mahu menjalankan satu undang-undang untuk diberi satu notis dan mahu pergi ke court minta satu order deprive citizenshipnya.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Yang pertama, Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu kurang faham, dia tidak erti lojiknya. Tidak semua orang yang memegang kerakyatan di bawah Article 30 itu patut menjadi rakyat, mana yang betul-betul menjadi rakyat yang memegang Article 30 itu kita gantikan dengan certificate baharu mengakui yang dia itu menjadi rakyat dan mana yang separuh memegang Article 30 itu bagaimana ada sedikit shak wasangka atas keterangan yang diberikan dan dalam perkara itu kita beri mereka itu kerakyatan. Tetapi ada juga orang yang memegang certificate Article 30 itu yang tidak ada hak menjadi rakyat. Jadi kita nasihatkan mereka itu meminta menjadi rakyat. Ini bukan bermakna kita deprive mereka menjadi rakyat, kerana dia lagi dahulu belum menjadi rakyat. Apa yang ada pada dia cuma Article 30 sahaja. Article 30 itu tidak bermakna dia menjadi rakyat, kalau Article itu tidak disahkan. Jadi bila dia sudah tidak lulus ujian dalam pepereksaan bahasa itu, maka dia meminta hendak menjadi rakyat semula. Kalau dia fail, dia boleh cuba lagi sekali. Ini tidak bermakna bila dia fail sekali, dia tidak boleh minta sekali lagi. Bila dia fail sekali, belajar lagi lebih kuat supaya boleh pass, apabila pass dapatlah kerakyatan itu.

**Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh:** Tidakkah Kerajaan bercadang hendak memperketatkan lagi ujian bahasa kepada pemohon-pemohon kerakyatan, kerana memandangkan ada setengah rakyat Malaysia yang mendapat kerakyatan tidak begitu faham Bahasa Malaysia. Tidakkah Kerajaan bercadang hendak memperketatkan lagi?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kalau benda itu sudah cukup ketat, janganlah ketatkan lagi sampai tidak boleh masuk (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan. Sebagai satu langkah yang boleh menolong rakyat yang hendak menjadi warganegara Malaysia, bolehkah Kerajaan bagi satu guideline, satu buku yang boleh diberi

kepada tiap-tiap pemohon-pemohon yang hendak menjadi warganegara di Malaysia?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, buku-buku ini semua telah ada disebarkan bagaimana hendak minta menjadi kerakyatan, cara-cara yang baharu ini iaitu risalah yang telah diedarkan dalam Dewan ini menunjukkan bagaimana mereka mesti mengetahui Bahasa Kebangsaan dan supaya boleh lulus dalam peperiksaan. Itu semua telah dibuat. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak salinan daripada risalah itu, bolehlah kita hantar kepadanya, tetapi semuanya sudah dibuat atas perkara itu.

#### **PASPORT KE MALAYSIA TIMOR— MENGHAPUSKAN**

**4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan kegunaan paspot untuk rakyat Malaysia Barat yang hendak melawat ke Malaysia Timur. Apakah sebabnya dikenakan aturan-aturan itu.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, soalan ini telah beberapa kali dikemukakan di Dewan Rakyat ini iaitu pada bulan November, 1965, bulan Mei, 1968 dan bulan Julai, 1971. Oleh itu, saya cadangkan Ahli Yang Berhormat ini merujuk kepada jawapan-jawapan yang saya beri dahulu itu terhadap soalan ini, dan itu bolehlah menolong saya bekerja cepat, kerana dia pun bekerja juga sebelum mendaratkan soal semacam ini.

#### **EKONOMI PULAU PINANG— MENINGGIKAN**

**5. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah di ambil untuk meninggikan ekonomi perdagangan di Pulau Pinang sejak pengakuannya yang ekonomi negeri itu perlukan pertimbangan yang bersimpati.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Tuan Yang di Pertua, satu langkah penting yang sedang di ambil untuk meninggikan ekonomi Pulau Pinang di dalam masa peralihan ini ialah

dengan mendirikan suatu Kawasan Perdagangan Bebas di kawasan "Weld Quay". Kawasan ini didirikan untuk menggalakkan perdagangan "entrepot" dengan negara-negara yang berhampiran. Adalah di harap ini akan dicapai dengan mengurangkan seberapa banyak yang boleh kehendak-kehendak pihak Kastam dan pihak Imigresen ke atas pedagang-pedagang yang datang daripada negeri-negeri yang berhampiran itu.

Kerajaan juga telah mengecualikan barang-barang perdagangan "entrepot" ini daripada cukai jualan dan beberapa barang-barang yang lain daripada cukai tokok.

**Tuan Peter Paul Dason:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini lain daripada declaring Free Trade Zone, adakah apa-apa plan, rancangan Kerajaan Pusat bagi menolong menimbangkan ekonomi Pulau Pinang?

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Ya, ada banyak lagi rancangan-rancangan lain yang sedang dibincangkan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Tuan V. Veerappen:** Soalan tambahan. Oleh kerana ini berkenaan perindustrian pelancungan mustahak untuk negeri Pulau Pinang bolehkah kawasan bebas ini di Weld Quay digunakan oleh pelancung-pelancung untuk membeli barang-barang yang tidak bercukai?

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di Pertua, itu akan dipertimbangkan.

**Tuan V. Veerappen:** Sambung lagi iaitu sungguh pun Kerajaan tahu ekonomi Pulau Pinang mesti ditinggikan, apakah sebab Lapangan Terbang Bayan Lepas tidak dielakkan?

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Itu akan dibuat.

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini oleh kerana Menteri Kewangan tahu yang ekonomi Pulau Pinang adalah susah, tetapi Kerajaan Pusat beri \$7.00 lebih per capita basis bagi satu orang di Pulau Pinang, lain-lain negeri mendapat per capita, Federal grants lebih kurang \$11.00. Mengapa?

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Kalau tidak cukup duit Kerajaan Negeri, itu terpulang kepada Ketua Menteri, Kerajaan Negeri boleh meminta tambah daripada Kerajaan Pusat. Dan setakat yang saya tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun berjanji kepada semua Negeri-negeri yang mana telah membuat achievement yang baik dalam ekonomi Negeri masing-masing, mereka akan dapat bonos dan saya rasa, kalau Pulau Pinang membuat permohonan, tentulah akan mendapat timbangan yang baik daripada Kerajaan Pusat.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, oleh kerana pelancung-pelancung di Pulau Pinang bolehlah dikatakan sebagai tiang besar ekonomi bagi Pulau Pinang, bolehkah Kerajaan bagi lebih sumbangan terhadap hal ini untuk menolong ekonomi di Pulau Pinang. Oleh sebab, pada masa sekarang publicity bagi Pulau Pinang di luar negeri nampak saya di mana ramai orang telah sampai ke Malaysia maka didapati kurang, dengan yang demikian itu saya berharap, kalau boleh, Kementerian ini memberi lebih publicity, mengambil, menjemput lebih ramai pelancung-pelancung datang ke Pulau Pinang.

Dan yang kedua, Tuan Yang di Pertua, bolehkah Kerajaan beri sumbangan (contribution) kepada Ketua Menteri Pulau Pinang menolong dia membuat jalan besar naik ke bukit sampai atas Penang Hill. Oleh hal yang demikian adalah hal mustahak bagi ekonomi Pulau Pinang.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di Pertua, dengan sebab kita telah memberi banyak publicity di luar negeri, maka kedatangan pelancung-pelancung ke Pulau Pinang sudah pun bertambah dan kalau Ahli Yang Berhormat itu sendiri dapat pergi ke Pulau Pinang, tentulah dia dapat melihat berapa banyak hotel-hotel ditepi pantai sedang dibena dengan sebab banyak demand daripada pelancung-pelancung yang akan datang, yang sudah datang dan yang akan datang ke Pulau Pinang.

Menjawab soalan yang kedua pertanyaan berkenaan dengan jalan untuk naik ke Penang Hill itu, perkara ini sedang pun dalam rundingan dan saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat pada saat ini.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, dalam surat khabar ada menyatakan bahawa

apabila Kerajaan baharu memegang pemerintahan di Pulau Pinang dia mahu membuat jambatan bagi menghubungkan Butterworth dan Pulau Pinang. Saya hanya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini adakah Kerajaan akan mengambil tindakan atas perkara ini atau Kerajaan ada memikirkan mahu mengambil tindakan, mahu membuat jambatan ini. Oleh kerana jambatan ini mustahak kepada ekonomi di Pulau Pinang jika mahu dihidupkan terutama kereta dan lori-lori yang mahu menyeberangi selalu di antara Butterworth dengan Pulau Pinang. Adakah rancangan ini akan dibuat atau tidak, saya suka hendak tahu?

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, sebagai Menteri Perhubungan yang bertanggungjawab, saya sudah jawab soal ini mengatakan consultant, pakar yang mahu menyiapkan design baharu hendak menyiasat mana yang mesti economical tunggulah—sabar.

Selain dari itu, usaha bersama negara-negara serantau tentang ferry service antara Pulau Pinang dengan Pelabuhan di Medan, ini kita sudah siasat dan kedua buah negara antara Malaysia dengan Indonesia pun telah bersetuju dan Asian Development Bank telah menghantar pakar dan dia akan menghantar lagi untuk menyiasat atas perkara ini. Ini dua rancangan yang besar. Ini akan menguntungkan. Pertama sekali dari segi ekonomi, kerana ferry yang baharu ini bukan membawa manusia sahaja, ia juga boleh mengangkut lori-lori dengan barang-barang penuh dan juga kereta-kereta. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak pergi makan angin ke Medan, dia boleh bawa kereta sampai ke sana keretanya boleh turun, boleh pergi ke tasek-tasek yang elok dan gunung-gunung di sana.

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di Pertua, adakah Menteri Perhubungan sedar, penduduk-penduduk di Pulau Pinang bertahun-tahun sudah sabar dan bolehkah beliau memberi tahu kepada Dewan ini, berapa lama lagi pakar-pakar akan mengambil untuk menyiasat itu dan bila Menteri yang berkenaan boleh menyiarkan apabila jambatan daripada Butterworth ke Pulau Pinang akan dibena?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, Wakil dari Batu ini



bukan wakil Pulau Pinang, tetapi saya sudah pergi ke Pulau Pinang, orang di sana sabar. Fasal apa, dia tahu kita ada membuat kerja. Jadi kerja technical engineering merentang laut, kalau silap—roboh. Kalau Ahli Yang Berhormat itu lalu di situ pun tenggelam nanti—jadi sabar dahulu (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di Hong Kong Kerajaan di sana dan pihak swasta telah membena tunnel bukan jambatan, membena tunnel di sana.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat ini juga minta baca tawarikh, berapa puluh tahun Hong Kong hendak membuat tunnel, jangan pandai jawab membazir, membandingkan, tetapi tidak ambil cerita awal, barangkali cerita hendak membuat tunnel atau jambatan Hong Kong sudah 10 tahun dahulu dan di sana ada berjuta-juta kenderaan dan manusia tiap-tiap hari, lain pula dibandingkan dengan Pulau Pinang.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, tolonglah sabar sedikit (*Ketawa*). Perkara ini bukan Parti Pembangsan sahaja yang berjanji kepada rakyat Kerajaan Pusat, Perikatan, ada berjanji, kalau kita menang, kita buat jambatan. Dahulu tahun 1969 sekarang sudah tahun 1972. Adakah satu rancangan yang tetap mahu membuat jambatan atau tidak? Kalau tidak beritahu, tetapi rakyat bukan hari-hari dia boleh membuang undi, bila pilihanraya, dia boleh membuang undi, masa itu dia boleh beri tahu, sama ada mereka membangkangkah atau menerima Kerajaan Perikatan.

**Tuan Yang di Pertua:** Ini apa soalnya yang sebenarnya?

**Tuan V. David:** Saya mahu tahu dengan Kerajaan, adakah satu rancangan mahu membuat jambatan itu atau tidak? Oleh kerana sekarang kita nampak Kerajaan ada membeli ferry lagi untuk tambahan lagi barangkali Kerajaan telah gugurkan perkara ini dan lagi tidak mahu membuat jambatan. Adakah juga rakyat meminta, oleh kerana sekarang ada tambahan lagi ferry barangkali Kerajaan sudah tidak mahu lagi mengambil tindakan atas perkara ini untuk buat jambatan, tolonglah Menteri sabar, beritahu sama adakah jambatan ini boleh jadi atau tidak?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, ada. Ahli dari Dato Kramat dia tidak faham bahasa Melayukah. Saya kata ada rancangan memang kami siapkan tetapi saya tidak boleh beritahu sekarang kerana ini technical. Kalau Yang Berhormat itu dia engineer, dia faham; dia bukan engineer, dia tidak tahu.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, tidak guna saya mahu menjadi seorang engineer bagi mengetahui atas perkara ini. Mana-mana consultant dalam dunia, bukan 4 tahun dia mahu menyiasat, mana satu consultant pun, mana satu projek dalam satu dua tahun boleh disiasat. tetapi ini dari tahun 1969 sampai sekarang sudah berapa tahun? Sampai sekarang consultant, technical problem, ada dia consult? Ini bukan dia consult, ini sahaja boleh kata . . . . .

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Order, order, Tuan Yang di Pertua. Apa soalnya sekarang?

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, saya sekarang sedang menyoal, tolonglah sabar, ikut peraturan.

Saya mahu tahu berapa lama mahu menyiasat, consultant technical officers semua, berapa lama lagi boleh buat lapuran itu?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya sudah jawab. Terima kaseh.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri Perhubungan memberitahu kepada Dewan ini, berapakah Jawatankuasa-jawatankuasa yang sudah ada untuk mengkaji perkara ini dan berapa lagi Jawatankuasa akan diadakan sebelum Kerajaan mahu menetapkan, mahu membuat jambatan itu?

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di Pertua, soalan yang asalnya ialah bersangkutan dengan kawasan perdagangan bebas, kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tahu lebeh daripada jambatan tersebut, saya cadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu buat soalan lain, khas berkenaan dengan jambatan.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya bersetuju sangat.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, tadi . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Jadi kalau hendak buat soalan tambahan . . . . .

**Tuan V. Veerappen:** Ini bukan mengenai ekonomi Pulau Pinang. Ini perkara lain yang bersangkutan dengan soalan ini, iaitu adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berkenaan sedar iaitu pelancung-pelancung yang tidak dapat duduk dalam hotel-hotel di pantai-pantai itu tidak ada tempat mahu tukar pakaian (changing rooms) di Pantai Pulau Pinang sana, bolehkah Menteri mengambil langkah-langkah untuk mengadakan changing rooms atau satu kantin, macam yang ada changing rooms di sana untuk pelancung-pelancung yang tidak dapat duduk dalam hotel-hotel besar.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Boleh.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata jikalau kita pergi ke Pulau Pinang kita boleh nampak banyak hotel-hotel di tepi-tepi laut dan di dalam bandar Pulau Pinang. Kenyataan beliau itu adalah betul, Tuan Yang di Pertua, tetapi jikalau kita periksa, kaji sedikit, kita boleh nampak banyak bilek-bilek di dalam beberapa hotel ini sunyi seperti rumah yang berhantu. Oleh sebab pelancung-pelancung ramai yang datang ke Pulau Pinang, itulah satu masalah yang saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu boleh mengkaji dan soalan tambahan saya sekarang, Tuan Yang di Pertua, ialah jikalau kita mahu membuat sebuah jambatan untuk menyambung Pulau Pinang dengan Tanah Besar, itu memakan wang yang lebeh banyak. Bolehkah Kerajaan menimbangkan dan bertindak memodankan keretapi yang turun-naik di Bukit Bendera itu? Keretapi ini saya percaya umurnya ada lebih kurang 50 tahun—sudah tua sangat. Dan sebab yang kedua ialah ianya merbahaya sekali, oleh sebab barangkali cablenya sudah pun rosak. Tension springnya sudah kurang. Oleh yang demikian itu, saya harap Kementerian boleh mengkaji, membuat sebuah cable car yang baharu. Inilah satu langkah yang boleh menolong ekonomi Pulau Pinang.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu, beliau pergi melawat hotel-hotel yang kosong itu di sebelah siang hari. Selalunya di hotel-hotel sebelah malamnya yang ramai orang (*Ketawa*).

Menjawab soalan yang kedua, berkenaan dengan cable car yang dikatakan tua itu, nampaknya tua, tetapi masih kuat lagi (*Ketawa*).

## SYARAT-SYARAT BAGI GURU-GURU SEMENTARA—MENGENDURKAN

**6. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan mengendurkan syarat-syarat bagi guru-guru sementara sekolah-sekolah Cina yang mereka itu mesti mempunyai Sijil S.C., M.C.E. atau pun "Senior Middle III" dengan kepujian di dalam Bahasa Malaysia Dua sebelum mereka layak memasuki latihan perguruan, supaya guru-guru sementara sekolah-sekolah Cina ini dapat diberi peluang untuk dilatih sebagai guru-guru yang berkelayakan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, saya telah menjawab perkara yang sama, yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar di dalam ucapan penangguhannya pada 18hb Ogos, 1972. Untuk mengulangi jawapan itu, saya suka menyebutkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran merasa dukacita tidak dapat mengendurkan lagi syarat-syarat yang telah ditetapkan itu demi kepentingan guru-guru itu sendiri dan mutu serta taraf pengajaran di sekolah-sekolah.

## PENYEWA-PENYEWA PADI—RAYUAN

**7. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (i) samaada Kementerian beliau boleh memberi bilangan petani-petani penyewa yang mana sewaan mereka telah diberhentikan oleh tuan-tuan punya tanah bagi tiap-tiap tahun selama 10 tahun yang lepas;
- (ii) samaada beliau sedar tentang masalah petani menyewa yang kehilangan sewaan mereka dan dengan demikian tanah untuk dikerjakan dan mata pencarian telah menjadi masalah besar yang semakin bertambah di kawasan-kawasan luar bandar;
- (iii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Menteriannya untuk mengatasi masalah ini; dan
- (iv) apakah tindakan yang telah diambil oleh Menteriannya untuk mendapatkan tanah atau pekerjaan yang lain bagi



500 orang pesawah-pesawah padi yang menyewa sawah di mana sewaan mereka telah diberhentikan di kawasan Pertanian Parit di Seberang Perak seperti yang dilaporkan di dalam Utusan Melayu pada 8hb Julai, 1972.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di Pertua,

- (i) Kementerian saya tidak ada angka-angka yang dikehendaki itu.
- (ii) Saya tiada menerima sebarang rayuan penyewa-penyewa (tanah padi) yang kehilangan penyewaannya.
- (iii) Oleh sebab saya tiada mengetahui adanya masalah yang begitu langkah yang akan diambil tidaklah timbul. Walau bagaimana pun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka satu undang-undang yang dipanggil Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 telah berjalan kuatkuasanya di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang, Selangor dan Trengganu untuk menguatkuasakan Akta itu di Negeri-negerinya. Akta tersebut memberi perlindungan kepada penyewa-penyewa tanah padi dengan mengawal sewa dan menjamin pemegangan menerusi pendaftaran perjanjian sewa yang diadakan.
- (iv) Saya telah menyemak *Utusan Melayu* keluaran 8hb Julai, 1972, tetapi tidak terdapat lapuran yang dikatakan.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Akta-akta yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sudah diluluskan di dalam Dewan ini dan dikuatkuasakan. Tidak ada apa-apa sebab mengapa Akta ini tidak dijalankan atau pun dikuatkuasakan, sedangkan sudah dijalankan di dalam empat buah negeri Malaysia sahaja, dan sebab apakah tidak dijalankan di negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di Pertua, ini terpulang kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana soalan ini bersabit dengan kawasan saya, maka

saya terpaksa bangun. Bolehkah Kementerian Pertanian dan Perikanan memberi suatu jawapan yang tegas bahawa tanah sawah di kawasan Perairan Sungei Perak ini telah diberikan beberapa ribu ekar kepada Syarikat Gula Perak Berhad, apakah langkah untuk menggantikan tanah ini yang dipunyai oleh Malay Reservation dan adakah suatu kuatkuasa yang boleh memberikan tanah Malay Reservation ini kepada suatu syarikat permodalan dari luar negeri.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di Pertua, ini berkehendakkan pemberitahu terlebih dahulu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedia mengadakan satu rancangan khas kepada petani-petani yang menyewakan tanah ini supaya dipindahkan ke suatu kawasan yang kekal supaya nasib mereka tidak terancam pada masa yang akan datang?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di Pertua, Rancangan FELDA yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan itu ialah satu jalan daripadanya untuk memindahkan mereka itu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedia untuk mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Johor memindahkan petani-petani ini ke suatu kawasan yang luas di Kahang yang sudah siap parit dan taliairnya?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di Pertua, perkara itu bolehkah dirundingkan kemudian.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri menjawab mengatakan bahawa undang-undang ini tidak dijalankan di negeri masing-masing oleh kerana perkara itu adalah perkara yang di bawah timbangan Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri, tetapi Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan mengambil apa-apa langkah untuk mempercepatkan Kerajaan-kerajaan Negeri menjalankan Akta ini?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di Pertua, biia saya ada peluang melawat ke negeri-negeri, saya akan mengambil ingatan untuk menemui Datuk-datuk Menteri

Besar dan Ketua Menteri Pulau Pinang supaya dapat menimbangkan perkara ini diambil tindakan segera.

### SETTINGGAN-SETTINGGAN DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

**8. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar yang Pentadbiran Dewan Bandaraya tidak dapat mengatasi masalah setinggan-setinggan dengan memuaskan, dan memandangkan hal ini, samada beliau akan menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat Setinggan-setinggan sama seperti Jawatankuasa Penasihat Penjaja-penjaja untuk menyiasat semua aspek masalah setinggan-setinggan di Bandaraya Kuala Lumpur.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di Pertua, Pentadbiran Dewan Bandaraya mempunyai alat-alat yang berkesan untuk mengendalikan masalah setinggan di kawasan Bandaraya dan mempunyai sebuah Jawatankuasa yang mengandungi badan-badan yang berkenaan untuk menyelaraskan usaha-usaha dalam menyelesaikan masalah ini. Keperluan bagi mengadakan sebuah Jawatankuasa Penasihat Setinggan yang berasingan tidak timbul buat masa ini.

**Tuan Fan Yew Teng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa setinggan-setinggan yang berkenaan ini akan dapat tanah atau rumah-rumah murah sebelum Pilihanraya Umum yang akan datang?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, ini satu masalah yang sangat sukar, sebab bilangan setinggan-setinggan itu sangat banyak. Jadi, saya tidak dapat memberi jaminan atas perkara ini dapat diselesaikan sebelum Pilihanraya Umum, tetapi Dewan Bandaraya sememang boleh mengkaji supaya dapat mengambil tindakan menyelesaikan atas perkara ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengambil langkah-langkah untuk

menolong setinggan-setinggan mencari tanah sebelum mereka dipindahkan daripada tanahnya?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, itu tidak benar, sebab pada lazimnya tindakan tidak diambil terhadap setinggan-setinggan sebelum rumah-rumah pangsa disediakan untuk dipindahkan mereka.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, barangkali apa yang ditanyakan oleh saya tadi tidak begitu lengkap.

**Tuan Yang di Pertua:** Dia faham.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya bertanya semula, adakah Menteri yang berkenaan sedar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur langsung tidak menolong setinggan-setinggan mencari tanah daripada Kerajaan Negeri sebelum mereka dipindahkan?

**Datuk Ong Kee Hui:** Ini seperti saya kata tadi, Tuan Yang di Pertua, tidak benar, sebab tindakan tidak akan diambil sebelum ada tempat kediaman setinggan-setinggan itu. Perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

**Dr Tan Chee Khoon:** Bolehkah Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini sebelum setinggan-setinggan itu dipindahkan, bolehkah Dewan Bandaraya menolong mereka mendapatkan tanah daripada Kerajaan Negeri?

**Datuk Ong Kee Hui:** Itu dengan seberapa boleh Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan, tetapi soal tanah ini adalah dikuasai oleh Kerajaan Negeri. Seberapa boleh Dewan Bandaraya akan menolong, tetapi dapatkah atau tidak, maka itu terpujang kepada Kerajaan Negeri.

**Tuan Fan Yew Teng:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini, adakah Jawatankuasa yang tersebut tadi terlibat sama Wakil-wakil Rakyat di kawasan Kuala Lumpur termasuk Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, soal tanah ini selalu dibangkitkan berkenaan dengan setinggan-setinggan di Kuala Lumpur, bila kita bertanya Bandaraya, Bandaraya memberi tahu kita—Datuk

Bandar Kuala Lumpur beri tahu kita, tanah ini bukan tanah kita, ini hal State. Dan di dalam State Assembly Selangor, saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Besar masalah setinggan-setinggan di Kuala Lumpur ini, dia berkata, ini bukan masalah saya, sebalaknya masalah itu masalah Kuala Lumpur. Jadi macam bola: sepak di sini dan sepak di sana, jadi hendak buat macam mana. Bolehkah Kerajaan sekarang mengambil tindakan bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang di dalamnya ada terdiri dari wakil-wakil State Government Selangor dan Federal Government, dan dengan demikian itu, saya percaya kita boleh menyelesaikan masalah setinggan-setinggan di Kuala Lumpur.

**Datuk Ong Kee Hui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menerangkan iaitu Datuk Bandar yang baharu sudah mengambil tindakan supaya dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Setinggan-setinggan di Kuala Lumpur, saya tahu benar, Tuan Yang di Pertua, tengah makan, seorang ibu yang sedang mengandung dan ada ibu pula yang baharu beranak, anaknya satu dua bulan rumahnya itu dirobuhkan. Notisnya diberi seminggu, dirobuhkan. Ini berlaku di Kampung Pandan dan di tempat-tempat lain. Ahli Peroboh ini ada dua macam, iaitu satu daripada Ibu Kota Kuala Lumpur satu lagi Pejabat Tanah Kuala Lumpur, jadi rakyat yang datang ke Kuala Lumpur kebanyakan daripadanya dari luar bandar, mereka tidak ada rumah-tangga, dia menjadi setinggan—menumpang di tanah haram. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu bolehkah atau tidak dijamin oleh Menteri yang bertanggungjawab itu sebelum dirobok oleh Pejabat Tanah Kuala Lumpur, ataupun Kerajaan Negeri Selangor merobokkan rumah itu, ataupun dirobokkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, hendaklah dijamin bahawa orang-orang ini dapat rumah dahulu.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, itu saya boleh beri jaminan, kerana tindakan ini telah dijalankan oleh Bandaraya pada masa sekarang. Sebelum disediakan rumah untuk setinggan-setinggan itu, tindakan akan diambil terhadap mereka.

**Tuan Lim Cho Hock:** Adakah Menteri tahu atau tidak bukan di Kuala Lumpur sahaja tetapi diseluruh Malaysia?

**Tuan Yang di Pertua:** Saya suka hendak bertanya apakah soalan tambahan itu, kalau tidak boleh bertanya soalan tambahan, berilah kepada rakan-rakan lain bertanya, jangan Ahli Yang Berhormat sendiri hendak bertanya sangat-sangat.

**Tuan Lim Cho Hock:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan di Perak umpamanya ada banyak setinggan-setinggan, tetapi Kerajaan Negeri Perak telah memecahkan rumah-rumah setinggan dan tidak memberi mereka itu tanah atau rumah.

**Tuan Yang di Pertua:** Order!

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di Pertua, kita telah hidup dengan masalah setinggan-setinggan ini di Kuala Lumpur sejak sebelum kita mendapat kemerdekaan, tetapi kita tidak tahu berapa buruk, berapa teruk masalah hal setinggan-setinggan, kita telah baca tiap-tiap hari setinggan-setinggan di sini, setinggan di sana, pecah rumah di sini, pecah rumah di sana, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi kita satu gambaran berapa buruk, berapa teruk masalah setinggan-setinggan di Kuala Lumpur dan bila dalam estimatanya boleh kita mengatasi masalah ini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, ini satu soalan yang sukar hendak dijawab, kerana setinggan-setinggan ini bukannya statik sebab hari-hari bertambah-tambah, kerana itu, saya tidak dapat memberi angka bilakah dapat diselesaikan masalah ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri ini sedar atau tidak, Bandaraya ini telah menubuhkan banyak Jawatankuasa. Satu daripada Jawatankuasa ialah Jawatankuasa Penasehat Penjaja. Sekarang kesulitan penjaja-penjaja ini, Jawatankuasa ini tidak dapat mengatasi kehendak penjaja dengan sebab lesennya mahal sama dengan kedai-kedai besar, adakah perkara ini dapat difikirkan atau dikaji oleh Menteri yang berkenaan ini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Ini satu soalan lain, Tuan Yang di Pertua. Kalau Ahli-ahli Yang

Berhormat ada soalan berkenaan dengan hal ini, tetapi tidak sempat sampai kepada soalan ini, dia akan dapat jawabannya dengan bertulis.

**Tuan Yang di Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 9 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).*

#### **PENJAJA-PENJAJA KECIL— SYARAT LINGKUNGAN**

**9. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar yang Syarat-syarat Lingkungan yang baru di Kuala Lumpur telah menyusahkan beribu orang penjaja-penjaja kecil di Ibu Negara, dan jika ya, samada beliau akan mengadakan suatu pindaan kepada syarat-syarat tersebut untuk menolong mengurangkan kesusahan penjaja-penjaja yang terlibat ini.

**Datuk Ong Kee Hui:** Dewan Bandaraya pada masa ini sedang membuat tinjauan perniagaan yang lengkap terhadap mereka-mereka yang terlibat. Hasil daripada tinjauan ini akan menjadi asas untuk menentukan sama ada rancangan-rancangan lengkap itu perlu dipinda.

Undang-undang yang ada sekarang telah pun memperuntukkan masa yang cukup bagi mereka-mereka yang terlibat meneruskan kegunaan sedemikian sehingga mereka betul-betul dikehendaki berpindah ke tempat lain. Pindaan-pindaan yang sesuai pada undang-undang ini juga telah dibuat untuk memberi kelunggaran dalam memindahkan perniagaan-perniagaan sedemikian.

#### **PAPAN TANDA JALAN KUALA LUMPUR—BUTTERWORTH**

**10. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat tidak cukup papantanda awas yang berkilau di jalanraya Kuala Lumpur-Butterworth untuk panduan pemandu-pemandu pada waktu malam.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Papan-papan tanda yang mencukupi telah diletakkan di

sepanjang Jalan Besar antara Kuala Lumpur-Butterworth dan dari masa ke semasa akan digantikan dengan papan-papan tanda yang lebih baru dan berkesan lagi.

#### **LADA HITAM— LEMBAGA PEMASARAN**

**11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa Sarawak ialah sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan pengeluaran lada dan pada masa ini lada dihantarkan ke Singapura untuk dikisar, bilakah Kerajaan bercadang hendak mendirikan sebuah kilang mengisar lada di Sarawak untuk menolong pengeluaran-pengeluaran mendapat harga yang lebih baik.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Setakat ini lada hitam dikisar oleh penanam lada hitam secara kecil-kecilan sahaja, tetapi bukan untuk tujuan eksept. Lada hitam yang diekseptkan dari Malaysia tidak dikisar kerana keperluan yang ketat dari negara-negara pengguna.

Jikalau Ahli Yang Berhormat bermaksud pusat-pusat untuk memperoses lada hitam, saya ingin memberitahu bahawa Kerajaan telah mengujudkan satu Lembaga Pemasaran Lada Hitam untuk tujuan tersebut. Lembaga itu sedang menubuhkan pusat-pusat memperoses lada hitam sebagai satu daripada tugas-tugas mengred di Kuching, Sarikei dan Johor Bharu. Dengan melaksanakan langkah ini adalah diharapkan bahawa gred-gred dan mutu lada hitam yang dieksept dapat diakui sepenuhnya. Lembaga itu juga sedang menimbangkan kemungkinan bagi lada hitam dieksept terus kepada negara-negara pengguna.

#### **UNDANG-UNDANG BURUH— PINDAAN**

**12. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau sedar bahawa dalam ladang getah jika sisuami dibuang kerja siisteri juga turut dibuang kerja mengikut undang-undang buruh yang ada sekarang, dan jika sedar, bolehkan beliau mengambil langkah-langkah untuk meminda undang-undang itu.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Apa yang dinyatakan di dalam Ordinan Pekerjaan ialah

bahawa jika kontrek perkhidmatan di antara seorang majikan dan pekerjaanya ditamatkan—samada oleh majikan atau pekerja, kontrek perkhidmatan di antara pasangan pekerja dan majikan juga ditamatkan melainkan pasangan itu memberitahu majikan, di dalam masa 48 jam setelah tamat kontrek itu, bahawa dia mahu meneruskan pekerjaannya.

Perbekalan di dalam undang-undang ini adalah didasarkan di atas konsep bahawa undang-undang janganlah memisahkan seorang pekerja dari pasangannya. Contohnya, jika seorang pekerja menamatkan kontreknya dengan majikan, isterinya tidaklah perlu mengambil tindakan berasingan seperti memberikan notis untuk menamatkan kontreknya. Dia adalah bebas untuk meninggalkan pekerjaannya. Jika suaminya dibuang tetapi isterinya mahu bekerja terus dengan majikan itu, apa yang patut dibuatnya ialah memberitahu demikian kepada majikan.

Adalah tidak menguntungkan pekerja-pekerja bagi meminda undang-undang ini.

#### **GUGU-GURU TERLATIH— PENYAMAAN TARAF GURU-GURU TIDAK TERLATIH**

**13. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru yang terlatih di maktab dan pusat latihan harian menerima gaji yang kurang sebanyak dua kenaikan gaji atau mereka adalah dua tahun lebih muda di dalam perkhidmatan daripada guru-guru yang memiliki Sijil Senior Middle Three (termasuk pemegang-pemegang Sijil Senior Middle Three yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah prebet) yang tidak dilatih di maktab-maktab atau pusat-pusat latihan harian, jika ya, samada beliau bercadang hendak meletakkan mereka setaraf atau pada taraf yang lebih tinggi daripada guru-guru yang tidak terlatih ini, memandangkan bahawa guru-guru yang terlatih ini mengalami kerugian gaji dan kekananan di dalam perkhidmatan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn):** Saya tidak sedar. Jika Ahli Yang Berhormat itu dapat menyampaikan maklumat-maklumat lanjut kepada Kementerian saya, saya akan mengkajinya.

#### **TEKSI HARAM— MEMBERHENTIKAN KEGIATAN**

**14. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandangkan usahanya untuk memberhentikan kegiatan teksi haram di kawasan perusahaan Kemunting di Taiping, samada beliau akan menimbangkan:

- (i) mengeluarkan lebih banyak lagi lesen-lesen teksi di kawasan itu; dan
- (ii) menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan bas di kawasan itu.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tindakan sedang diambil bagi mengeluarkan 5 buah lagi lesen teksi tambahan di kawasan Taiping yang disyorkan oleh Lembaga Penasihat Kereta-kereta Sewa Negeri Perak.

Akibat usaha Kementerian saya untuk memberhentikan kegiatan teksi haram di kawasan Kemunting di Taiping, maka Syarikat Northern Malaya Transport & Co. telah mengadakan jadual-jadual baru pada 16hb Julai, 1972 selaras dengan kehendak-kehendak pekerja-pekerja di kawasan tersebut dan juga mengadakan perkhidmatan bas khas untuk pekerja-pekerja seramai 2,000 orang di kilang-kilang di Kemunting. Dengan ini kesulitan-kesulitan pekerja-pekerja telah pun diatasi.

Saya telah juga mengarahkan Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Negeri Perak supaya berhubung dengan tuan-tuan punya kilang dan pekerja-pekerja untuk membincangkan dengan syarikat-syarikat bas di Taiping untuk mengadakan perkhidmatan bas malam hari bagi pekerja-pekerja di Kemunting, dan jika Syarikat bas tidak boleh mengadakan perkhidmatan tersebut, permohonan-permohonan dari bekas-bekas pasukan keselamatan menerusi persatuan mereka untuk mengadakan perkhidmatan bas-bas kecil pada waktu malam untuk pekerja-pekerja di Kemunting akan diberi keutamaan.

#### **MORGAN INKS (MALAYSIA) BERHAD—MONOPOLI DAKWAT PENCETAKAN**

**15. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar Syarikat Morgan Inks

(Malaysia) Berhad telah diberi monopoli untuk membuat dakwat pencetakan (printing ink), jika benar, nyatakan sebab-sebabnya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Adalah tidak benar bahawa Syarikat Morgan Inks (Malaysia) Sdn. Bhd. telah diberikan monopoli untuk membuat dakwat pencetakan (printing ink). Yang sebenarnya, syarikat tersebut telah diberikan kelulusan untuk membuat dakwat pendua (duplicating ink) dan bukannya dakwat pencetakan. Dakwat pencetakan adalah dibuat oleh beberapa buah syarikat tempatan yang lain.

Syarikat Morgan Inks (Malaysia) Sdn. Bhd. juga tidak diberikan monopoli untuk membuat dakwat pendua. Sebelum syarikat ini diluluskan, Kementerian saya terlebih dahulu telah memberikan kelulusan kepada 3 buah syarikat yang lain. Kelulusan terhadap dua daripadanya telah ditarek balik kerana mereka tidak dapat melaksanakan projek mereka manakala yang ketiga belum lagi melaksanakan projeknya dan tindakan sedang diambil untuk menentukan sebab-sebab projek itu lambat dilaksanakan. Dan lagi, ada terdapat sebuah syarikat tempatan lain yang membuat dakwat pendua tanpa sebarang kelulusan rasmi daripada Kementerian saya. Ini adalah kerana sebelum tahun 1969 kelulusan Kementerian ini adalah tidak perlu diperolehi kiranya suatu syarikat tidak berkehendakkan galakan cukai.

#### **BIRO POLITIK KESATUAN-KESATUAN SEKERJA—KEBENARAN PEMBENTUKAN**

**16. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan kebenaran bagi Kesatuan-kesatuan Sekerja membentuk biro politik memandangkan pembentukan Biro-biro Buruh di beberapa parti-parti politik, dan jika tidak, mengapa.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan Kesatuan-kesatuan Sekerja untuk menubuhkan biro politik kerana ia akan bertentangan dengan perbekalan-perbekalan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja. Adalah juga tidak menjadi hasrat Kerajaan untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja bagi membolehkan kesatuan sekerja untuk

menyertai di dalam pergerakan-pergerakan politik.

#### **JURUTERA PERUNDING RANCANGAN COLOMBO AUSTRALIA**

**17. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila lapuran dan syor-syor kajian yang telah dibuat oleh Perunding-perunding Rancangan Colombo yang telah melibatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak \$85,000 akan siap.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Jurutera Perunding yang bekerja di bawah bantuan Rancangan Colombo Australia bagi membuat kajian dan rekabentuk kejuruteraan bagi jalan-jalan:

- (i) Gopeng/Ringlet.
- (ii) Bahagian Utara Leboh Raya Kuantan/Segamat.
- (iii) Sungei Keratong/Bahau,

akan menyediakan lapuran-lapuran pada bulan Jun, 1974.

#### **JAMBATAN BOTA PERAK—PERBELANJAAN**

**18. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila Jambatan Bota di Negeri Perak dengan perbelanjaan sebanyak \$2½ juta itu akan siap;

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Kerja-kerja pembinaan jambatan ini sedang dilaksanakan. Adalah dijangka bahawa pembinaan akan dapat disiapkan dan akan dibuka untuk lalu-lintas pada bulan Februari, 1973.

#### **HOSPITAL UMUM DI LIMBANG—PEMBENAAN**

**19. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah sebuah Hospital Umum akan dibina di Limbang.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tapak tanah akan dibeli dalam tahun 1972 ini. Perancangan telah dibuat bahawa pembinaan akan bermula dalam bulan September 1973. Rancangan ini akan siap pada bulan Februari, 1975.

### LAMPU-LAMPU ISYARAT DI LINTASAN KERETAPI

**20. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Perhubungan menyatakan bila Kerajaan akan memasang lampu-lampu isyarat-isyarat yang terang di lintasan-lintasan keretapi seperti yang dipasang di tempat-tempat bahaya di tepi-tepi jalan untuk menggantikan lampu-lampu minyak yang tiada begitu terang cahayanya.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Kerajaan sedang mengkaji masalah ini dengan mendalam dan perbincangan-perbincangan dengan beberapa buah negeri telahpun diselenggarakan. Hasil perbincangan tersebut sedang diteliti dan dikaji.

### TV MALAYSIA SABAH—MASA SIARAN

**21. Datuk James Wong Kim Min** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan berapa jamkah rancangan yang diuntukkan oleh T.V. Malaysia Sabah dan di dalam basasa-bahasa apa rancangan-rancangan ini diuntukkan.

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Masa siaran untuk TV Malaysia Sabah ialah selama lebih kurang 5 jam sehari dalam bahasa Malaysia dan Inggeris.

### CHIA CHONG SENG—PEMBUANGAN KERJA

**22. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Chia Chong Seng telah dibuang kerja daripada Roxy Electric Industry Sdn. Bhd., Kuala Lumpur pada 15-6-72 tanpa sebarang sebab;
- (b) samada suatu penyiasatan telah dibuat mengenai pembuangannya dan jika ya, apakah keputusan penyiasatan itu; dan
- (c) apa tindakan yang akan diambil oleh Menteri mengenai perkara ini dan samada dia dibenarkan mendapat pembelaan guaman dalam sebarang perbicaraan atau penyiasatan selanjutnya.

**Tan Sri V. Manickavasagam:**

- (a) Saya sedar bahawa Encik Chia Chong Seng telah dibuang kerja oleh Syarikat Roxy Electric Industries (M) Sdn. Bhd.,

Kuala Lumpur pada 1hb. Mac, 1972 dan tidak pada 15hb. Jun, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan (Bebas). Mengikut penyiasatan Kementerian saya, Encik Chia Chong Seng telah diberitahu oleh majikannya tentang sebab-sebab beliau dibuang kerja.

- (b) Encik Chia Chong Seng telah merayu kepada Menteri di bawah Seksyen 16A, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 pada 7hb. Mac, 1972 mengenai pembuangan kerjanya. Walau bagaimanapun disebabkan beliau di dalam tahanan polis maka satu penyiasatan mengenai pembuangan kerjanya tidak dapat diadakan sehinggalah 8hb Ogos, 1972. Penyiasatan sekarang telah hampir siap dan satu keputusan mengenai rayuan itu akan dibuat tidak lama lagi.
- (c) Samada seorang "counsel" akan dibenarkan mewakili Encik Chia Chong Seng atau bagi mana-mana pekerja di dalam sebarang penyiasatan mengenai pembuangan kerja adalah bergantung di atas budibicara Pegawai Penyiasat. Dalam hal ini, Encik Chia Chong Seng tidak mempunyai seorang "counsel" untuk mewakilinya bagi penyiasatan atau beliau menyatakan kepada pegawai penyiasat mengenai hajatnya samada untuk mendapatkan seorang "counsel".

### BATEK MALAYSIA—PEMASARAN

**23. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang akan diambil untuk mendapatkan kerjasama dalam hal pemasaran batik antarabangsa; dan
- (b) di negeri-negeri manakah batik Malaysia amat popular.

**Tuan Mohamed Khir Johari:**

- (a) Buat masa sekarang batik Malaysia adalah dipasarkan keluar negeri oleh beberapa pengeksport yang mana kebanyakannya menjalankan perniagaan mereka secara kecil-kecilan. Oleh yang demikian harga pasaran dan mutu batik yang dieksport adalah berbedza di antara pengeksport-pengeksport. Keadaan begini adalah tidak memuaskan



Sekiranya satu perubahan yang berkesan hendak diperlihatkan di dalam pasaran-pasaran batik luar negeri adalah perlu bagi pengeksport-pengeksport batik kita berkerjasama untuk mengadakan satu peraturan yang dapat diterima oleh semua pihak yang akan membolehkan mereka menggalakkan eksport mereka dengan cara yang lebih berkesan lagi. Tat kala diadakan perundingan-perundingan dengan Amerika Syarikat mengenai Perjanjian Textiles, kita telah mendapat kota batik khas sebanyak satu juta ela persegi. Selain daripada ini Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita disebarkan laut telah membantu pengeksport-pengeksport batik kita berhubung dengan pengimpot-pengimpot asing dan juga mengadakan seranta untuk pemasaran batik kita disebarkan laut.

- (b) Pada masa sekarang ini pasaran-pasaran terkemuka bagi batik keluaran Malaysia ialah Amerika Syarikat dan Negeri Perancis. Batik keluaran Malaysia telah juga dijual di dalam kuantiti yang berlainan ke Australia, New Zealand, Jepun, Jerman Barat dan Italy.

#### **PERSATUAN GURU/IBUBAPA— PEMBENTUKAN**

**24. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah bentuk persatuan Guru/Ibubapa yang dikehendaki oleh Kementerian ini dan adakah persatuan jenis ini dilahirkan oleh ibubapa atau guru-guru atau Kementerian ini;
- (b) samada persatuan jenis ini sudah ditubuhkan;
- (c) apakah tujuan-tujuan besar persatuan jenis ini; dan
- (d) apakah perhubungannya dengan persatuan Guru/Ibubapa yang ada sekarang.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:**

- (a) Peraturan-Peraturan berkenaan dengan persatuan Guru/Ibubapa sedang dibuat oleh Menteri Pelajaran mengikut kuasa yang diberi kepadanya dibawah seksyen 116 Akta Pelajaran, 1961. Bentuk persatuan tersebut adalah sama seperti persatuan Guru/Ibubapa yang

ada sekarang ini kecuali persatuan tersebut akan dikehendaki mendaftarkan dengan Kementerian Pelajaran. Persatuan Guru/Ibubapa ini akan ditubuhkan bersama oleh guru-guru dan ibubapa murid-murid di sekolah yang berkenaan.

- (b) Belum lagi.
- (c) Tujuan-tujuan besar persatuan seperti ini adalah :
  - (i) supaya aktiviti-aktiviti persatuan diarahkan kepada kepentingan kanak-kanak sekolah.
  - (ii) supaya diadakan suatu forum di mana ibubapa dan guru-guru dapat membincangkan cara-cara memperbaiki lagi suasana pelajaran kanak-kanak sekolah.
  - (iii) untuk membantu mengadakan alat-alat pendidikan bagi kanak-kanak sekolah supaya mereka dapat maju dalam bidang mental, jasmani dan moral.

- (d) Persatuan Guru/Ibubapa yang ada sekarang yang didaftarkan oleh Pendaftaran Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 ialah sama juga dengan persatuan Guru/Ibubapa yang akan diwujudkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Pelajaran, 1961. Peruntukan-peruntukan akan dibuat supaya persatuan Guru/Ibubapa yang ada sekarang ini didaftarkan oleh Kementerian Pelajaran dan bukan lagi oleh Pendaftaran Pertubuhan.

#### **PENJAJA-PENJAJA BANDARAYA KUALA LUMPUR—PULAU PINANG— RUNGUTAN**

**25. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Kementerian beliau sedar akan rungutan-rungutan yang dibuat oleh penjaja-penjaja di Bandaraya Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bahawa kadar bayaran lesen penjaja sangat tinggi hampir sama dengan bayaran lesen bagi kedai-kedai besar. Jika ya, sama ada Kerajaan bercadang hendak menurunkan kadar bayaran ini.

**Datuk Ong Kee Hui:** Di Kuala Lumpur terdapat dua jenis penjaja :

- (i) Penjaja-penjaja yang berjaja dari satu tempat ke satu tempat yang lain; dan



- (ii) Penjaja-penjaja yang berjaja di tempat-tempat yang tertentu.

Bagi penjaja-penjaja jenis pertama bayaran lesen dinaikkan sejak tahun 1971 dari \$15.00 kepada \$24.00 (60%) setahun. Kenaikan bayaran lesen sebanyak 75 sen sebulan ini adalah difikirkan rendah yang tidak menyusahkan penjaja-penjaja.

Bagi penjaja-penjaja jenis kedua bayaran lesen sejak tahun 1971 dikira mengikut ukuran gerai-gerai dan juga tempat atau kawasan di mana gerai-gerai tersebut berada.

Bayaran lesen bagi gerai-gerai yang tidak melebihi ukuran 18 kaki persegi letaknya di atas tanah selain daripada tanah persendirian ialah dari \$15 sebulan hingga \$20 sebulan bergantung kepada kawasan letak gerai itu tetapi di mana gerai-gerai yang melebihi ukuran 18 kaki persegi, bayaran lesennya adalah ditetapkan dengan bayaran yang lebih tinggi mengikut ukuran. Bayaran lesen bagi sebuah gerai yang berukuran lebih dari 18 kaki persegi tetapi tidak melebihi 100 kaki persegi ialah dari \$20 sebulan hingga \$30 sebulan dan tambahan sebanyak dari \$20 sebulan hingga \$30 sebulan bagi tiap-tiap ukuran yang melebihi 100 kaki persegi atau pun sebahagian daripadanya.

Bayaran lesen bagi gerai-gerai yang terletak di atas tanah persendirian ialah \$10 sebulan bagi semua kawasan yang ukurannya tidak lebih daripada 18 kaki persegi, \$15 sebulan bagi semua kawasan yang ukurannya melebihi 18 kaki persegi tetapi tidak melebihi 100 kaki persegi dan tambahan sebanyak \$15 sebulan bagi tiap-tiap 100 kaki persegi atau pun sebahagian daripadanya.

Lesen-lesen penjaja tidaklah dapat dibandingkan dengan lesen-lesen kedai. Walau pun lesen-lesen kedai sekarang adalah di antara \$30.00 hingga \$480.00 setahun mengikut jenis perniagaan, tetapi perlu diperhitungkan juga bahawa pekedai-pekedai terpaksa membayar beberapa bayaran yang lain seperti cukai pintu, sewa kedai, hasil tanah, insuran, bekalan letrik serta air, perbelanjaan untuk memenuhi syarat-syarat kesihatan di mana perlu dan sebagainya. Memandangkan hal ini bayaran lesen yang dikenakan bagi penjaja-penjaja tidaklah boleh dikatakan tinggi. Oleh yang demikian buat masa ini Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur tidak bercadang hendak menurunkan kadar bayaran lesen penjaja.

Saya dukacita tidak dapat memberi jawapan mengenai kedudukan perkara lesen penjaja-penjaja di Pulau Pinang kerana Pulau Pinang adalah di luar kuasa Kementerian saya.

### SENJATAPI—JUMLAH

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyakkah senjatapi yang berlesen di negeri ini, berapa di tiap-tiap buah negeri dan berapa yang dimiliki oleh orang-orang Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:**

- (a) Jumlah senjatapi yang dikeluarkan kepada orang ramai dengan berlesen ialah sebanyak 77,309 pucuk.

- (b) Jumlah senjatapi bagi tiap-tiap negeri ialah:

Selangor	...	...	11,515
Negri Sembilan	...	...	4,649
Melaka	...	...	1,752
Johor	...	...	7,093
Perak	...	...	12,272
Pahang	...	...	7,735
Pulau Pinang	...	...	2,309
Kedah/Perlis	...	...	9,490
Trengganu	...	...	2,361
Kelantan	...	...	3,114
Sabah	...	...	14,948
Sarawak (yang diketahui oleh Polis)	...	...	71
<b>JUMLAH</b>			<b>77,309</b>

- (c) Bukanlah menjadi amalan Kementerian untuk menyatakan bilangan senjatapi yang dimiliki oleh orang-orang Melayu, Cina, India dan lain-lain itu, demi kepentingan ketenteraman awam.

### SEE HUA DAILY NEWS— SEBAB-SEBAB DI GANTUNGAN

27. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri apakah sebab musabab dikenakan kuatkuasa seksyen 8 P.P.O., 1962 terhadap "See Hua Daily News" dalam Negeri Sarawak selama sebulan mulai 9hb Julai.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Akhbar Harian See Hua atau See Hua Daily News, Sarawak telah menyiarkan satu lapuran berita pada 16hb Jun, 1972 di muka hadapan akhbar itu berhubung dengan lawatan rombongan rasmi Kerajaan Indonesia ke Sarawak dan lapuran ini telah didapati parasangka terhadap kepentingan negara. Oleh hal yang demikian, saya telah mengarahkan Pendaftar Surat-surat Akhbar Sarawak untuk menggantung Permit Cetak Mencetak akhbar ini selama 1 bulan mulai daripada 9hb Julai, 1972.

#### **HANAFI BIN YUNUS—PERLIBATAN KETUA PEGAWAI POLIS KEDAH MENGENAI ROGOL**

**28. Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah tindakan tatatertib akan diambil terhadap Ketua Pegawai Polis Kedah yang bukan sahaja terlibat tetapi juga yang telah mencari jalan untuk membebaskan saudaranya, Hanafi bin Yunus, daripada langkah-langkah pembicaraan di sisi undang-undang kerana terlibat dalam kes rogol.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:**

(a) Tidak.

(b) Ketua Pegawai Polis Kedah/Perlis tidak ada kena mengena atau bersaudara dengan Encik Hanafi bin Yunus yang dituduh merogol pada 30hb Mei, 1971 itu. Ujudnya beliau di dalam kes ini hanyalah sebagai saksi yang telah dipereksa di dalam pembicaraan tersebut.

(c) Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan Ketua Pegawai Polis Kedah/Perlis ini telah terlibat dan mencari jalan untuk membebaskan yang dituduh itu, adalah tidak benar, oleh kerana tidak ada bukti yang menunjukkan Pegawai ini cuba mencari jalan untuk menghalang atau menolong yang dituduh itu daripada menghadapi tindakan undang-undang dan beliau tidak terlibat di dalam kes ini.

#### **CHIA CHONG SENG—HAK MENDAPATKAN NASIHAT GUAMAN**

**29. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa Chia Chong Seng yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah tidak diberi hak untuk mendapat nasihat guaman dengan tiada membenarkan peguambelanya bertemu dengannya sehingga selepas sebelas hari ditahan barulah peguambelanya dibenarkan bertemu dengannya, selama sepuluh minit sahaja dan samada pembelanya akan dibenarkan bertemu dengannya tanpa sebarang sekatan; dan

(b) samada semua orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dibenarkan hak pembelaan sebaik sahaja ditahan.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Apa yang telah berlaku sebenarnya ialah bahawa pihak Polis cuma mengetahui bahawa Encik Chia Chong Seng (yang telah ditangkap pada 12hb Mei, 1972) mempunyai seorang peguam ialah apabila Ketua Cawangan Khas Polis negeri Selangor menerima sepucuk surat bertarikh 29hb Mei, 1972 daripada sebuah syarikat peguam Tetuan Daim dan Gamany memohon supaya dibenarkan menemui Encik Chia. Peguam tersebut telah dibenarkan menemui Encik Chia pada 1hb Jun, 1972. Peguam itu telah berjumpa anakguamnya daripada pukul 10.35 hingga 10.50 pagi—selama 15 minit—mengikut kehendak-kehendak kaedah 22 (4) Kaedah-kaedah Lokap (Lock-up Rules) tahun 1953. Pada 3hb Julai, 1972 peguam Encik Chia telah membuat satu lagi permohonan menemui Encik Chia pada 11hb Julai, 1972. Permohonan tersebut itu telah dipersetujui; tetapi Encik Chia dibebaskan pada 19hb Julai, 1972. Oleh itu peguam Encik Chia bolehlah berjumpanya pada bila-bila sahaja ia suka.

(b) Selaras dengan peruntukan Perkara 5 (3) Perlembagaan Persekutuan tiap-tiap orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 adalah dibenarkan hak pembelaannya seberapa segera yang boleh (as soon as is reasonably practical).

### TAHANAN-TAHANAN—JUMLAH

**30. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- bilangan tahanan, lelaki dan perempuan yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga hari ini di kem-kem tahanan Muar, Batu Gajah dan Taiping;
- apakah rancangan pemulihan yang dibuat kepada tahanan-tahanan di tiap-tiap pusat;
- bilangan lelaki dan perempuan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semenjak tahun 1972, (i) di Malaysia Barat, (ii) di Sarawak, (iii) di Sabah;
- bilangan orang-orang yang telah menyerah diri kepada Pasukan Keselamatan, (i) di kawasan Sungai Siput Utara; (ii) di kawasan Kedah Selatan; dan
- hadiah yang paling tinggi pernah diberikan kepada pemberitahu maklumat-maklumat.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:**

- Sehingga 30hb Julai, 1972 bilangan orang-orang yang ditahan di Tempat-tempat Tahanan Perlindungan di Muar, Batu Gajah dan Taiping ialah 344. Butir-butir ialah seperti berikut:

	Lelaki	Perempuan
(i) Tempat Tahanan Perlindungan Khas, Batu Gajah ...	209	41
(ii) Tempat Tahanan Perlindungan, Muar ...	82	—
(iii) Penjara, Taiping ...	12	—
	<hr/> 303	<hr/> 41

- Oleh kerana kawasan-kawasan di tempat-tempat tahanan perlindungan yang ada sekarang ini adalah terhad maka tidak ada rancangan pemulihan di tempat-tempat itu. Tetapi kursus-kursus pemulihan akan diadakan di Tempat Tahanan Perlindungan di Taiping yang akan siap pada penghujung tahun ini.
- Bilangan orang-orang lelaki dan perempuan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

sejak 1hb Januari, 1972 hingga 30hb Julai, 1972 ialah 28 orang lelaki dan 9 orang perempuan di Malaysia Barat. Tidak ada sesiapa pun yang ditahan di bawah Akta tersebut di Sabah dan Sarawak.

- Tidak ada musuh yang telah menyerah diri kepada Pasukan Keselamatan di kawasan-kawasan tersebut.
- Hadiah yang paling tinggi pernah diberikan kepada pemberitahu-pemberitahu maklumat tidaklah dapat diumumkan oleh sebab-sebab keselamatan.

### BADAN BERKANUN BAGI MEMBANTU BUKAN BUMIPUTRA—PENUBUHAN

**31. Datuk James Wong Kim Min** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menubuhkan badan-badan yang bukan politik seperti MARA dan PERNAS untuk membantu orang-orang bukan bumiputra dan bukan Melayu yang miskin memandangkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang dibuat bagi menghapuskan kemiskinan, tidak mengira bangsa, warna kulit dan keturunan di Malaysia.

**Perdana Menteri:** Kerajaan tidak memikirkan perlu bagi menubuhkan pertubuhan-pertubuhan yang demikian untuk membantu rakyat-rakyat bukan bumiputra oleh kerana pertubuhan-pertubuhan yang sudah ada pada masa ini seperti FIDA, MIDF Berhad, UDA dan lain-lain lagi bertujuan bagi memberi perkhidmatan untuk semua rakyat Malaysia. Kegiatan-kegiatan usaha-sama yang dikendalikan oleh MARA dan PERNAS adalah juga membantu rakyat-rakyat bukan bumiputra dalam beberapa cara dan bentuk.

Berkenaan dengan pembasmian kemiskinan, Rancangan Malaysia yang Kedua telah sedia mengandungi rancangan-rancangan yang bertujuan bagi meninggikan lagi taraf hidup semua rakyat Malaysia. Misalnya, rancangan-rancangan penempatan, rancangan-rancangan rumah-rumah, pelajaran dan latihan, kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan dan lain-lain yang dimasukkan dalam Rancangan Malaysia yang Kedua kesemuanya dirancang untuk menolong membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

## MAS—TUDUHAN PENOLAKAN JURUTERBANG MALAYSIA

**32. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah benar bahawa MAS menolak pemandu-pemandu kapalterbang dari rakyat Malaysia dan memilih pemandu-pemandu kapalterbang Australia walaupun mereka mempunyai kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang sama.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Adalah tidak benar bahawa pehak MAS menolak juruterbang-juruterbang dari warganegara Malaysia dan memilih juruterbang-juruterbang Australia walau pun mereka mempunyai kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang sama. Pehak MAS telah pun menawar pekerjaan kepada semua juruterbang-juruterbang warganegara Malaysia yang ada dalam syarikat MSA. Syarikat MAS tidak mengambil kakitangan dari luar negeri melainkan tidak ada warganegara Malaysia yang layak dan mempunyai kemahiran dan pengalaman yang dikehendaki.

## TOPI KELEDAR BAGI ORANG SIKH—PENGUNAAN

**33. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang berhubung dengan penggunaan topi-topi keledar oleh penunggang-penunggang motosikal terhadap orang-orang Sikh di Malaysia seperti yang dikenakan kepada bangsa-bangsa lain.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama di atas perkara ini.

## TUDM—PENGAMBILAN PEGAWAI

**34. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) bilangan permohonan-permohonan dari belia-belia Malaysia untuk memasuki T.U.D.M. sejak tahun 1969;
- (ii) bilangan pemohon-pemohon yang telah diambil ke dalam T.U.D.M. sejak tahun 1969;
- (iii) bilangan pemohon-pemohon yang telah ditolak kerana tidak memperolahi kelulusan di dalam Bahasa Malaysia di

peringkat M.C.E. dengan memberi angka-angka mulai dari tahun 1969; dan

- (iv) jumlah bukan warganegara Malaysia yang telah diambil masuk ke dalam T.U.D.M. sejak tahun 1969 dengan memberi angka-angka yang berasingan mengikut negara-negara asal mereka.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauden Al-Haj):** Saya tidak pasti samada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai anggota-anggota T.U.D.M. itu dimaksudkan dengan pengambilan pegawai-pegawai khususnya atau pengambilan pegawai-pegawai dan anggota-anggota lain-lain pangkat kedua-duanya sekali. Walaubagaimanapun saya fikir maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah pengambilan pegawai-pegawai kerana syarat lulus Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia II di peringkat SPM/MCE itu hanya dimasukkan di dalam kelayakan masuk bagi pegawai-pegawai kedet sahaja. Yang demikian saya berikan angka-angka seperti berikut:

- (i) Sejak tahun 1969, sejumlah 2,618 permohonan telah diterima;
- (ii) 337 pemohon telah dipilih untuk latihan;
- (iii) Jumlah permohonan yang ditolak kerana tidak ada kelulusan Bahasa Malaysia ialah 208, iaitu 185 dalam tahun 1971 dan 23 dalam tahun 1972. Syarat lulus Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia II di peringkat SPM/MCE itu hanya dikuatkuasakan mulai tahun 1971;
- (iv) Mengenai Bahagian (iv) soalan itu, orang-orang bukan warganegara tidak diambil bekerja oleh T.U.D.M. Walau bagaimanapun ada terdapat beberapa orang anggota-anggota pinjaman berkhidmat di dalam T.U.D.M. Sejak tahun 1969, seramai 100 orang anggota yang terdiri daripada 19 pegawai dan 81 lain-lain pangkat telah dipinjam daripada negara-negara Komonwel sementara anggota-anggota warganegara yang akan memenuhi jawatan yang mereka penuhi itu sedang menjalani latihan di pusat-pusat latihan di luar dan di dalam negeri.

### SENJATA DI GUGURKAN DI HUTAN MALAYSIA/THAI— KAPALTERBANG LUAR

35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar beberapa buah kapalterbang luar telah menggugurkan senjata di hutan-hutan antara Malaysia dan Negeri Thai pada 9hb Jun, 1972. Jika benar, adakah Kerajaan Malaysia tahu kapalterbang siapa dan apa tindakan yang telah diambil ke atas perkara ini.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tidak benar.

### PUSAT SIMPANAN PERLINDUNGAN/ KAWASAN GERAKAN PENUKUL— PENYELEGGARAAN

36. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah (a) belanja purata pada sebulan; dan (b) jumlah belanja tahunan, yang ditanggung oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menyelenggara:

- (a) Pusat Simpanan Perlindungan dekat Lapanganterbang, Kuching;
- (b) Kawasan-kawasan Gerakan Penukul sepanjang Jalan Kuching/Serian, Sarawak;

dengan menerangkan sekali jumlah:

- (a) pegawai-pegawai Kerajaan; dan
- (b) orang-orang lain;

yang terlibat dalam kedua-dua tempat yang terlibat itu.

#### Perdana Menteri:

(i) (a) Bagi Pusat Simpanan Perlindungan dekat Lapanganterbang, Kuching, jumlah perbelanjaan purata pada tiap-tiap sebulan bagi menguruskan tempat pertahanan tersebut ialah \$137,874.56 dan jumlah perbelanjaan pada setahun ialah \$1,654,494.67.

(i) (b) Bagi kawasan-kawasan Gerakan "Hammer" (Operation Hammer) sepanjang Jalan Kuching/Serian, Sarawak jumlah perbelanjaan purata sebulan ialah \$29,800 dan jumlah perbelanjaan pada setahun ialah \$357,510.

Dari jumlah perbelanjaan-perbelanjaan tersebut Kerajaan Negeri hanya mengeluarkan perbelanjaan sebanyak \$28,510.

(ii) (a) & (b) Jumlah pegawai-pegawai/kakitangan-kakitangan Kerajaan bagi menyelenggarakan Pusat Simpanan Perlindungan dekat Lapanganterbang Kuching ialah seramai 273 orang.

Bagi menyelenggarakan kawasan-kawasan Gerakan "Hammer" (Operation Hammer) sepanjang Jalan Kuching/Serian, Sarawak jumlah pegawai-pegawai/kakitangan-kakitangan Kerajaan ialah seramai 236 orang dan orang-orang lain yang terlibat ialah 8,326 orang.

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA TAHUN 1973

**Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang dibuat atas nama Menteri Kewangan:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, menetapkan bahawa wang sebanyak \$322,672,000 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 untuk perbelanjaan segera bagi maksud kepala-kepala yang tersebut dalam penyata sementara dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 38 tahun 1972, dan diuntukkan jumlah tersebut bertentangan dengan kepala-kepala di ruangan tiga dalam penyata tersebut bagi perbelanjaan sementara menunggu Anggaran Pembangunan tahun 1973 diluluskan.

Oleh kerana Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973 tidak akan dibincangkan dan diluluskan oleh Dewan ini hingga selepas bulan Januari, 1973, maka perlulah peruntukkan disediakan untuk Kerajaan membiayai perbelanjaan yang mustahak pada awal tahun hadapan sehingga Anggaran Pembangunan tahun 1973 dibentang dan diluluskan dalam Dewan ini. Peraturan membentangkan dalam Dewan Rakyat penyata sementara yang menunjukkan jumlah-jumlah wang yang perlu dibelanjakan terhadap tiap-tiap kepala perbelanjaan sebelum anggaran tahun itu diluluskan, adalah mengikut seksyen 4 (5) Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966.

Jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi masa sementara dari 1hb Januari,

1973 sehingga Anggaran Pembangunan tahun 1973 diluluskan oleh Dewan ini ialah \$322,672,000 seperti yang diterangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 38 Tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, menetapkan bahawa wang sebanyak \$322,672,000 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 untuk perbelanjaan segera bagi maksud kepala-kepala yang tersebut dalam penyata sementara dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 38 tahun 1972, dan diuntukkan jumlah tersebut bertentangan dengan kepala-kepala di ruangan tiga dalam penyata tersebut bagi perbelanjaan sementara menunggu Anggaran Pembangunan tahun 1973 diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN GETAH MALAYA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) (PERLUASAN DAN PINDAAN)

**Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon supaya Akta Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan) 1972 dibacakan pada kali yang kedua.

Akta Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Kemajuan) 1972 ini adalah bertujuan untuk meminda dan meluaskan Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya 1958. Lembaga yang baru ini, seperti Lembaga yang masih ada akan menggalakkan penyelidikan mengenai pengeluaran dan penggunaan getah asli dan akan menyelaraskan kegiatan-kegiatan di luar dan di dalam negeri, berkaitan dengan penyelidikan, kemajuan, publisiti dan lain-lain hal yang

akan mendatangkan faedah kepada perusahaan getah asli. Pindaan-pindaan Ordinan 1958 adalah bertujuan untuk memperbaiki Struktur Organisasi dan perwakilan di dalam Lembaga yang masih ada, memandangkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam keadaan perusahaan getah asli. Tujuannya ialah untuk menentukan bahawa kegiatan-kegiatan menyelidik dan memajukan perusahaan getah disatukan dengan rancangan-rancangan kemajuan dan matlamat-matlamat negara dengan secara positif dan berkesan.

Sungguhpun Lembaga Kumpulan Wang Getah Malaya dengan hak kuasa yang tercatat di dalam Ordinannya mempunyai berbagai-bagai tujuan, akan tetapi tugas-tugasnya itu tidaklah semestinya memainkan peranan yang tertentu di dalam pembangunan perusahaan getah asli dan di dalam pembangunan negara. Oleh itu, dicadangkan MRFB ini dinamakan sebagai Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia (Malaysian Rubber Research and Development Board atau MRRDB) supaya semua tugas-tugasnya dapat dijelaskan dengan lebih tepat lagi.

MRRDB ini akan terus mentadbirkan ketiga-tiga unit di bawahnya iaitu Pusat Penyelidikan Getah Malaya (RRIM) di Kuala Lumpur, Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar. Getah Asli atau NRPR dekat London, dan Biro Getah Asli (Natural Rubber Bureau atau NRB) yang ditubuhkan di dalam sepuluh negara untuk memberi nasihat-nasihat teknik kepada pekilang-pekilang besar di seluruh dunia ini.

Nama-nama pertubuhan dan persatuan-persatuan ini tidak sesuai lagi oleh sebab keadaan masa telah berubah. Dengan adanya peluang ini maka nama-nama mereka itu ditukarkan menjadi, Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Asli Malaysia dan Biro Getah Malaysia. Selain daripada membetulkan nama-nama badan-badan ini supaya bercorak kebangsaan dan selain daripada mengguna perkataan Malaysia di dalam tajuk-tajuk nama mereka, maka Negara-negara seluruh dunia dapat mengetahui sejauh manakah usaha-usaha penyelidikan, pembangunan dan usaha-usaha memberi galakan telah dipergiatkan untuk memajukan perusahaan getah di negeri ini

dan segala hasil-hasil yang mereka terima itu datang kerana usaha daripada Negara Malaysia ini.

Untuk mencapai matlamat-matlamat yang seperti disebutkan tadi, maka RRI telah menceburkan dirinya dalam penyelidikan dan kemajuan pengeluaran dan penggunaan. Walaupun kegiatan-kegiatan seperti ini sudah kena dengan tujuannya dan lojik, tetapi dengan berlakunya perubahan-perubahan RRI perlu menambahkan lagi usaha-usahanya untuk mengembangkan dan meluaskan penyelidikan dan kemajuan dari segi penggunaan. Sebab-sebabnya ialah: pertama, Asia dengan Australasia adalah satu kawasan yang sedang meningkat maju sebagai pengguna-pengguna getah asli dan kita mestilah mengembangkan perkhidmatan kita kepada negara-negara di rantau ini, dan dengan perusahaan-perusahaan yang menggunakan getah yang bertambah banyak. Satu yunit yang besar di Malaysia adalah perlu untuk menentukan, secara efektif, pasaran-pasaran bagi getah asli memandangkan kepada bertambah banyaknya penggunaan getah-getah asli di rantau ini. Kedua, masa telah tiba bagi Malaysia untuk memajukan dengan secara aktif perusahaan-perusahaan yang berasaskan getah dan untuk menjayakan perusahaan-perusahaan ini, perlulah kita menyesuaikan usaha-usaha ini di dalam penyelidikan dan kemajuan dengan berbagai-bagai penggunaan yang tertentu.

Semasa membangunkan R.R.I. untuk menyelenggarakan tugas-tugasnya yang penting, N.R.P.R.A. mestilah terus bertindak bersama-sama dengan perusahaan-perusahaan getah di sebelah Barat. Negara-negara di Eropah menggunakan getah berjumlah sama banyak dengan jumlah pengeluaran getah asli daripada Malaysia iaitu sebanyak 1.3 juta tan. Di samping itu satu juta tan lagi telah digunakan oleh Amerika Syarikat dan U.S.S.R. dan oleh itu tidaklah bijak jika sekiranya kita tidak mempertahankan sekuat-kuatnya kedudukan getah asli di kawasan yang tersebut itu. Usaha-usaha ini memerlukan kemajuan dalam bidang teknik, hasil daripada penyelidikan di dalam makmal dan dipergunakan di kilang-kilang perdagangan yang bertumpu di situ.

Saya tidak fikir bahawa saya akan jauh terkeluar daripada tajuk, Tuan Yang di Pertua, jika sekiranya saya menyentuh tentang usaha-usaha yang tinggi di dalam

penyelidikan dan kemajuan yang saya telah dapat menyaksikan dengan mata saya sendiri masa lawatan saya ke tempat-tempat di Eropah. Nama Malaysia telahpun terpuji kerana usaha-usaha kita menerusi perkhidmatan kita kepada pengguna-pengguna getah di sana.

Merujuk semula kepada Rang Undang-undang ini satu perkara yang mustahak ialah cadangan untuk menubuhkan di dalam M.R.R.D.B. satu unit yang dinamakan Unit Kerja Penyiasat Ekonomi dan Teknologi (Economic and Technological Intelligence Unit). Susunan yang ada pada masa sekarang di dalam negara ini tidak dapat mengumpul dan menyatukan matlamat-matlamat yang berbagai-bagai jenis yang diperlukan untuk merancang pengeluaran, pemasaran dan penggunaan secara rasional dengan memberi pertimbangan kepada faktor-faktor luar dan dalam. Oleh itu, perlulah diadakan satu pusat yang ditugaskan dengan tanggungjawab-tanggungjawab seperti ini. Pusat ini apabila dilengkapkan dengan pakar-pakar saintis, akan berkhidmat kepada Kerajaan dan perusahaan termasuk lain-lain agensi kebangsaan yang ada kaitan dengan getah terutama sekali Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (Rubber Industry Smallholders Development Authority atau RISDA).

M.R.F.B. telah menubuhkan satu badan penasihat yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Penyelarasan (Co-ordinating Advisory Committee) yang mengandungi Pegawai-pegawai terutamanya pakar-pakar saintis yang memegang tugas-tugas yang tertentu di dalam perusahaan ini untuk memberi nasihat kepada Lembaga ke atas kegiatan-kegiatan penyelidikan yang sedang dijalankan dan kemajuan yang telah diperolehi. Di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di London dari masa ke semasa, Jawatankuasa ini telah mengambil berat terutama sekali ke atas perkara-perkara bersangkutan dengan usaha-usaha untuk mencapai tujuan yang bercorak teknik dan telah memberi keutamaan kepada tugas berkaitan dengan perdagangan dan teknik. Walau bagaimanapun, di dalam konteks peranan yang penting dimainkan oleh getah asli di dalam ekonomi Malaysia, lain-lain langkah adalah diperlukan untuk menempatkan tujuan-tujuan dan keutamaan yang sesuai dengan rangka rancangan khas pembangunan



Malaysia. Sebab itulah Jawatankuasa Penasihat Tempatan dan yang mahir ini ditubuhkan dengan tugas-tugas untuk tujuan-tujuan ini.

Anggota-anggota Lembaga baharu ini adalah seperti berikut:

- (a) Pengawal Penyelidikan Getah sebagai Pengerusi.
- (b) Tiga ahli mewakili sektor ladang-ladang besar perusahaan getah yang terdiri daripada calon-calon yang dipilih oleh Majlis Pekebun-pekebun Getah.
- (c) Tiga ahli mewakili sektor pekebun-pekebun kecil perusahaan getah.
- (d) 2 Wakil daripada Kerajaan Malaysia.
- (e) 3 ahli-ahli lain, seorang daripadanya adalah daripada Malaysia Timur, dan seorang lagi daripada FELDA.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah memperhatikan bahawa Rang Undang-undang ini memberi perwakilan yang seimbang di antara sektor ladang-ladang besar dan sektor Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah. Ini menggambarkan bertambah pentingnya sektor pekebun-pekebun kecil memandang dari segi keluasan ladang-ladang dan jumlah pengeluaran. Kemasukan ahli daripada Malaysia Timur ialah untuk menyamakan dengan tujuan-tujuan M.R.F.B. untuk memperluaskan kegiatan-kegiatannya kepada negeri-negeri di Malaysia Timur.

Rancangan penyelidikan dan keutamaan untuk perusahaan getah tidak boleh dimajukan dengan cara berasingan tetapi mestilah disatukan dengan keperluan ekonomi Negara dan dengan matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan Rancangan Pembangunan Negara. Seksyen 7 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menegaskan perlunya diadakan kerjasama di antara Lembaga dengan semua agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai penyelidikan perkhidmatan luar (extension) pelaksanaan pembahagian kredit, proses dan pasaran dan mempercepatkan tindakan memoden sektor pekebun-pekebun kecil.

Saya suka mengulang bahawa perubahan organisasi yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini dan di dalam 4 Rang Undang-undang yang lain mengenai perusahaan getah akan menggambarkan peringkat baharu dalam kemajuan yang

progresif perusahaan getah di negeri ini. Langkah yang dicadangkan ini adalah didorong di satu pihak oleh perubahan menyesuaikan dan memodenkan sebagai satu reaksi kepada tekanan perasingan daripada perusahaan setanding yang perlu kita hadapi dengan keazaman yang berterusan dan dari satu pihak lagi mengambil langkah ini dengan dorongan objektif pembangunan negara dan cita-cita rakyat. Keyakinan dan bukan kecuaian mestilah menjadi cogankata kita; perusahaan getah asli telah melambangkan kebolehan kita menghadapi kesusahan dan mengambil kesempatan dan peluang daripada cabaran-cabaran itu. Saya percaya kita akan dapat maju lebih giat lagi sesudah kita dapat pengalaman daripada mengatasi masaalah-masaalah yang lepas itu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin sekali lagi mencadangkan supaya Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang kedua.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun memberikan sokongan penuh dalam Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan). Tuan Yang di Pertua, saya gemar memberikan perhatian-perhatian dan pandangan dalam masaalah getah ini oleh sebab saya ini datang daripada kawasan yang hidupnya dalam getah. Maka dengan keadaan pandangan saya ini mudah-mudahan akan memberi menafaat kepada Kerajaan dan Menteri yang berkenaan dan saya harap bahawa pandangan saya ini tidaklah diperengkan-rengankan atau diperendah-rendahkan.

Tuan Yang di Pertua, kita beruntung bahawa Lembaga Penyelidikan Getah atas usaha memperbaiki mutu getah cara-cara rancangan yang dilancarkan menjadikan perusahaan getah Malaya menghadapi perubahan yang pesat serta diakui oleh seluruh dunia sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya ingin membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah benar bahawa pengeluaran-pengeluaran tayar dari Amerika, Jepun dan Russia rancangan getah baharu tayar mendapat tempat dan menjamin sehingga setakat ini apa usaha yang telah dibuat ke arah ini. Rakyat selalu



mendengar berita-berita yang menyedapkan telinga mereka tentang masalah getah bahkan Menteri-menteri pernah mengumumkan di hadapan orang ramai bahawa harga getah akan naik, tetapi kepada rakyat itu adalah bohong. Bukan getah naik, tetapi getah bertambah turun.

Masa kita membincangkan Rang Undang-undang ini empat lima hari yang lalu, Tuan Yang di Pertua, getah ini sudah turun \$3, \$4 pada satu pikul. Ini bukan dibuat oleh ahli-ahli perniagaan getah bahkan badan MRFB yang diusahakan oleh Kerajaan telah mengurangkan pembayaran harga getah ini \$3 pada satu pikul. Jadi keadaan yang macam ini pada masa yang lagi akan datang saya harap kepada Menteri kalau hendak mengumumkan masalah harga getah ini hendaklah mengawasi bercermat betul-betul sesuai benar dengan masanya hendak melancarkan getah ini mahal, jangan masa yang diumumkan getah tak naik. Jadi orang kata Kerajaan ini membohongkan rakyat dan yang jadi susah ialah kami wakil rakyat, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya minta penjelasan. Bilakah saya bercakap begini? Pada masa dahulu perkara itu sudah berlaku seperti saya katakan, tetapi baharu-baharu ini saya tidak bercakap.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, masa yang berlaku itulah yang kami tidak hendak ulang. Masa yang berlaku dahulu jangan diulangkan lagi, itu rakyat yang mahu.

Tuan Yang di Pertua, saya gemar menyentuh dalam usaha Kerajaan memajukan hasil pengeluaran getah jangan hanya semata-mata menumpukan dari negara luar sahaja. Kita harus menambah banyak pakar-pakar ahli sains dan teknologi kita untuk menyelidik getah dengan diambil pada negeri-negeri yang maju, hatta kita membayar gaji yang mahal kepada pakar-pakar itu. Berikan tugasnya kepada Pusat Penyelidikan Getah tempatan kita ini dengan ada makmal-makmal yang cukup membuat barang-barang yang berasaskan getah dan barang yang dikatakan buatan Malaysia. Bukan barang ini dibuat di Malaysia tetapi berakar berumbi daripada negeri yang lain.

Kalau kita boleh mengadakan, Tuan Yang di Pertua, kilang nenas, kilang batik dengan

sendirinya dalam masa yang singkat dalam negeri kita ini, penjualan kita sangat laris, kenapa kita tak boleh buat kilang membuat barang-barang daripada getah yang dikeluarkan oleh Malaysia. Saya hendak contohkan, Tuan Yang di Pertua, usaha ini patut dibuat oleh badan atau agensi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu PERNAS. PERNAS ini bukan saja boleh menjual, memasarkan getah-getah mentah tetapi harus juga mengadakan satu kilang kerana membuat barang-barang daripada getah yang diusahakan oleh Malaysia sendiri.

Tuan Yang di Pertua, saya hendak memberikan butiran atas pandangan saya yang cetek ini. Barang-barang yang diperbuat daripada getah patut diusahakan di Malaysia.

Pertama sekali jenis-jenis tayar, daripada tayar basikal hingga kepada tayar kapal terbang.

Yang kedua, tar goreng yang menambak jalan raya. Bukan sahaja boleh kita gunakan dalam negeri ini, tar goreng ini boleh kita hantar ke dunia luar terutama sekali negeri-negeri jiran. Tar goreng ini sangat mustahak, sangat baik, sangat menyenangkan hati pengguna-pengguna kenderaan yang lalu di jalan raya.

Yang ketiga, saya harap supaya dibuat siasatan mengenai alat-alat, bahan-bahan rumah, jambatan dan kapal daripada getah.

Yang keempat, alat-alat perhiasan rumah termasuk tilam dan bantal. Sekarang kita ada dunlopillo, tetapi dunlopillo ini bukan buatan Malaysia. Dunlop yang buat. Kita mahu Dunlopillo, alat-alat rumah kita yang dibuat oleh kilang-kilang yang diusahakan oleh perkilangan Malaysia sendiri.

Yang kelima, alat-alat sarung dan puting; alat-alat sarung sekarang, Tuan Yang di Pertua, disuatu negeri yang masyhur di India saya dapat tahu India telah membuat alat sarung yang sangat tinggi mutunya dan digunakan oleh seluruh dunia, iaitu sarung tangan, sarung kaki, dan macam-macam jenis sarung termasuklah juga puting. Puting ini semua kanak-kanak yang baharu lahir perlu menggunakan puting daripada getah. Tetapi kita di Malaysia, negeri yang mengeluarkan getah, buat puting pun tak boleh, Tuan Yang di Pertua. Ini patut kita usahakan.

Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan telah berkali-kali dalam Rang Undang-undang masalah getah ini, menyebutkan satu

kemajuan dalam badan penyelidikan ini, satu jenis ubat yang bernama ubat penggalak susu. Tuan Yang di Pertua, penggalak susu ini, Kementerian telah mengeluarkan peruntukan tak kurang daripada \$1 juta. Tetapi siapakah yang mendapat untung dengan rancangan percubaan ini yang selalu dibanggakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini? Saya hendak beritahu, barangkali Yang Berhormat Menteri tak lebih dekat daripada saya, yang dapat keuntungan dari rancangan percubaan ubat galak ini ialah yang pertama sekali orang-orang yang kebunnya besar. Orang yang kebunnya 5 ekar tidak mendapat untung.

Yang kedua, siapa yang menjadi pemborong, itulah yang untung. Sebab dalam rancangan ini, Tuan Yang di Pertua, susu getah banyak. Saya gelarkan ubat "penjujoh susu". Kalau dahulu kita boleh dapat pada pokok getah ini satu kati, tetapi dengan disapu ubat ini, kita boleh dapat 5 ekar. Jadi cawan yang ada pada masa dahulu hendaklah ditukar dengan cawan yang besar yang sesuai dengan susu getah itu. Jadi siapa yang dapat untung, Tuan Yang di Pertua, ialah pemborong. Sesudah rancangan ini dilaksanakan, menurut apa yang saya tahu beberapa banyak pegawai-pegawai telah pergi keluar negeri kerana berihat dengan rancangan ini. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri di-jolok supaya rancangan ini diteruskan. Yang mendapat faedah, bukan pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil yang ada dua ekar itu tak dapat untung. Sebab ubat ini, kalau tidak disapu, getah tak galak lagi. Menyapunya hanya dapat faedah selama 3 bulan sahaja. Lepas 3 bulan, tak disapu lagi, bukan sahaja tak dapat susu getah, ada pokok getah yang kering dan mati. Jadi saya harap Kementerian mestilah mengkaji balik dan rancangan ini digantung semula dan mana pokok-pokok getah pekebun kecil yang mati disebabkan ubat ini, hendaklah badan ini mengganti balik. Ini janjinya dahulu.

Jadi saya memikirkan bahawa rancangan ubat penggalak ini tidak sesuai kepada pekebun-pekebun kecil kita. Yang sesuai bagi pekebun-pekebun yang besar. Dan masalah ini satu perkara yang tak berupaya untuk dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil.

Yang pertama sekali ubat penggalak ini kalau hendak digunakan adalah memerlukan baja, kalau tak ada baja, ubat penggalak ini tak boleh digunakan. Usaha hendak membeli

baja ini satu perkara yang sangat sulit kepada pekebun-pekebun kecil. Saya harap rancangan ini dikaji balik dan jangan memberikan faedah kepada orang-orang yang sudah kukuh ekonominya. Kita mahu supaya rancangan ini sebenar-benarnya memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil kita yang daif dan miskin.

Tuan Yang di Pertua, dalam masalah penyelidikan ini, gemar saya memberi tahu Dewan ini dan juga Menteri yang berkenaan bahawa patut dibuat satu kajian berhubung dengan batang getah. Dahulu rakan sejawat saya telah bercakap tentang masalah batang getah, mudah sahaja Kerajaan menjawab bahawa batang getah ini tidak begitu menguntungkan. Yang sebenarnya batang getah ini, Tuan Yang di Pertua, telah dibuat kajian oleh negeri-negeri yang maju, dan dikatakan boleh dijadikan bahan-bahan pakaian dan juga kertas yang tinggi mutunya. Sekarang batang getah di Malaysia diangkut ke negeri Jepun. Kenapa kita tak boleh menggunakan batang getah kita di sini? Kita ambil habuknya yang telah di proses di kilang dan kita gunakan untuk bahan-bahan kertas dan lain-lain yang boleh mendatangkan faedah kepada negara kita dan menambah lagi mata pencarian hidup pekebun-pekebun kecil kita.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, gemar saya memberikan satu pandangan yang ikhlas bahawa apa yang kami ucapkan dan juga rakan-rakan kami adalah datang daripada teguran yang tulus ikhlas. Mudah-mudahan oleh sebab perubahan baharu berkenaan getah ini, akan memberi faedah kepada rakyat dan juga pada Kerajaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi itu, ketika menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya, berhati-hati benarlah. Jangan mudah sahaja menerima pandangan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan. Sebab tujuan kami menegur ini dengan tujuan supaya badan ini dapat dibaiki.

Kami datang sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, membentuk Kerajaan, kemudian pihak Menteri, pihak Kerajaan sebagai pihak yang mentadbirkan. Kerajaan juga tidak boleh mentadbirkan negeri ini melainkan dengan adanya pegawai-pegawai yang baik. Saya sanjung tinggilah pegawai-pegawai kita yang ada berkecayaan yang mengusahakan jentera Kerajaan. Tetapi pegawai-pegawai ini adalah manusia yang

tak sunyi daripada silap dan salah. Dia mesti menerima teguran daripada rakyat. Oleh itu, saya memandang bahawa apa yang ditegurkan oleh wakil-wakil rakyat, termasuk saya ini, adalah datang daripada perasaan tulus ikhlas, supaya dapat Kerajaan memperbaiki masaalah yang besar yang dihadapi oleh rakyat. Dan kalau setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan tidak begitu senang dengan kritik-kritik daripada wakil-wakil rakyat saya menasihatkan ambil pepatah Melayu: "Kalau takut dilanda ombak, jangan berumah di tepi pantai." Selama Kerajaan ini dipilih oleh rakyat untuk rakyat, selama itu rakyat akan memberikan kritik kepada pegawai-pegawai Kerajaan dengan tujuan supaya dapat apa yang dirancang oleh Kerajaan itu sampai kepada rakyat. Jadi dengan keadaan yang semacam ini, saya mengharapkan sebagai Menteri yang bertanggung-jawab dalam masaalah ini bahawa pada menjawab perkara-perkara yang didatangkan oleh wakil-wakil rakyat kenalah berhati-hati dan menggunakan diplomasi sebab kami datang daripada parti, bukan rakyat mengangkat kami atas nama diri, tetapi nama parti. Samada parti Perikatan, Parti Pekemas, D.A.P.—semua atas nama parti. Jadi, parti itulah dia boleh menang dia boleh memerintah, dia tidak lebih jadi pembangkang. Datangnya teguran kami dengan tulus ikhlas untuk membaiki Kerajaan demi tidak sekali-sekali kami mengkhianati pegawai-pegawai Kerajaan dengan teguran-teguran yang didatangkan oleh Wakil-wakil Rakyat. Dengan ini, saya ucapkan banyak terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan):** Tuan Yang di Pertua, saya juga bangun memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini dan disamping itu suka saya menyentuh sedikit soalan-soalan berhubung dengan bantuan-bantuan yang telah diberi kepada pekebun-pekebun kecil yang ada sekarang dan yang telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu.

Memandang kemerosotan harga-harga getah sungguhlah menyedihkan bagi pekebun-pekebun kecil sekarang hampir-hampir terhimpit dan amat teruk sekali dan hampir-hampir pekebun-pekebun kecil dengan pendapatan dari hasil getah yang diperolehi tidak mencukupi bagi sara hidupnya sendiri, jauh sekali hendak menjaga dan mengawal

tanah serta pokok-pokok getah itu. Maka dengan ini saya suka mencadangkan supaya bagi pihak Kerajaan memberikan lagi bantuan-bantuan dengan seterusnya yang merupakan seumpama baja dan racun-racun lalang dan lain-lain lagi sewajarnya bagi merengankan sedikit kepada pekebun-pekebun kecil hendak mengeluarkan wang yang banyak lagi untuk menjaga pokok-pokok getah mereka. Bantuan-bantuan ini bolehlah bagi pihak Lembaga Menanam Semula menuntut dengan secara beransur-ansur kepada pekebun-pekebun kecil seberapa yang boleh cara potongan yang difikirkan menasabah bagi merengankan pekebun kecil untuk membayarnya di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, saya suka juga menarik perhatian dalam hal pelaksanaan pindaan ini, iaitu Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan patutlah mengkaji semula dalam dasar pelaksanaan ekonomi yang hendak diseimbangkan atau pukul-rata, maka pembahagian tanah yang dibuat pada pekebun-pekebun kecil juga hendaklah disamakan atau mengikut pembahagian tanah-tanah pada tiap-tiap seorang atau satu-satu kelamin pekebun kecil iaitu sebanyak 10 ekar mengikut FELDA sebagaimana kita ketahui. Contoh atau misalnya pekebun-pekebun kecil A telah ada mempunyai 3 ekar tanah yang telah mendapat bantuan sebagaimana tanam semula, kemudian A itu juga memohon sekeping tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi tanam getah sebanyak 7 ekar lagi. Maka bagi pihak Lembaga Tanam Semula hanya akan memberi bantuan sebanyak 3 ekar sahaja dengan bantuan yang penuh, maka dengan itu tinggal 4 ekar yang tidak dapat bantuan untuk ditanam. Maka dengan ini, saya mengharapkan kepada Kerajaan dan Lembaga ini supaya dapat 4 ekar yang tinggal itu juga diberi bantuan penuh sebagaimana yang didapati oleh pekebun-pekebun kecil yang ada mempunyai tanah sebanyak 5 ekar tanam getah biasa dan dapat tahu baharu 5 ekar lagi dia akan mendapat bantuan 5 ekar penuh. Dengan yang demikian, baharulah pekebun-pekebun kecil mendapat kelegaan sedikit di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, disebabkan kemerosotan harga getah sekarang ini patutlah Kerajaan dan Lembaga Tanam Semula memberikan galakan sungguh-sungguh kepada

pekebun-pekebun kecil membuat tanaman-tanaman selingan atau inter-cropping. Ini boleh mendatangkan lebih ekonomi kepada pekebun kecil walaupun pendapat ini telah diketahui oleh RRI, maka sekarang sudahlah sampai masanya berani juga iaitu RRI memprektikan pula dengan sepenuhnya. Dalam soal ini yang pentingnya ialah rancangan-rancangan hendaklah diatur lebih dahulu.

Pertamanya, bagi pihak Lembaga hendaklah mengatur jenis-jenis tanaman hendaklah diberi quota atau pun kawasan-kawasan yang tertentu pada tiap-tiap satu jenis tanaman-tanaman yang digalakkan.

Kedua, pengeluarannya juga bagi pihak Lembaga dan Kerajaan hendaklah mengawal supaya jangan terlalu lebih dalam pengeluarannya disamping juga bagi pihak dalam masalah melaksanakan rancangan itu bagi pihak pasaran juga perlu mendapat jaminan atau pun kawalan yang tertentu daripada pihak Kerajaan.

Ketiga-tiga perkara ini amatlah mustahak dan juga mendapat kerjasama yang kokoh daripada pihak-pihak yang berkenaan iaitu sebagai Jabatan Pertanian, Persatuan-persatuan Peladang, FAMA, FIMA, Syarikat Kerjasama dan Pejabat-pejabat Tanah di dalam satu-satu negeri. Perlu juga memberi sokongan untuk menjayakan rancangan tanaman selingan-selingan yang dibuat itu boleh mendatangkan menafaat dan hasil yang baik kepada pekebun kecil. Dengan ini juga perlu pengawasan yang lebih rapi dari pegawai RRI di lapisan bawah dan juga atas dan ada sistem kredit yang berkenaan pada pekebun kecil membolehkan mereka membeli baja dan anak-anak benih dan lain-lain keperluan bagi pihak ladang-ladang pekebun kecil sendiri. Perlu juga, kalau mustahak kita mengadakan perusahaan-perusahaan untuk menjadikan hasil pengeluaran itu supaya dapat disalurkan sehingga membolehkan pekebun kecil, atau pun kumpulan-kumpulan pekebun kecil menubuhkan kilang-kilang proses yang bersendirian bagaimana yang sudah dibuat berhubung dengan getah juga. Tujuan menggalakkan tanaman kontan ini hendaklah juga dijadikan tanaman sambilan tetapi hendaklah diteruskan dengan tujuan bagi mengatasi kemasukan barang-barang dari luar negeri. Umpamanya seperti jagung, kacang soya, bawang, cili dan lain-lain lagi yang telah membawa keluar

wang kita dari Malaysia berjuta-juta ringgit pada tiap-tiap tahun. Padahal pekebun-pekebun kecil boleh menanam dan berusaha dengan galakan dan pimpinan dari Lembaga ini, ia boleh menanam jenis-jenis tanaman saya katakan tadi.

Perkara-perkara ini tidak perlu penyelidikan yang begitu mendalam, kerana banyak kenyataan-kenyataan yang boleh didapati daripada Jabatan Pertanian kita sendiri disamping perlu juga kita memperkenalkan pada pekebun kecil akan tanaman-tanaman yang boleh mendapat faedah seperti tanaman serai wangi, pokok akar ubat, pokok tuba.

Tanaman-tanaman ini semuanya boleh mendatangkan hasil yang lumayan dan berfaedah yang baik kalaulah benda ini dilaksanakan. Dengan ini juga pekebun-pekebun kecil masa akan datang boleh membuat satu perusahaan yang ekonomi yang seimbang di masa-masa yang akan datang.

Rancangan ekonomi yang serupa hendaklah dianjurkan bagi penduduk-penduduk di luar bandar termasuk pekebun kecil supaya mereka ini dapat menambah pendapatan mereka. Di masa-masa lampau penduduk-penduduk luar bandar telah tidak dapat bantuan yang cukup dan kiranya bantuan diberi tidak begitu meluas disebabkan kurangnya koodinasi atau kerjasama di antara pihak-pihak yang tertentu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan ekonomi bagi faedah penduduk pekebun kecil di luar bandar sudah tentulah penduduk-penduduk luar bandar tidak akan mendapat faedah yang baik. Dengan adanya gerakan pembaharuan yang sudah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya percaya semangat dan minat penduduk di luar bandar lebih lagi pekebun kecil telah bertambah untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi dan yang berfaedah bagi diri mereka sendiri.

Selain daripada tanaman selingan yang saya bayangkan, saya percaya rancangan ternakan juga patut digalakkan pada pekebun kecil iaitu di luar bandar, kerana perkara itu dapat melibatkan diri dalam perusahaan tersebut dengan cara yang lebih berkesan lagi. Bantuan-bantuan samada secara pinjaman atau pun pemberian secara langsung kepada penduduk-penduduk luar bandar

bagi pekebun kecil termasuk pekebun-pekebun yang lain hendaklah juga diperluaskan supaya perusahaan ternakan akan dijalankan dengan selaras itu nanti, maka bukan sahaja dapat menambah pengeluaran makanan yang berzat seperti telur dan juga susu kepada mereka, tetapi juga akan menjadi sumber pendapatan pada mereka dengan secara menjual hasil-hasil ternakan itu bagi menambahkan atau meninggikan sedikit sebanyak ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar dan pekebun-pekebun kecil, khasnya di negeri kita ini.

**Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, much has been said about the rubber industry in our country and I am very glad that the Government has at last waken up to the problems faced by our rubber industry. The present low price of rubber has hit the smallholders particularly very much. Though the price of rubber at the world market may be about 40 or 45 cents per kati, the actual sale price got by the smallholders may be about 20 cents or so per kati. It is very commonly heard among the people that a kati of rubber cannot fetch them a kati of sugar at the present moment. Sir, this is a very sorry state of affairs and I am very glad that the Government has at last taken some steps to rectify their position. However, half measures would not help very much. Lately the Government has embarked on a buying campaign, that is buying rubber from the world market, to boost up the price of rubber. Sad to say, that campaign has failed miserably.

Sir, it is also reported in the Annual Report of Bank Negara that the world demand for natural rubber is slightly higher than the supply, but, nevertheless, the price of rubber remains low. Sir, I would urge the Government to have a second look at the statistics. Perhaps there must be something wrong with the world statistics. Perhaps the supply exceeds the demand. If that is so, the R.R.I. is barking up the wrong tree. The R.R.I. has done a very magnificent job in producing the super clone, as stated by the Minister, thereby giving more latex per acre, but it is sometimes in our interest that we should control supply, i.e. control production. In the United States, for instance, we have heard that in times of over-production of wheat the farmers themselves would get together and collect all the wheat produced and destroy the wheat so that the world supply of wheat becomes low.

If the supply is low, then the price automatically goes up slightly.

Sir, the smallholders face a problem which I think the Government ought to look into and that is the fragmentation of smallholdings through the law of succession. If a smallholder dies, leaving about 5 or 6 beneficiaries, by the law of succession these 5 or 6 beneficiaries would be entitled to a share in his estate, or the smallholding, and invariably the smallholding would be shared by his 5 or 6 beneficiaries. If there are 5 or 6 owners of the smallholding, it is commonsense that it would not be economical for these persons to operate this smallholding. On this particular aspect, I would urge the Government to find a way not to permit such smallholdings to be fragmented.

Secondly, Sir, in the State of Perak, for instance, the State Government has tried to help some Malays, mainly to own some smallholdings, and they launched a campaign called the fringe alienation scheme. But very sad to say, these schemes have not become a success. They have in fact become a failure. We do not know the reasons why and the State Government of Perak does not seem to care. According to the Auditor-General's Report for 1969/70 these small holdings are uneconomical and also not well taken care of. Lalang has grown all over the place and the trees are not properly kept and manured so that these small lots have become uneconomical to operate, as a result of which millions of dollars have gone down the drain. If proper planning had been done, I think, much would have been got out of these schemes.

Sir, one important aspect on the price of rubber is the United States' rubber stockpile. Whenever the United States announces that it would release a certain amount of rubber for sale, the price of rubber dips. Our Government one or two years ago took up the matter with the United States Government over this question of the release of the U.S. Stockpile rubber. They haggled over it for 2½ months and finally they managed to get the United States Government to come to a more reasonable release, i.e., about 50,000 tons per year. In spite of that, the price of rubber remains at almost the same level.

Mr Speaker, Sir, it is our opinion that our Government has been too soft with the United States Government. We ought to have taken

up a firmer stand and done some horse-trading with the United States Government. If they do not come to some senses, we perhaps would have to boycott some of the U.S. goods, or stop the U.S. goods from coming in. We must try to do some bargaining with them. The United States Government has been spending millions of dollars per day in the Vietnam war. I do not see why they cannot hold on to this stockpile for perhaps another 5 years. There is no reason for the U.S. to play around the market by releasing the stockpile. I think it is high time that our Government took a firmer stand with the United States Government. This is a very important issue.

Therefore, our so-called traditional friend, the United States, has become more or less our enemy. On the other hand, we have the People's Republic of China. It has promised to buy the whole of the Malaysian stockpile, and also it has promised to buy about 150,000 tons per year from us. So our so-called traditional enemy, the People's Republic of China, has become our friend. Sir, it is very important for the Government to have a new attitude towards these foreign countries. For all you know, the People's Republic of China may be our saviour because our rubber industry is by far the most important industry in our country, in terms of employment, in terms of income and in terms of foreign exchange earnings.

With regard to the China trade, I would urge the Government to take a more aggressive step towards that direction. Lately we read from the newspapers that one of our trade mission members to the Canton Trade Fair suddenly flew back to our country because it seems he was not given good treatment by the Chinese officials. I think our Government ought not to allow such a thing to happen because it may be a personal thing and we should not allow such small things to affect our relationship with China, particularly so at a time when we need China's help to boost up the price of rubber. That is all, Sir. Thank you.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Yang di Pertua, saya ikut sama mengalu-alukan di atas Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan) yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Apabila bercakap mengenai dengan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, yang pertama, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan yang mengemukakan Rang Undang-undang ini kerana dengan Rang Undang-undang yang baharu ini bererti suatu usaha daripada Kerajaan untuk menyusun balik atau hendak menyusun semula Lembaga yang berkenaan dengan perkara ini.

Satu perkara yang amat menarik perhatian saya, Tuan Yang di Pertua, apabila saya mengikuti kepada Fasal 3 (4), saya dapati di dalam Jawatankuasa nanti pihak Yang Berhormat Menteri akan membuat sedikit pindaan tentang kedudukan Pengerusi. Mengikut Rang Undang-undang yang asal, yang dibentangkan di dalam Dewan ini, Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri akan mempunyai kebebasan penuh untuk melantik siapa sahaja yang dipersetujui untuk menjadi Pengerusi, tetapi dengan pindaan yang ada seolah-olah suatu kuasa yang memaksa Menteri mesti melantik Controller, Malaysian Rubber Research menjadi Chairman. Pada pengertian saya, walaupun ini tidak begitu besar bunyinya, tetapi saya rasa, Tuan Yang di Pertua, tentulah perbezaannya begitu besar kalau mengatakan di dalam Lembaga ini Yang Berhormat Menteri boleh melantik seorang Pengerusi, kemudian Controller of Rubber Research menjadi sebagai seorang ahli yang asal, ertinya Menteri tidak terikat, tetapi bila disebut bahawa Controller of Rubber Research itu mesti menjadi Chairman, ertinya secara tidak langsung Menteri diikat dengan suatu Undang-undang yang dirangkanya sendiri.

Maksud saya, Tuan Yang di Pertua, sebab seseorang yang hendak menjadi Controller of Rubber Research ini tentulah mempunyai gilirannya. Pada tahun ini barangkali orang ini, pada dua tiga tahun yang akan datang akan bertukar, dan apa yang saya khuatir kalau-kalau suatu masa orang yang memegang jawatan ini, oleh kerana dengan adanya pertukarannya, barangkali takdirnya terjatuh kepada bukan rakyat Malaysia, maka secara tidak langsung bahawa Pengerusi ini kita terpaksa memberikan kepada seorang yang bukan rakyat Malaysia.

Kemudian, Tuan Yang di Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuhkan di sini, kita pernah dengar kenyataan-kenyataan daripada Menteri bahawa getah



asli kita sering kali menghadapi persaingan yang hebat, ataupun tentangan yang hebat daripada getah tiruan dan dengan sebab tekanan daripada negara-negara pengguna yang lebih banyak menggunakan getah tiruan, itulah salah satu sebab getah asli terpaksa turun ataupun jatuh harganya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, apabila Lembaga ini ditubuhkan, saya mencadangkan supaya dijadikan suatu kajian nanti, samada baik atau tidaknya, iaitu kalau getah-getah tiruan merupakan ancaman yang hebat kepada getah asli kita, ada baiknya bagi Kerajaan mengadakan suatu peraturan bahawa semua barang-barang yang dicampurkan dengan getah tiruan hendaklah disekat ataupun diharamkan memasuki ke Malaysia ini. Ini adalah satu cara supaya semua barang-barang yang menggunakan getah yang hendak dimasukkan ke Malaysia ini hendaklah menggunakan getah asli. Sebab saya berpendapat, tidak ada gunanya kita mengadakan penyelidikan, membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk mengeluarkan getah asli. Kemudian dari satu pihak kita membenarkan negara-negara yang hendak membunuh getah asli, membenarkan mereka membawa masuk barang-barang yang dibuat daripada getah tiruan.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya perkara yang saya cadangkan ini dapat difikirkan dengan panjang, bukannya dalam masa 20 ataupun 30 minit. Sekejap lagi bangun bercakap mengatakan ini tidak menasabah, ini tidak sesuai, kerana samalah seperti Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara berkata tadi bahawa kami Wakil-wakil Rakyat yang ada dalam Dewan ini adalah mewakili rakyat dan kita sama-sama mempunyai kedudukan di dalam Dewan ini dan hendaklah setiap pandangan dan fikiran yang diberikan dalam Dewan ini diberi pertimbangan yang saksama. Sebab satu-satu perkara yang ditimbulkan di dalam Dewan ini kita juga yang berfikir sama seperti Yang Berhormat Menteri berfikir, cuma perbezaannya kita berfikir dengan cara yang agak bebas, tetapi Yang Berhormat Menteri kadang-kadang bila hendak menjawab berfikir dengan menggunakan orang-orang yang ada di belakangnya.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, dan pada akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang mengemukakan Rang Undang-undang ini

dan diharap semuga perlaksanaannya dapat memberi puas hati kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan):** Tuan Yang di Pertua, saya suka bercakap sedikit sahaja atas Rang Undang-undang ini, tetapi terlebih dahulu saya minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I wish to just speak a little bit only on this Bill. First of all, I agree with the member for Muar Utara who spoke about the fact that the longer we debate the lesser the price of rubber becomes. It looks as if in the last five days the price of rubber has gone down from 92 cents to 87 cents now.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** You better make it short then.

**Tuan V. Veerappen:** That is why I want to be short. As I said, I want to speak only a little on this Bill. Mr Speaker, Sir, I think therein lies the evil in the rubber market, and that is the speculative tendency, which persists, and I have never heard what the Government proposes to do on this speculative tendency of the rubber dealers who have funds to even fight the Government and say, "You can go and do what you want. I will buy less or I will bring the price down". I think that is so, but I am not an expert on it. So, I think the Government has got all the means to find out and, if it is necessary, we can abolish this gambling in paper rubber. We should abolish this because it is affecting the livelihood of so many thousands and thousands of our people. Although you have rejected the Government buying the rubber with all the arguments we have put forward, you should try it. What is the alternative? We should like to know. I think the country is entitled to know.

Mr Speaker, Sir, coming now to the Bill proper, I see here on Page 3 of the amendment to the Schedule that:

"Without prejudice to the provision of subsection (1), the Board shall be responsible for directing and coordinating all activities relating to research into the production, consumption and uses of natural rubber".

I am particularly happy to see the words "uses of natural rubber". We should try as

much as possible to make use of our own rubber in as many a way as is possible in our own country. But the policy of Government in the past, particularly the policy with regard to pioneer status has been a cock-eyed policy, because I remember Mr Speaker, Sir, right in this House, many years ago—whether it was myself or not, I would not claim credit for that—this fact being mentioned, that in the granting of pioneer status for the manufacture of tyres only Dunlop was granted permission, so much so the local manufacturers who had been in existence like Fung Keong and others—I hold no brief for these people and I do not know who they are—but this is what I heard, that they were not allowed, and tyre manufacture was only given to Dunlop, to whom pioneer status was given. As a result of this we have created a monopoly and using the monopoly, Dunlop is now making other brands of tyres under licence for others. Now, that is a stupid thing to do. And besides, we heard from the Member for Kuala Selangor who said that the tyres that they are manufacturing, because we have given them a monopoly, are so inferior, inferior to the ones that they manufacture in their home country. It is simply natural; they do not want our tyres from Malaysia to compete with the tyres which their parent company produces. Why should we do that? Now, after many years, I think Pernas or some other company has gone into with Goodyear to manufacture other tyres.

But I think, as they say, “Let a hundred flowers bloom”. Why not we have more and let them compete. If you want a capitalist world with competition and all that, let them compete so that the consumers will get the better of all that. What do we lose if they compete?

In the case of the use of rubber on our roads, Mr Speaker, Sir, we have the Planters' Association, which consists of the people who produce rubber, say that there is expert research which has gone into the use of rubber for roads. The Government, on the other hand, says, “No, we are still having research on it”. Of course, research can go on, we are sure to improve; maybe, we will find better methods or better rubber or better process whereby we can make our roads better. But we can already use rubber for our roads, and this has not been gone into and this very criticism was brought up by the

Planters Association in their Journal, but the Government denies it. I do not know whom to believe, as I do not have the facts—whether the Government or the Planters. From the answers I get, I think the Government is not giving the correct picture.

Sir, I will be short. Coming to this question of representation Mr Speaker, Sir, vide page 2 of the Amendment Bill, it says,

“The Board shall consist of the following members who shall be appointed by the Minister—

- (a) a Chairman;
- (b) the Controller of Rubber Research;
- (c) three members representing the estate sector of the rubber industry;
- (d) three members representing the small-holder sector of the rubber industry;
- (e) two representatives of the Government of Malaysia;
- (f) three other members, one of whom shall be from East Malaysia.”

Mr Speaker, Sir, we have had so many Bills creating so many boards, organisations, authorities and sub-authorities. Some of these authorities, I dare say, will have no legal standing; although the Minister disagrees, they will have no legal standing, no legs to stand on. But any way the authorities can go on; you have the power, you do what you like. But we find the same people being appointed to the same organisations and to the same committees. Whether it is humanly possible for them to serve on all these committees, I do not know. But there is a large section of the people, Mr Speaker, Sir, who are so intimately and closely connected with the rubber industry and these are the hundreds and hundreds of workers in the country, their livelihood also depends on what we do on the price of rubber. Of course, if the rubber price soars they get a little bit more, but when it goes down they suffer. They face retrenchment, maybe no homes, sleep on the streets and in stations, five-foot ways. But these people have Unions and so forth which are quite good and powerful. Why not have representations for them? Why not make provision for some of them so that the unions or the workers' representatives can take part in these organisations.

Secondly, Mr Speaker, Sir, when we want to have research into the uses of rubber, why



not include a member from the commercial sector, a person who represents the Chamber of Commerce; and also why not a representative from the Consumers Association, so that these people would know. Now, this is my humble suggestion and it is for the Government to consider, if not now, may be later, among the members that they are going to nominate perhaps they could have one of them. Before I conclude, Sir, the last but one speaker took umbrage against the R.R.I. I cannot understand his logic because I think the R.R.I. has done an excellent job in trying to find out the best clones that would give the highest yield and compete with the synthetic. I think the failure is not with the R.R.I. I do not think you can accuse the R.R.I. of that. But I think if there is any failure, Mr Speaker Sir, the failure is due to the Government's inability to implement the research and the results of the research that has been carried out by the R.R.I. I think, Mr Speaker, the last but one speaker was not fair. Thank you very much.

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):** Tuan Yang di Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya rasa sukacita mendapat peluang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan).

*(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, way back in 1954 a Commission of Enquiry was set up to enquire into the rubber industry in Malaysia. As far back as 8 years ago this Commission headed by Mr R. F. Moody in its report on research and advisory work stated, and I quote here a short passage, "Unless full use is made of opportunities to develop new derivatives of natural rubber, more of the expanding demand for rubber products will be satisfied by synthetic rubber and plastic industries". Today we have the statements by the Honourable Minister, which do not disclose much about what has been done since 8 years ago when the Moody Commission recommended that more research be done to develop new derivatives of rubber so as to compete with synthetic rubber and plastics to manufacture finished products. Sad to say, there is a clear lack of action in his speech. There is so much proposals for this committee, that committee, but very little in the way of positive action. It is fine

here to say that we must modernise the industry, modernise smallholder industry and modernise research—modernisation, how? In what way? This is not clearly indicated. For 8 years the Government has been given a chance to modernise, to devise new methods of using rubber. But what have we today? Very little. Natural rubber has lost steadily to its competitors, synthetic rubber and plastics. The House would have expected something more concrete from the Government—that after 8 years of research into new uses or new derivatives, something in the nature of a break-through should be reported by the Government, a break-through which is so badly needed because of the plight of two million Malaysians who depend upon rubber as their source of livelihood, a break-through which, if the Government had sincerely and with full dedication utilised all these resources to try and achieve, should have some concrete form by now. But, alas, even though we start eight years late, still I hope it is not too late and, therefore, I ask the Government, if it is sincere to achieve a break-through into the new uses of rubber, then it must be prepared to do research on an accelerated basis. There is no indication on the part of the Government to do research on an accelerated basis. The Bill here proposes to set up new committees, new jawatankuasa-jawatankuasa. Fair enough. But is there any explanation on the matter of funds?

Mr Speaker, Sir, finance is very, very essential for research and in the matter of research whether industrial or even on rubber, millions of dollars have been spent. Has the Government given any indication where the money is to come from, or how much money can be allocated for research? The RRIM or its associated subsidiaries, in order to do research, must have as far as possible unlimited financial resources, because without that the whole machinery of the RRIM and other research bodies cannot advance, cannot achieve a break-through. Has the Government indicated how much money it will allocate—3%, 5% of the gross receipts from rubber? If necessary, even 10% of this money should be allocated for research into new derivatives of rubber. Has the Government also announced measures to promote research, to attract the proper people into research, to attract qualified graduates to do research fellowship? Besides the research at the RRI, has it a programme for launching research

fellowship to qualified graduates, people interested in this particular segment of the rubber industry who will try and achieve a break-through in the new uses of rubber? None, I am sad to say, from the Government side. We want to have an acceleration of research. We want to achieve a break-through as soon as possible and not only must funds be made available, but we must be able to attract the proper people to do research and to do this, we must give them fellowship grants and things like that. There cannot be any more delay—too much dependence in jawatankuasa this, jawatankuasa that and too much talk without implementation will not achieve what we want.

Tuan Speaker, I want to make a suggestion, a humble suggestion, that is in studying the plight of the smallholders, whether it is possible for the Government to launch a rubber commune, so that the smallholders' standard of living can be raised. First, the main objective of this rubber commune is to increase the production of rubber from smallholdings and the processing of quality rubber. As we know, Mr Speaker, Sir, the quality of rubber from the smallholdings and the quantity leave much to be desired. The smallholders performance is far behind that of his bigger brother, the big estates and plantations. Let us try to identify the causes of the poor performance of the smallholder. One cause is because the smallholder is poor and being poor he is usually under-paid, under-nourished, and therefore he has not got the energy. The technical adviser may come to his kebun, his small estate, and ask him to do this and to do that, but the poor chap has not enough to eat and therefore he has not even got the strength and energy to follow the instructions; he has no strength and energy to keep his rubber tidy and his rubber trees from lalang and weeds. Poor as he is, it is also difficult for him to spend a portion of his hard-earned savings on the purchase of fertiliser to enrich his rubber holding. Sometimes when the technical adviser or officer gives him the fertiliser, the poor chap, because he has no money, sells the fertiliser instead of using it on his kebun. Therefore, Mr Speaker, Sir, inadequate maintenance and inadequate manuring are the chief cause of low production of rubber in smallholdings and this can be avoided to a large extent if there is a commune of the type that I suggest.

The site of this commune should be carefully chosen so as to be centrally situated within a reasonable distance from the most remote smallholding and in this commune should also be sited technical advisory centre with a full-time technical adviser or official. It could also house a rubber processing factory. The technical advisory centre can counsel the smallholders and can help them to implement new methods of production. The technical officer will be on demand at any time of the day to the smallholder. As it is now, we all know very well the conditions of the smallholder. He lives far away, miles away, from the smallest village or town and the technical adviser is hard to find, not that he does not want to go to see the smallholder, but he is hard to find because he has other commitments and then when the smallholder wants him, he has to come all the way from a big town, which is another obstacle to the smallholder. He finds it difficult when he wants advice in a hurry. Therefore with this commune, which is to be sited at a reasonable distance from the smallholder and where the technical adviser is easily available at all times of the day, it would be a great encouragement to the smallholder to improve his production, to improve the quality of his rubber, so that instead of processing just mere RSS. 4 or RSS. 3 grades of rubber, he can have a chance of producing some good RSS. 1 rubber. This commune will be run more or less on the basis of the big estates. It will have a rubber processing factory. It will have the most modern rubber technology to serve the smallholder. The latex can be collected from the smallholder by lorries or whatever it may be and brought to this factory. These are the methods which the big estates employ and for big estates of 5,000 or 6,000 acres, they have various latex-collecting points. The lorries go there at about mid-day and collect the latex and bring it to the centralised factory. The same principle can be applied to this rubber commune to serve the interest of the smallholder. The commune will also be managed on a co-operative basis with shares for all smallholder participants. So whatever profits that are made by this commune—which houses a processing factory and may be even a store to sell cheap fertilisers and other rubber implements—can be shared among the participating smallholders.

Mr Speaker, Sir, I would recommend this humble suggestion of mine to the Government but whether they could implement it is up to them. But in the interest of the small-holders who account for a sizeable number in this country—I was told that 20% of the public in this country depend solely on rubber for their livelihood—I would urge the Government to implement this project and also to accelerate its research programme on the basis of adequate funds and on the basis of more fellowships for scholars who are interested in producing new natural uses for rubber. Thank you, Mr Speaker, Sir.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di Pertua, saya rasa dengan adanya kuatkuasa Rang Undang-undang ini sudah semestinya rakyat yang bersangkutan di negara ini berasa syukur dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang memegang teraju pemerintah Kerajaan Perikatan dalam mencapai sesuatu yang benar-benar menguntungkan rakyat yang berbilang kaum dan kepercayaan dalam bidang pembangunan ekonomi bagi menjamin masa depan rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di Pertua, bagi rakyat Negeri Sarawak yang taat setia adalah berharap segala sesuatu daripada Kerajaan Pusat demi harapan untuk mengubah untuk nasib kami, walaupun perkara ini tidak dapat dicapai dengan masa yang agak singkat bagi mempertingkatkan lagi taraf kehidupan kebanyakan rakyat bumiputra baik di bandar atau pun luar-bandar yang telah diperbudakkan oleh penjajah dahulu selama lebih 100 tahun yang boleh dikatakan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang seperti selalu kita dengar di dalam Dewan ini. Saya yakin dan percaya apabila Sarawak merdeka dengan memasuki Malaysia sudah tentulah harapan rakyat Negeri Sarawak untuk menikmati kemerdekaan tanah tumpah darah kami dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di Pertua, saya berharap dengan adanya lembaga ini yang meliputi Malaysia Timur, maka bertambah cerahlah harapan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah di Sarawak untuk mendapat nasihat bagi kemajuan getah negara ini.

Di dalam Bahagian Ketiga Negeri Sarawak ada salah satu kawasan yang banyak mempunyai kebun-kebun kecil getah yang dahulunya menjadi hasil pengeluaran utama bagi bahagian itu yang menjadi ibu bahagian itu

Bandar Sibu terkenal di dalam mahupun di luar negeri, salah satu bahagian yang agak penting di dalam Negeri Sarawak sampailah hari ini. Kebun-kebun kecil getah di bahagian ini kebanyakannya dipunyai oleh kaum Tionghua keturunan Teo Chew yang datang dibawa masuk oleh Kerajaan Brooke lebih setengah abad sudah untuk membuka tanah di kawasan Batang Rajang dan sekitarnya. Dari hasil getahlah dan kebolehan mereka itu Bandar Sibu hari ini berkembang dengan pesatnya yang kita boleh nampak bermacam-macam nama Bank Perniagaan yang dipunyai oleh saudagar-saudagar daripada keturunan kaum Teo Chew yang juga terkenal dengan perusahaan kayu-kayan.

Tuan Yang di Pertua, sekarang seperti yang kita sama-sama mengetahui iaitu getah di Negeri Sarawak pada umumnya tidak begitu memuaskan hasil pengeluarannya kerana kebanyakan pokok-pokok getah telah tua serta pula harganya juga jatuh ke paras yang paling rendah sekali. Saya telah difahamkan setengah-setengah orang yang mempunyai kebun-kebun getah luas 2 atau 3 ekar di kawasan tanah campuran (mixed zone) dalam Negeri Sarawak sekarang tidak dapat untuk membayar cukai-cukai kebun getah mereka sebanyak \$3 pada satu ekar dalam tempoh masa satu tahun disebabkan mereka-mereka itu tidak terdaya membayarnya. Ini boleh dikatakan kebanyakannya daripada kaum bumiputra. Sekarang banyak kawasan kebun-kebun kecil itu langsung tidak dijaga oleh kerana tuan-tuan yang mempunyainya bekerja di tempat-tempat yang lain atau pergi jauh dari situ.

Di Sarawak terdapat juga rancangan menanam semula getah dimerata bahagian dan daerah termasuk daerah saya, Mukah. Biasanya rancangan ini di kawasan rumah-rumah panjang di ulu-ulu sungai yang mana di kawasan seperti itu di Sarawak lebih sesuai lagi untuk rancangan tersebut. Di Ulu Mukah ada juga peserta yang telah menanam semula getah, sekarang mereka dapat merasai nikmatnya dengan menoreh getah yang mereka tanam semula yang menggunakan benih-benih yang mengeluarkan susu yang banyak seperti yang diterangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan di Sarawak. Malangnya apabila pokok-pokok getah itu ditoreh didapati susu pengeluarannya tidak seperti apa yang diterangkan dahulu dan ada juga pokok-pokok getah itu kurang daripada susu getah biasa di Sarawak. Di sini ingin juga, saya

minta perhatian kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya menyelidiki benih-benih getah yang baik yang dapat diharapkan mengeluar hasil seperti yang telah diterangkan oleh pihak berkuasa getah kepada rakyat diberi kepada peserta-peserta yang memasuki rancangan menanam semula getah di Sarawak supaya tidak terkena benih-benih yang palsu, yang merugikan Kerajaan dan rakyat yang mendapat bantuan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, saya juga merayu kepada Kementerian yang berkenaan bantuan sebanyak \$750 pada satu ekar bagi rancangan menanam semula getah di Sarawak ditambah lagi sedikit, misalnya \$1,000 pada satu ekar supaya dapat merengangkan sedikit bagi bebanan peserta-peserta rancangan itu. Apatah lagi seperti sekarang ini barang-barang keperluan hari-hari lebih jauh mahal daripada masa 2 atau 3 tahun dahulu.

Saya suka juga mengesyorkan di sini supaya kawasan kebun-kebun kecil getah tua diberi peluang untuk digantikan dengan tanaman-tanaman yang lain seperti kopi, koko, tembakau, halia mahupun kelapa sawit dan sebagainya mengikut keadaan tanah-tanah di kawasan tempat itu dapat diberi bantuan seperti juga bantuan kepada menanam semula getah bergantung dengan apa-apa jenis tanaman itu. Di samping itu saya juga minta perhatian Kementerian ini supaya peraturan rancangan menanam semula getah dilonggarkan sedikit bagi memberi peluang yang lebih banyak lagi kepada peserta-peserta memasuki rancangan ini. Misalnya sekarang di Negeri Sarawak cuma kawasan kebun getah tua tidak kurang daripada 3 ekar sahaja yang boleh masuk rancangan menanam semula. Dari itu, saya berpendapat kawasan di antara 2 sampai 3 ekar patut juga diterima. Seperti yang saya tahu rakyat bumiputra di Sarawak sedikit sahaja yang mempunyai tanah getah lama lebih daripada 3 ekar. Dan sekali lagi di sini saya merayu kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan bantulah dan tolonglah kaum-kaum bumiputra yang mundur dalam segala-segala lapangan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh):** Tuan Yang di Pertua, saya suka juga mengalu-alukan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini untuk diluluskan oleh Parlimen.

Dalam saya mengalu-alukan perkara ini, yang menarik perhatian saya, ialah yang pertama sekali, mengalih namanya daripada Malaya kepada Malaysia. Ini sudah sewajarnya, patut, terlebih dahulu nama kita adakan, tetapi sungguhpun begitu kita tak terlambat. Badan yang dibincangkan dalam Rang Undang-undang ini, ialah satu badan yang mendapat kewangannya, iaitu hasil daripada kutipan cess 1 sen, pengeluaran getah di tanah air kita ini, dan badan ini, ialah pada masa yang lampainya, cuma menyebarkan ataupun memberi wang untuk beberapa badan, seperti Badan Penyelidikan Getah di tanah air kita dan ada satu cawangannya lagi di London dan juga satu lagi badan kecil, iaitu Badan Kumpulan Wang Getah, juga di London. Begitu juga badan penyelidik menggunakan getah untuk penggunaan barang-barang lain juga di London dan satu lagi badan, iaitu Natural Rubber Bureau yang wakilnya ada berselerak di seluruh dunia ini.

Saya bercakap dalam perkara ini, ialah oleh kerana saya ada sedikit sebanyak pengalaman, di mana saya telah memberi pandangan-pandangan dapat sekiranya dalam cara melaksanakan undang-undang yang baharu ini, pandangan-pandangan ini dapat dipertimbangkan. Yang pertama, Tuan Yang di Pertua, pentadbiran badan ini. Pada mulanya, saya berasa sungguh sesuai melihatkan, iaitu pada mulanya, dicadangkan ada Pengerusi yang akan menjadi seorang pentadbir dalam badan ini, tetapi setelah Rang Undang-undang ini dibentangkan di hadapan kita, pindaan telah dibuat, supaya jawatan Pengerusi itu dibatalkan dan Pengerusi itu akan diambil alih oleh Controller. Dalam perkara inilah yang saya hendak beri pandangan, dari segi pentadbiran, dan satu perkara yang saya ingin menerangkan, pada fikiran saya, supaya dilicinkan soal pentadbiran, ataupun usaha-usaha Controller yang dahulunya seorang saintis. Tetapi oleh sebab dia seorang saintis yang terutama, yang ternama, tidak semestinya dia boleh mentadbirkan dengan licin semua pentadbiran badan ini. Pentadbiran ini, patutlah dikelolakan oleh seorang pentadbir yang mahir dalam pentadbiran. Saya percaya, di tanah air kita ini, tidak kurang adanya Pegawai Civil Service, pegawai-pegawai yang mahir dalam perkara ini. Jadi patut diasingkan dari segi pentadbiran itu, daripada saintis kita, yang tugasnya khas untuk menyelidik,

mencari jalan, mencari ikhtiar daripada pengajian-pengajian yang berlainan yang tak dapat diusahakan oleh orang lain. Jadi, rasa saya, walaupun telah ditugaskan Controller itu menjadi Chairman, saya berharap dapat ditimbangkan perkara ini, supaya pengelolaan pentadbiran badan ini hendaklah daripada pakar-pakar yang mahir dari segi pentadbiran, supaya tercapai, yang pertama sekali, ketenteraman pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam semua badan-badan ini dari segi perkhidmatannya, dari segi perjalanannya dan sebagainya.

Beralih kepada perjalanan satu cawangan badan ini, iaitu berkenaan dengan penyelidikan getah. Saya hendak sentuh beberapa perkara dalam perkara ini. Kita berterima kasih, kerana badan ini, telah berusaha beberapa tahun dan telah menjalankan juga perkara-perkara yang memberi faedah kepada negara kita. Tetapi ada dua tiga perkara, yang saya hendak sentuh iaitu sebab keadaan negara dan keadaan dunia pada masa ini, iaitu kita hendak mencari kehidupan yang lumayan atau pendapatan yang baik, sudah semestinya segala pentadbiran-pentadbiran daripada badan ini, yang boleh mengakibatkan kerugian kepada negara kita ini, kalau pendapat-pendapat itu diberikan dengan luasnya kepada dunia luar. Sepatutnya, badan ini mestilah dimasukkan dalam satu Badan Rahsia (Secret Act) yang dia, tak boleh mengeluarkan rahsia-rahsia, pendapat-pendapatnya itu, keluar daripada negeri ini, melainkan minta kebenaran Kerajaan kita. Setelah kita timbang, seumpamanya satu contoh, pendapat daripada badan ini supaya getah itu boleh, ubatnya yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak, tetapi malangnya pendapat-pendapat itu, kita yang menciptakan, tetapi satu badan yang besar, satu kompeni yang besar daripada negara lain membuat ubat-ubat itu, dijual balik kepada kita, dengan tidak mengindahkan kepentingan negara kita. Satu contoh lagi pendapat mencipta getah baharu yang dikatakan SMR kita cuma buat satu pattern, siapa hendak pakai bayar \$100 ribu. Kita lihat sekarang, ada negara-negara yang telah menggunakan pattern SMR kita, mengakibatkan getah yang dibuat oleh negara itu kurang mutunya disangkakan getah negara kita juga tidak bermutu, bagaimana yang kita ciptakan.

Ketiga, satu perkara lagi yang saya fikir, patut kita mengambil perhatian, iaitu benih-benih hasil daripada research ini juga, jangan

kita jual ke luar negeri, seumpama benih-benih getah kita yang baik, sekarang ada negara-negara luar membeli biji-biji getah itu, ditanam di-negara-negara mereka, dan pada hari ini sebab terlampau baik hati kita, kita bagi benih yang baik, maka dengan banyaknya negara-negara pengeluar getah menyebabkan kita juga kehilangan pendapatan kita. Jadi ketiga-tiga perkara itu, Tuan Yang di Pertua, pada pendapat saya, sangatlah mustahak Kerajaan mengambil tindakan tegas supaya segala perkara yang saya ceritakan tadi, sebelum diberikan kepada orang-orang luar, atau di release kepada public hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kerajaan kita untuk kepentingan negara kita. Begitu juga satu lagi daripada perkara ini juga, saya tahu pegawai-pegawai itu, atau pun saintis, pakar-pakar itu mengadakan seminar-seminar di luar negeri. Mereka juga telah memberikan pendapat-pendapat daripada penyelidikan kita itu dengan bebasnya. Ini rasa saya patut kita sekat. Dan begitu juga, saya tak nampak di Parlimen ini setelah mereka itu menghadiri beberapa seminar di luar mengenai masaalah penyelidikan getah negara kita ini, ada lapuran-lapuran dibentangkan dalam Dewan ini, supaya dapat kita memerhati dan membahaskan untuk kepentingan kita, berbincang bersama. Itu berkenaan dengan Jabatan Penyelidikan Getah, Tuan Yang di Pertua, begitu juga berkenaan dengan satu Pusat Penyelidikan di London bukan penyelidikan berkenaan dengan penggunaan getah. Di situ juga saya rasa sudah sampai masanya bahawa Laboratory kita yang ada di London itu mesti dipindahkan ke negara kita. Laboratory penyelidikan berkenaan hal pengeluaran getah yang banyak itu. Sebab saya beralaskan bahawa mustahaklah rahsia-rahsia itu dijaga, supaya orang lain tidak menggunakan, dan menikam balik kepada negara kita.

Satu perkara lagi, berkenaan dengan badan penyelidikan menggunakan barang-barang getah untuk membuat barang-barang bagi keperluan manusia. Ini juga telah sampai masanya, patutlah kita secara beransur-beransur membawa balik ke negara ini. Saya tahu, rancangan telah ada, tetapi saya hendak perkara ini di percepatkan lagi. Usaha ini, saya tahu sekarang di London, kita telah membeli sekeping tanah berharga £200,000 dan akan menyediakan laboratorynya dan sebagainya dan saya nampak kalau dengan

cara macam ini tak adalah kurang kaedah-nya yang jika kita bawa balikpusat penyelidikan itu ke negara ini. Sungguhpun alasan-alasan Kerajaan mengatakan patut kita adakan dekat dengan kilang-kilang yang menggunakan getah di negara-negara barat, tetapi rasa saya untuk kepentingan negara kita iaitu dari segi perburuhan, pendapat pakar-pakar dinegara kawasan kita ini bersama-sama juga dengan pakar-pakar yang ada kita gunakan di London itu digunakan di negara ini.

Bagitu juga Jabatan cawangan kumpulan wang yang dikenal sebagai MRFB London yang menjadi pemerhati dibadan NRPPA sepatutnya tidak lagi sebagaimana dimasa yang lampau yang tidak ada langsung dapat hak mencampuri berkenaan dengan badan NRPPA ini, cuma dia duduk disitu sebagai pemerhati saja. Saya harap badan ini juga dapat dikelolakan terus oleh badan Pusat kita di Kuala Lumpur, dan disana hendaklah ada orang yang berasal dari Malaysia yang akan mengetuai badan ini.

Satu badan lagi ialah badan Natural Rubber Bureau yang ada dalam negeri ini. Saya pada hari ini berasa musykil sangat seorang pun tidak ada orang Malaysia. Semenjak badan itu telah ditubuhkan tidak ada usaha hendak menggantikan mereka ini dengan orang Malaysia. Cuma saya rasa baharu satu dua tahun ini ada gaya-gaya hendak mengadakan beberapa orang menggantikan tempat mereka. Jadi, saya rasa tempat-tempat ini sudah mustahak kita mesti ada orang Malaysia 100% tulin pada Malaysia kerana kita mahu orang ini hendaklah memberi penerangan yang penuh dari segi dasar getah Malaysia, bukan dari segi getah dunia, sebagaimana yang telah dibuat oleh mereka masa yang lampau. Saya menemui mereka diseluruh dunia—saya tahu—mereka memberi pameran iaitu dari segi getah umumnya, tidak khas kepada Malaysia. Kita yang bayar gaji, kita punya perusahaan, tetapi yang dapat untung kebanyakan bukan daripada getah kita. Saya harap, Tuan Yang di Pertua, dalam perkara ini sangat mustahak iaitu mereka yang pertama mesti orang Malaysia, yang keduanya mereka mestilah memberi penerangan yang penuh dari segi getah Malaysia, bukan dari segi getah Ceylon, bukan dari segi getah Brazil. Keadaan mereka ini hendaklah dibaiki. Untuk mengadakan Malaysian dinegeri-negeri itu, saya juga memberi penerangan iaitu kita susah hendak mendapatkan orang kerana katanya

jika negeri Italy kita mahu orang Italian yang pandai bercakap Italian.

Saya rasa, dunia sekarang tidak lagi berkehendakkan perkara ini. Ini masalah yang kecil, Tuan Yang di Pertua. Yang perlunya kita mestilah ada orang Malaysia kita di sana. Saya ada juga dalam badan ini saya telah menyuarakan perkara ini, tetapi tidak memberi bekas, Tuan Yang di Pertua, sebab itu saya bawa ke Parlimen ini supaya Kerajaan mengambil satu langkah dengan segera dan tidak menanti 10 tahun lagi mereka ini digantikan dengan orang Malaysia ini. Caranya, Tuan Yang di Pertua, kita patut dari sekarang understudy menghantar pegawai-pegawai kita berkhidmat di bawah bersama dengan pegawai-pegawai yang ada di luar negeri itu. Dalam satu masa yang sengkat mereka ini boleh digantikan dengan pegawai-pegawai kita, sebab saya berkata begitu, Tuan Yang di Pertua, di Hamburg kita telah ciptakan satu getah SMR yang masyhur, tetapi pengguna-pengguna getah di Hamburg tidak mahu menggunakan getah SMR, mereka hendak menggunakan getah SIR. Saya tidak tahu di mana salahnya, tentulah kerana penerangan yang diberi atas getah itu umum dan tidak menuju kepada getah Malaysia. Kesulitan yang saya dapati lagi dalam badan ini yang mana sudah, Tuan Yang di Pertua, saya hendak beritahu kalau kita ada badan research atau penyelidikan menggunakan getah ini untuk manusia di London. Ada negara-negara luar yang tidak bersetuju iaitu scientist atau pakar, ada negara-negara tidak bersetuju pada mereka ini, maka mereka ini tidak mahu menerima lamaran kita hendak menerangkan hal getah kita, dia tidak mahu terima. Dengan sebab itu saya katakan tadi perkara ini sangat mustahak seumpama saya katakan penerangan-penerangan yang badan ini hendak beri berkenaan dengan hal tayar baharu, tayar dibuat dari getah asli yang boleh digunakan dengan baik di negeri sejuk, pihak Russia tidak mahu menerima mereka mengadakan pertemuan di negeri Russia sendiri. Tentulah ada satu-satu sebabnya kerana dua negeri ini tidak sesuai, yang rugi kita bukan orang di England. Jadi, mustahak sebagaimana saya katakan tadi kita Malaysia sendiri mengambil alih dalam negara kita.

Yang satu lagi, Tuan Yang di Pertua, research badan ini ada di London iaitu badan menyelidik getah untuk membuat barang-barang ini pada masa yang lampau



saya memerhatikan menumpukan cuma membuat barang-barang keperluan negeri-negeri barat sahaja. Saya fikir patut, Tuan Yang di Pertua, kita sekarang mengadakan atau mencari saintis-saintis kita yang boleh menyelidik menggunakan getah untuk keperluan orang-orang di Tenggara Asia. Kita di Tenggara Asia ini 400 juta orang di India, 800 juta orang negeri Cina dan 200 juta orang Filipina dan Indonesia, ini bukanlah sedikit, Tuan Yang di Pertua. Banyak lapangan bagaimana saintis kita boleh mencari jalan bagaimana getah ini boleh digunakan oleh manusia yang begitu banyak. Memang kuat perlawanan kita di negeri barat, perlawanan daripada synthetic banyak, bahkan sekarang, Tuan Yang di Pertua, barang synthetic telah masuk ke Tenggara Asia ini mengambil alih tempat-tempat getah kita. Saya rasa dalam perkara ini mustahak—balik juga saya bercakap mustahak—kita Malaysian mengambil alih dari segi pentadbiran keseluruhan badan-badan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya hendak menyentuh perkara ini saya tidak lupa hendak memberi terima kasih, terutama kepada yang lama yang telah memberi dua pertolongan kepada pekebun kecil yang memberi bekas iaitu yang pertama sekali badan ini telah memberi pinjaman sebanyak \$5 juta untuk memproses getah kebun kecil di bawah Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad. Saya rasa ini hendaklah saya tegur kerana kebaikan yang telah diberi kepada pekebun kecil. Begitu juga ada satu lagi pertolongan yang baharu dimulakan dua tiga tahun yang patut dibesarkan lagi iaitu pertolongan kepada anak-anak pekebun kecil. Pertolongan supaya mereka dapat peluang pelajaran tinggi. Berdasarkan pada masa-masa yang lampau apabila badan ini untuk mencari pegawai-pegawai untuk diberi pelajaran tinggi ataupun melanjutkan pelajaran yang boleh dikatakan tidak boleh dapat seorang anak pekebun kecil, kerana berdasarkan hendak beberapa darjah yang tinggi dalam pengajian sijil tinggi. Dengan sebab itu, usaha badan ini iaitu diberi peluang dipilih anak-anak pekebun kecil dari Form IV lagi, dari bawah lagi dan diberi segala pertolongan dan ditempatkan di-sekolah-sekolah yang baik, saya berterima kasih dalam perkara ini. Lima sekolah di-untukkan kepada anak-anak pekebun kecil kita iaitu di Johor Bahru, Seremban, Kuala

Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang dan sekolah-sekolah ini memang sekolah yang terbaik dan dapat badan ini mendapat peruntukan supaya anak pekebun kecil belajar dan ditanggung hidupnya atau matlamatnya ditanggung hidupnya dan juga pengajian daripada Form IV sampai ke universiti tahun yang pertama. Jadi usaha ini saya ucapkan terima kasih sangat kepada usaha yang dibuat oleh badan ini.

Maka kesimpulannya, Tuan Yang di Pertua, dalam badan yang baharu ini saya percaya memanglah niat Kerajaan supaya hendak membereskan lagi perkara-perkara yang kebanyakan telah disebutkan tadi mungkin ada lagi perkara-perkara baharu. Begitu juga adanya bertambah wakil-wakil dari pekebun kecil daripada masa yang lampau dan kekurangannya wakil-wakil daripada badan-badan estet ini, itu saya sungguh berpuas hati. Dengan ini saya sekali lagi, Tuan Yang di Pertua, memberi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini untuk kebaikan keseluruhannya kepada kebaikan perusahaan getah dan khasnya iaitu memberi peluang pekebun kecil dapat menyuarakan hak-haknya dalam badan ini daripada wang cess yang mereka sendiri bayar satu sen satu paun tiap-tiap getah yang di-jual dan setahun kita tahu pada masa hari ini, Tuan Yang di Pertua, iaitu lebih kurang 50% pengeluaran getah dalam tanah air kita ini ialah dari getah-getah pekebun kecil.

**Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan terlebih dahulu saya suka mohon izin supaya saya berucap dalam bahasa Inggeris juga di mana-mana yang perlu dan sesuai.

Tuan Yang di Pertua, saya seperti saudara Yang Berhormat Ahli dari Temerloh juga mengalu-ngalukan pertukaran nama dari Malaya Rubber Fund Board itu kepada M.R.R.D.B., tetapi dari segi yang lain pula. Ada pernah pada masa yang lampau Malaya Rubber Fund Board diejek-ejekkan dengan mengatakan perkataan "Fund" sahaja itu patut diejakan seperti "Fun" dan dalam bahasa Inggeris "they say all they do is just having fun". Sudah memang, Tuan Yang di Pertua, itu sangat tidak patut dan tidak menasabah. Maka dengan pertukaran nama itu bukan sahaja nama Lembaga itu akan berbunyi lebih serious dan santun, tetapi juga



akan menggalakkan aktiviti-aktiviti dan tugas-tugas yang lebih giat, pesat dan luas serta sempurna.

Tuan Yang di Pertua, pada setakat ini penyelidikan hanya dijalankan untuk menggalakkan banyaknya susu getah (yield stimulation) usaha dari segi pertanian (husbandry) dan presentation of natural rubber. Penyelidikan itupun telah meletakkan getah asli di tempat teguh dan harum yang boleh bertanding dengan getah synthetic. Akan tetapi apa yang sama penting ialah berusaha mencari dan meluaskan lagi kegunaan getah asli.

Tuan Yang di Pertua, pada masa yang lampau consumption research hanya dihadkan kepada menguatkan atau mengukuhkan keadaan getah asli dalam kegunaannya secara tradisi ataupun dalam bahasa Inggeris: "In the past consumption research has been mainly to consolidate the position of natural rubber in its traditional uses in order to check the encroachment of synthetic rubber dan kegiatan-kegiatan itu hanya supaya serangan ataupun encroachment", ataupun ancaman getah asli itu dapat ditahan. Ini tidaklah mencukupi kiranya penyelidikan akan diluaskan untuk masa hadapan getah asli kita. Sampailah masanya kita hendak menjalankan consumption research secara lebih aggressive.

Tuan Yang di Pertua, pada zaman sekarang kita harus mengkaji kegunaan getah asli dalam bidang engineering seperti bridge-bearing pads, dock fenders dan lain-lain yang mengikut kemajuan perindustrian dunia telah dan akan lagi meningkat dengan cepat. Dan lagi dalam tiap-tiap sebuah motokar perlu digunakan bahagian-bahagian seperti anti-bumper devices dan jika kita tidak lupa tentang berjuta-juta buah motokar-motokar yang dibuat seluruh Amerika Syarikat dan Eropah tiap-tiap tahun, maka nyatalah betapa cemerlang masa hadapan kegunaan getah asli kita itu.

Tuan Yang di Pertua, kita tahu bahawa getah synthetic pun boleh digunakan dalam bidang baharu ini, akan tetapi kita tahu juga iaitu jenis getah synthetic yang boleh bertanding dengan getah asli dalam kegunaan seperti yang saya sebutkan tadi adalah jauh lebih mahal.

Consumption research juga boleh dijalankan supaya technological expertise di

Malaysia iaitu dalam negeri kita sendiri yang boleh menggalakkan perindustrian-perindustrian yang diasaskan di atas getah (rubber-based industries). Ini adalah pandangan yang patut dikaji kerana getah asli lebih senang didapatkan di Malaysia dan kerana juga pekerja-pekerja lebih mudah diupah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Tuan Yang di Pertua, jadi ini adalah bermakna bahawa dalam negara kita consumption research yang diarahkan kepada tujuan yang saya sebutkan tadi akan membangkitkan keupayaan (potential) yang kaya untuk rubber-based industries yang boleh dikatakan export oriented.

Tuan Yang di Pertua, di sini saya suka mengambil kesempatan menyentuh sedikit kepada betapa perlunya negara kita melatihkan saintis-saintis Malaysian yang boleh mengambil bahagian berkhidmat dalam yunit-yunit penyelidikan di bawah MRRDB baharu itu. Walaupun yunit penyelidikan di negeri England dinamakan Natural Rubber Producers Research Association ataupun Gabungan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Asli dan perbelanjaan besar yang semuanya dibayar oleh Malaysia, tetapi adalah dirasai anih kerana dari 70 orang saintis-saintis yang berkhidmat di situ, hanya lebih kurang 10% sahaja adalah dijawat oleh Malaysian. Tentang segi Malaysianisation ini, saya pun bersependapat dengan saudara Yang Berhormat Ahli dari Temerloh. Alangkah baiknya jika lebih banyak lagi saintis-saintis Malaysian dilatih dan diadakan untuk menyesuaikan dan berusaha yunit penyelidikan itu.

Tuan Yang di Pertua, sebagai penutup saya suka menyampaikan satu perkara kepada Dewan ini tentang kedudukan Ketua Pegawai yang memegang teraju Malayan Rubber Fund Board yang akan diberi nama yang baharu. Saya percaya tidak salah iaitu kerusi yang tertinggi dalam perbadanan penting itu sudah diduduki oleh seorang expatriate sejak tahun 1962 dan masih belum dimalaysianisekan. Saya percaya kita tidak kekurangan dari segi pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk memegang jawatan utama itu dan saya suka mengambil kesempatan merayu kepada pihak yang berkenaan mengambil langkah yang sesuai supaya jawatan itu dimalaysianisekan.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin bercakap dengan terang bahawa apa yang saya telah sampaikan kepada Dewan ini tentang perkara

ini bukanlah sebagai teguran atas kelayakan pegawai yang cergas itu. Saya yakin bahawa beliau adalah seorang pegawai yang cekap, kerana jika tidak, beliau tidaklah berjaya menjawat jawatan yang penting itu sudah begitu lama. Maksud saya hanya menyampaikan perkara ini, seperti yang kadangkala didengar di luar Dewan ini, untuk pengetahuan Kementerian yang berkenaan, supaya jika ada asasnya jawatan itu patut di-Malaysianisekan, mudah-mudahan ianya akan dilaksanakan pada satu masa yang akan datang. Perkara kelayakan tidaklah timbul. Soalnya ialah dasar Malaysianisation mana-mana yang sesuai.

**Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong):** Tuan Yang di Pertua, saya juga bangun serta untuk mengalu-ngalukan Rang Undang-undang yang ada di hadapan saya ini dan juga saya suka menyatakan, iaini serba sedikit pendapat saya berkenaan dengan Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya berasa syukur dengan adanya Undang-undang ini maka saya berharaplah kepada pihak yang berkuasa supaya menjalankan Undang-undang ini dengan sebaik-baiknya menurut sebagaimana maksud Undang-undang ini; ialah tujuannya hendak memperbaiki keadaan ekonomi pekebun-pekebun getah yang kecil. Ini adalah sangat baik.

Tuan Yang di Pertua, pada pendapat saya jikalau dapat pegawai-pegawai yang dilantik atau pegawai-pegawai yang akan dilantik dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna, saya percaya dan yakin bahawa Undang-undang ini akan memberi kesan yang baik. Tuan Yang di Pertua, jikalau dapat memperbaiki mutu getah supaya mereka boleh dapat harga yang berpatutan kepada pekebun-pekebun yang kecil.

Tuan Yang di Pertua, saya menyentuh sedikit berkenaan dengan kesusahan pekebun-pekebun kecil ini tentang cukainya. Cukai kebun getah ini, yang mana saya ketahui \$3.00 pada satu ekar di dalam satu tahun. Ini, Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi bebanan yang berat kepada pekebun-pekebun kecil. Undang-undang ini, saya fikir adalah satu daripada Undang-undang di waktu penjajah dahulu. Dan di samping ini juga kiranya mereka tidak mampu akan membayar cukai kebun ini, mereka akan dikenakan cukai tambahan surcharge 50%.

Ini menambahkan lagi bebanan yang berat ke atas mereka yang mempunyai kebun-kebun yang kecil. Sebagaimana yang saya ketahui, Tuan Yang di Pertua, di dalam kawasan saya telah berlaku perkara ini, lebih kurang pada suatu tahun yang lepas dahulu ada seorang yang mempunyai kebun lebih kurang lapan ekar. Tiba-tiba mereka tidak dapat membayar cukai berpuluh-puluh tahun sehingga cukai ini meningkat kepada \$1,500 lebih kurang, Tuan Yang di Pertua. Kemudian tuan yang mempunyai kebun ini tidak dapat membayar dan Kerajaan telah memberi notis kepada tuan punya kebun ini dan dimasukkan dalam *Gazette* atau *Warta Kerajaan* dengan tempoh tiga bulan. Sehingga habis tempohnya, Tuan Yang di Pertua, yang mempunyai kebun ini adalah orang yang susah dan miskin—tidak dapat membayarnya, maka kebun ini telah terpulang kepada Kerajaan yang berkenaan. Jadi, saya nampak perkara ini, adalah satu pukulan yang teruk kepada pekebun-pekebun yang malang ini. Inilah saya rasa menambahkan kesusahan kepada mereka yang susah seperti kata Pepatah Melayu: Sudah jatuh ditimpa tangga pula.

Tuan Yang di Pertua, saya suka lagi menyentuh satu perkara mengenai dengan mereka yang sudah mati, meninggalkan kebun yang kecil. Tiba-tiba waris mereka akan menuntut. Malangnya, Kerajaan akan meminta bayaran probate. Ini juga menjadi satu kesukaran kepada mereka. Apabila mereka tidak dapat membayar probate ini, maka kebun ini akan lenyap juga. Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, sama juga seperti Undang-undang yang saya katakan tadi. Undang-undang ini adalah Undang-undang yang dibuat oleh penjajah dahulu.

Tuan Yang di Pertua, saya dengan hati yang jujur dan lapang merayu kepada pihak Kerajaan yang berkuasa—Menteri yang berkenaan supaya mencari jalan bagaimana hendak memberi kemudahan kepada pekebun-pekebun yang kecil yang telah kita ketahui bersama-sama bagaimana kesusahan mereka kita telah maklum, Tuan Yang di Pertua.

Bagi kami penduduk dalam negeri Sarawak, Tuan Yang di Pertua, saya telah ketahui misalnya seorang itu ada mempunyai kebun kecil dikatakanlah 5 ekar. Pendapatan di dalam 5 ekar ini, yang saya ketahui setinggi-tingginya di dalam 5 kati sahaja

susunya. Jadi jikalau kita fikir dengan sedalam-dalamnya 5 kati ini lebih kurang pendapatannya dalam \$2 pada masa sekarang. Ini bukan sahaja untuk seorang tetapi mereka ada mempunyai anak dan isteri. Ini sudah tidak cukup, tidak mampu untuk memberi perbelanjaan kepada anak-anak mereka pada tiap-tiap hari, dan bagaimana-lah cara mereka akan mencari jalan untuk kehidupan mereka dan mencari kesenangan. Bagaimana mereka telah melihat orang yang mendapat kesenangan yang boleh mampu memberi pelajaran dan pengetahuan kepada anak-anaknya dan mereka juga ingin turut memberi pelajaran dengan secukup-cukupnya kepada anak-anaknya, tetapi dukacita mereka tidak ada mampu dan tidak ada berkuasa.

Dan di samping ini, saya rasa jikalau lah perkara-perkara yang saya rayu ini tidak dapat dilaksanakan atau tidak dapat diperbaiki, maka saya khuatir ini boleh jadi menambahkan lebih banyak lagi kesusahan kepada mereka-mereka yang mempunyai kebun-kebun kecil. Dan tambahan pula di waktu sekarang ini banyak penganggur-penganggur yang ada di dalam negeri Sarawak apatah lagi jikalau lah harga getah ini tidak mendapat harga yang pendapatan, saya percaya dan yakin bahawa penganggur-penganggur di Sarawak akan bertambah banyak bilangannya. Inilah saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya mencari jalan bagaimana hendak memperbaiki ekonomi pekebun-pekebun kecil ini supaya menyenangkan mereka dan dapat mereka turut juga merasa nikmat dasar Malaysia yang baharu yang kedua ini yang berbunyi: "Hendak mensaibangkan antara orang yang tidak berada dengan orang yang berada". Inilah yang dicita-citakan oleh rakyat seluruhnya.

Saya tidak akan bercakap panjang lagi, Tuan Yang di Pertua, had inilah sahaja dapat saya jelaskan, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat serta cadangan-cadangan yang telah sama-sama dilafaskan oleh mereka itu.

Yang sebenarnya banyak daripada cadangan-cadangan dan pandangan yang dikemukakan itu telahpun mendapat jawapan daripada jawapan yang saya telah beri apakala menjawab menggulung bahasan di

dalam Rang Undang-undang R.R.I. dan Rang Undang-undang RISDA. Oleh sebab pandangan-pandangan yang menjadi sebahagian daripada jawapan-jawapan saya itu telahpun difikirkan dengan cukup halus, maka tak payah saya mengulangkan lagi jawapan-jawapan itu untuk Ahli-ahli sekalian.

Mungkin juga perbahasan Penyata Rasmi (Hansard) akan memberi jawapan-jawapan yang akan suka dicari oleh Ahli-ahli yang akan mendapat pertanyaan-pertanyaan yang mereka kemukakan hari ini. Saya hanya akan menjawab sedikit sebanyak daripada perkara-perkara yang telah dikemukakan iaitu mengenai ethrel. Sebenarnya sungguhpun ethrel telah didapati memberi kesan daripada segi pengeluaran getah asli ini, keburukannya belum lagi kita dapat tahu, jadi kita lagi teragak-agak hendak mengesyorkan supaya ethrel ini diberi kepada pihak pekebun-pekebun kecil. Dalam sedikit masa lagi mungkin juga kita akan dapat tahu apa sebenarnya kesan buruk, ataupun kesan baik daripada ethrel ini dan bilakah patut digunakan dalam keadaan apa patut digunakan maka baharulah kita akan memberi syor-syor kepada pekebun-pekebun kecil atas cara-cara hendak menggunakan ethrel ini dan syarat-syarat apa yang patut dipakai.

Banyak perkara yang telah dibangkitkan ialah mengenai soal siapa yang patut menjadi Pengerusi Lembaga ini dan mengapakah pula saya menukarkan Pengerusinya daripada Pengerusi yang selain daripada Controller of Rubber Research. Saya menukarkan Pengerusinya daripada yang mula-mula yang saya cadangkan itu kerana saya telah dapat beberapa maklumat-maklumat yang menunjukkan bahawa lebih elok lagi Pengerusi Lembaga ini terdiri daripada seorang yang cukup mahir di dalam lapangan sains dan bukanlah terdiri daripada seorang yang general administrator. Jadi, itulah sebabnya, saya tukarkan balik Pengerusi M.R.F.B. ini daripada cadangan saya mula-mula kepada Controller of Rubber Research.

Sambil saya bercakap mengenai Controller of Rubber Research biarlah saya menjawab teguran-teguran daripada dua orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Let me now, Sir, say a few words regarding the Controller of Rubber

Research and Chairman of the Malayan Rubber Fund Board, particularly in relation to the remarks made about him by the Honourable Member for Batu and the Honourable Member for Sitiawan. Dr Bateman is a world authority on rubber and he is acknowledged as such internationally. There is no need for me to talk at great length about his standing and how he came about to be recognised internationally as such. For many years he has served our consumer research establishment in the United Kingdom and for nearly 10 years he was its Director. He was then asked to assume the functions of the Controller of Rubber Research in 1963. Since assuming this post, he has provided dynamic leadership to the M.R.F.B. units such as the R.R.I., the N.R.P.R.A. and the N.R.B. Offices in 10 countries. The advances made in our research efforts through the Research Institute and the impact made by the technical advisory service arm of the M.R.F.B. are clear evidence of his able leadership and personal contributions.

The Member for Batu reminded the House earlier that we should not overlook the contributions made by expatriates. Dr Bateman's contributions are of no mean order, Sir. The Government is aware that we should have Malaysians in every sector of our endeavour. When the time is opportune and appropriate, this will be done in this case too. In our new approach to bring about stability and economic viability to the whole of our natural rubber industry, and the smallholders' sector in particular, we must seek and obtain able assistance and advice from all quarters wherever the best are available. The Government is determined to realise the very objectives inherent in the Bills. In this context, Dr Bateman's continued involvement for some more time would be most useful. I am sure that this approach is consistent with the call made by the Honourable Members for Batu and for Sitiawan for the Government even to obtain the services of expatriates to ensure a dynamic programme in end-use research for the future.

While talking about Malaysianisation, Sir, I would like to show my agreement with the Honourable Member for Temerloh bahawa memanglah elok bagi kita hendak melatih orang-orang Malaysia supaya mereka pada satu masa nanti akan layak mengambil tempat sebagai pegawai-pegawai di Bureau Natural Rubber di sepuluh negara yang telah

kita tubuhkan pada sekarang ini. Sungguhpun kita ada program menjalankan latihan sekarang ini, tetapi belum dapatlah kita melaksanakannya dengan penuh kerana keadaan kita sekarang ini ialah ibarat orang memakai kain yang pendek, hendak menutup di atas, di bawah pula terbuka dan hendak tutup di bawah, di atas pula terbuka. Jadi susahlah bagi saya hendak berjanji hendak melaksanakan program Malaysianisation ini dengan lebih cepat daripada yang kita telah cuba pada sekarang ini. Ada satu aspek commercial yang mungkin kita timbangkan dalam menjalankan Malaysianisation of this Natural Rubber Bureau di beberapa buah negara iaitu daripada segi kita ingin hendak membanyakkan contact-contact commercial kita dalam sesebuah pasaran yang kita ingin hendak taklok. Daripada masa kesatu masa walaupun sudah ada Malaysianisation dijalankan, mungkin kita akan berkehendak kepada bantuan daripada orang-orang yang tinggal di dalam tempat-tempat pasaran itu sungguhpun tidak akan merupakan bantuan yang menjadi besar-besaran ataupun berkekalan.

Masa kita bercakap soal hendak menjalankan Malaysianisation, eloklah juga saya nyatakan disini bahawa MRFB telahpun dalam lima tahun yang lepas menjalankan acara-acara memberi biasiswa-biasiswa. Dalam lima tahun yang lepas tadi, kita telah berbelanja \$1.2 juta untuk menghantarkan 44 orang pelatih ke College of Agriculture, Serdang, 21 orang ke University of Malaya, 24 orang untuk post graduate study di universiti-universiti di beberapa tempat diseborang laut, 25 orang ke National College of Rubber Technology, 23 orang untuk Rubber Processing and Factory Management Course dan 40 orang kepada penuntut-penuntut Melayu yang sekarang di dalam Tingkatan IV, termasuk dalam program latihan ini juga kita ada menghantar 21 orang ke Pusat Penyelidikan kita di United Kingdom iaitu NRTRA daripada program-program ini dan daripada program-program yang akan datang, maka besariah harapan saya bahawa kita mungkin juga akan dapat memenuhi cita kita hendak Malaysianisekan beberapa jawatan yang ada di dalam RRI dan di tempat-tempat lain.

Saya juga sangat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh bahawa

masanya sudah tiba bagi kita hendak menghentikan amalan-amalan yang hanya menggambarkan, memprojekkan imej natural rubber amnya dan bukan memprojekkan imej Malaysian Natural Rubber. Jadi ini terpaksa berlaku daripada masa yang lepas kerana kita hanya menjalankan technological promotional service sahaja dan tidak ada commercial dan economic intelligence service.

Selepas Rang Undang-undang ini diluluskan nanti maka satu susunan baharu akan kita jalankan di mana kita akan dapat menubuhkan satu yunit yang akan menyatukan berbagai-bagai maklumat-maklumat dan akan merancang bagaimana kita dapat menggunakan strategi-strategi kita kempen untuk getah-getah asli ini supaya juga menjadi satu strategi hendak menggambarkan untuk getah asli Malaysia sendiri. Dengan tujuan itu juga kita telahpun ada rancangan yang kita akan laksanakan secara beransur-ansur tetapi semakin sehari semakin pesat, iaitu hendak menubuhkan banyak lagi garisan-garisan research mengenai kegunaan di Kuala Lumpur ini. Satu, untuk tujuan menggalakkan perindustrian dan dua, untuk menubuhkan lagi pada satu masa nanti satu yunit seperti di United Kingdom yang boleh memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan di Asia dan di Australia ini yang mempunyai kemungkinan akan menggunakan lebih banyak getah lagi.

Pada satu masa nanti adalah consumer service ataupun consumer research service di Kuala Lumpur ini yang akan memberi service kepada Australia, Indonesia, Jepun dan tempat-tempat lain terutama sekali kalau keadaan politik sudah mengizinkan di negeri Cina juga.

Masa menyentuh pasaran kita di negeri Cina, saya sangat puas hati memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa jualan getah kita kepada negeri Cina tahun ini nampaknya lebih baik daripada tahun yang lepas. Kemungkinan kita akan menjual lebih daripada 100,000 tan memanglah sangat kuat.

Ada cadangan-cadangan lain yang elok telah dikemukakan. Jadi bagi saya hendak bercakap sekarang ini mungkin akan ditubuh tidak memberi fikiran yang cukup halus ke atasnya, maka biarlah saya katakan saya timbangkan dahulu. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin hendak tahu jawapannya mungkin pada peringkat yang lain mereka

akan dapat jawapan daripada saya supaya nampak juga saya ada menimbangkan dengan sehalus-halusnya, Tuan Yang di Pertua.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di Pertua, saya ingin juga menjawab teguran daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya saya terima segala teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat sekalian sebagai teguran, kata mereka teguran yang jujur dan saya haraplah jawapan-jawapan saya diterima sebagai jawapan yang diberi kerana penghormatan saya kepada facts dan kebenaran saya memberi jawapan itu dengan semangat yang jujur tidak ada perasaan yang marah dan apa-apa sungguhpun dalam enthusiasm saya, saya nampak banyak rupa spiritnya, Tuan Yang di Pertua, sebenarnya tidak ada jawapan itu diberi dengan perasaan perseorangan sama sekali.

Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Jadual seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Pindaannya adalah seperti berikut:

*Jadual—Seksyen 3 (4) dan (5)—*

*Seksyen-kecil (4) (e) gantikan dengan yang berikut—*

“(e) three other members one of whom shall be from East Malaysia and another from the Federal Land Development Authority.”

*Schedule—Section 3 (4) and (5)—**Subsection (4) (e) substitute the following—*

“(e) three other members one of whom shall be from East Malaysia and another from the Federal Land Development Authority.”

*Jadual—Seksyen 7—**Gantikan perenggan baharu (gg) dengan yang berikut—*

“(gg) co-operate and liaise with all other national agencies responsible for research, extension, provision of agricultural credits, processing and marketing of rubber and to generally promote the modernisation of the rubber industry.”

*Schedule—Section 7—**Substitute for the new paragraph (gg) the following—*

“(gg) co-operate and liaise with all other national agencies responsible for research, extension, provision of agricultural credits, processing and marketing of rubber and to generally promote the modernisation of the rubber industry.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Jadual* sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUMPULANWANG PERUSAHAAN  
GETAH (PENANAMAN SEMULA)  
(PERLANJUTAN KUATKUASA)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang Kumpulwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Perlanjutan Kuatkuasa), 1972 untuk dibacakan kali yang kedua.

Saya tidak akan bercakap panjang sangat mengenai Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua. Sebenarnya tujuan Rang

Undang-undang ini adalah sangat mudah iaitu hendak memberikan kuasa kepada Menteri supaya dapat melanjutkan kuatkuasa Rang Undang-undang yang menubuhkan sebuah tabung kumpulanwang yang patutnya berhenti dalam hujung tahun ini kepada sepanjang-panjangnya seperti yang akan ditentukan oleh Menteri.

Dengan itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang keduanya.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menyamak gaji-gaji dan elaun-elaun yang dibayar kepada ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan juga untuk mengadakan faedah-faedah yang lain bagi mereka itu. Rang Undang-undang ini mengandungi beberapa perubahan-perubahan yang baru mengenai gaji bagi Pengerusi-pengerusi, elaun tetap untuk ahli-ahli



Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan dan juga bagi membekalkan faedah ganjaran yang baru bagi kesemua mereka-mereka yang berkenaan. Syor-syor yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada satu kajian yang mendalam yang dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan oleh Jumaah Menteri baru-baru ini.

Jawatankuasa yang berkenaan telahpun diberi ketentuan tugas bagi menimbangkan prinsip-prinsip yang patut di ikuti bagi menentukan saraan bagi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan memandangkan kepada bebanan tugas dan juga kedudukan Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan semenjak undang-undang digubal dalam tahun 1957. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perbelanjaan hidup sehari-hari dan juga nilai matawang telah banyak berubah semenjak 15 tahun yang lalu. Pertimbangan juga patutlah diberi kepada corak kebebasan Suruhanjaya-suruhanjaya itu bagi menetapkan saraan bagi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan. Pihak Kerajaan, Tuan Yang di Pertua, telahpun memberi kenaikan-kenaikan gaji kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, guru-guru dan baru-baru ini, kepada anggota-anggota Angkatan Tentera. Pada tahun yang lepas, Dewan ini telah juga meluluskan perubahan gaji dan elaun-elaun bagi Hakim-hakim dan Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri-menteri dan ahli-ahli pentadbiran yang lain. Memandangkan kepada faktor-faktor ini, maka Kerajaan telahpun menerima setengah daripada syor-syor Jawatankuasa yang berkenaan. Adalah perlu dinyatakan di sini, Tuan Yang di Pertua, bahawa syor-syor kenaikan saraan bagi Pengerusi-pengerusi dan juga ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas itu adalah lebih tinggi daripada apa yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini. Pihak Kerajaan telahpun menimbangkan dengan sehalus-halusnya akan saraan yang berpatutan yang patut diberi kepada ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan. Adalah didapati bahawa cadangan-cadangan sebagaimana yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang adalah cadangan-cadangan yang difikirkan berpatutan dan yang adil sekali

dari segi bebanan tugas Suruhanjaya-suruhanjaya itu, kenaikan sara hidup dan juga dari segi kepentingan awam. Selain daripada perubahan-perubahan gaji dan elaun tetap sebagaimana yang didapati dalam pindaan kepada Jadual pada fasal 3 Rang Undang-undang ini, pindaan Rang Undang-undang ini juga mencadangkan satu sekim bayaran ganjaran kepada semua anggota-anggota Suruhanjaya tersebut, iaitu dikira di atas kadar satu bulan gaji atau elaun tetap bagi tiap-tiap satu tahun genap perkhidmatan apabila mereka itu meninggal dunia semasa memegang jawatan ataupun berhenti daripada memegang jawatan-jawatan mereka itu. Pada keseluruhannya adalah difikirkan bahawa kenaikan gaji bagi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan dan juga pemberian faedah ganjaran itu adalah difikirkan wajar memandangkan kepada terhadnya mereka mengambil bahagian dalam perniagaan semasa mereka menjadi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan.

Butir-butir perubahan-perubahan gaji dan elaun tetap yang didapati dalam pindaan Jadual pada fasal 3 Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan), 1972 ini adalah seperti berikut:

(i) *Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*

Gaji bagi Pengerusi dicadangkan dinaikkan daripada \$2,500 sebulan menjadi \$3,500 sebulan. Bagi Timbalan Pengerusi pula adalah dicadangkan bahawa gajinya dinaikkan daripada \$1,850 sebulan menjadi \$2,750 sebulan. Bagi ahli-ahli pula dicadangkan supaya elaun bulanan sebanyak \$750 sebulan dinaikkan menjadi \$1,000 sebulan dengan ditambah elaun sebanyak \$50 tiap-tiap hari apabila seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat Suruhanjaya ataupun mesyuarat jawatankuasanya dengan syarat jumlah elaun bagi seseorang ahli itu termasuk elaun tetap bulanan tidak melebihi daripada \$2,000 bagi satu-satu bulan.

(ii) *Suruhanjaya Pasukan Polis*

Bagi ahli-ahli dicadangkan supaya elaun tetap sebanyak \$500 sebulan dinaikkan menjadi \$750 sebulan dengan ditambah elaun sebanyak \$50 bagi tiap-tiap hari apabila ahli-ahli itu menghadiri mesyuarat dengan syarat jumlah elaunnya termasuk elaun tetap



sebulan bagi mana-mana bulan tidak akan melebihi daripada \$1,750 sebulan.

(iii) *Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang*

Bagi ahli-ahli adalah dicadangkan supaya elaun tetapnya sebanyak \$500 sebulan dinaikkan menjadi \$750 sebulan dengan ditambah elaun sebanyak \$50 bagi tiap-tiap hari seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat dengan syarat jumlah elaunnya termasuk elaun tetap bagi mana-mana bulan tidak melebihi daripada \$1,750 sebulan.

(iv) *Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi*

Adalah dicadangkan supaya gaji bagi Pengerusi Suruhanjaya ini dinaikkan daripada \$2,250 sebulan menjadi \$3,000 sebulan. Bagi Timbalan Pengerusi dicadangkan supaya gaji dinaikkan daripada \$1,580 sebulan menjadi \$2,250 sebulan. Bagi ahli-ahli pula dicadangkan elaun bulanan sebanyak \$500 sebulan dinaikkan menjadi \$750 sebulan dengan ditambah elaun sebanyak \$50 bagi tiap-hari seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat dengan syarat jumlah elaunnya termasuk elaun tetap bulanan bagi mana-mana bulan tidak melebihi \$1,750.

*"Elaun tetap" bagi ahli-ahli Suruhanjaya*

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Keretapi tiada dilarang daripada memegang jawatan-jawatan yang bergaji di dalam perkhidmatan awam dan pihak berkuasa awam. Oleh itu, mereka tidaklah dianggap semestinya bekerja sepenuh masa dan menerima gaji yang tetap, maka saraan mereka tiadalah wajar dipanggil *gaji*, sebagaimana yang didapati di dalam jadual undang-undang sekarang. Adalah dicadangkan bahawa perkataan "*gaji*" di dalam Jadual dan Ordinan-ordinan yang berkenaan hendaklah diubah menjadi "*elaun tetap*" (fixed allowance).

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Jadual sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

*Jadual—*

Pindaannya adalah seperti berikut:

Jadual—butiran 3 (b) di bawah kepala "Public Services Commission".

Gantikan "\$2,000" dengan "\$1,000".

Jadual—butiran 1 (b) di bawah kepala "Judicial and Legal Service Commission".

Gantikan "\$1,750" dengan "\$1,000".

Jadual—butiran 3 (b) di bawah kepala "Railway Service Commission".

Gantikan "\$1,750" dengan "\$1,000".

Jadual—butiran 1 (b) di bawah kepala "Police Service Commission".

Gantikan "\$1,750" dengan "\$1,000".

Schedule—item 3 (b) under heading "Public Services Commission".

Substitute "\$1,000" for "\$2,000".

Schedule—item 1 (b) under heading "Judicial and Legal Service Commission".

Substitute "\$1,000" for "\$1,750".

Schedule—item 3 (b) under heading "Railway Service Commission".

Substitute "\$1,000" for "\$1,750".

Schedule—item 1 (b) under heading "Police Service Commission".

Substitute "\$1,000" for "\$1,750".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Jadual* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai semua Urusan Kerajaan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Dan saya mohon mencadangkan iaitu Dewan ini ditangguhkan hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai semua Urusan Kerajaan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Dan saya mohon mencadangkan iaitu Dewan ini ditangguhkan hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menyemak gaji dan elaun tetap yang

dibayar kepada Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, dan juga bagi membekalkan faedah ganjaran yang baru bagi kesemua mereka yang berkenaan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam mengemukakan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 pada sebentar tadi, saya telahpun menyatakan bahawa syor-syor yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu adalah hasil daripada syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa khas yang telah dibentuk oleh Jumaah Menteri. Tugas-tugas Suruhanjaya Pilihanraya adalah juga didapati meningkat naik semenjak beberapa tahun yang lepas. Bebanan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ini akan bertambah lagi oleh kerana adalah diharapkan bahawa pendaftaran pengundi-pengundi bagi sepanjang tahun akan dimulakan pada tahun hadapan. Perkara 114 (1) Perlembagaan Persekutuan mensyaratkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dianggotakan dengan seorang Pengerusi dan tiga orang ahli yang lain. Ini adalah bermakna bahawa keanggotaan Suruhanjaya itu adalah terhad kepada empat orang sahaja. Memandangkan kepada bebanan kerja yang dipikul oleh 4 orang ini, adalah difikirkan wajar dan berpatutan bagi dinaikkan gaji Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya daripada \$2,500 sebulan kepada \$3,000 sebulan dan bagi elaun tetap ahli-ahli dinaikkan daripada \$750 sebulan menjadi \$1,000 sebulan dengan ditambah \$50 tiap-tiap hari apabila seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat Suruhanjaya ataupun mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dengan syarat jumlah elaun bagi seseorang ahli termasuk elaun tetap tidak lebih daripada \$2,000 bagi mana-mana bulan. Saya juga, Tuan Yang di Pertua, ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh dihadkan mengambil bahagian di dalam perniagaan, bertugas dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji luar daripada kewajipan-kewajipan jawatannya.

Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya dibayar ganjaran kepada Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya yang dikira atas kadar satu bulan gaji atau elaun tetap bagi tiap-tiap satu tahun perkhidmatan genap apabila Pengerusi atau ahli-ahli itu, saya harap tidak meninggal dunia semasa memegang jawatan atau berhenti daripada memegang jawatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Peguam Negara dan disamping saya bercakap dalam bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, saya menyokong sepenuhnya elaun atau gaji yang dicadangkan untuk Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan disamping itu saya hendak bertanya kepada pihak yang berkuasa.

Mr Speaker, Sir, the Constitution lays down that after the first Election there should be a close look on the existing constituencies in West Malaysia at least and that there should be adjustments made if necessary. I well remember that when Dato Mustapha Albakri, the first Chairman of the Election Commission, made proposals for the realignment of the constituencies in West Malaysia, or in Malaya at that time, there was an uproar in this House because obviously in any redrawing of the constituencies, in accordance with the concept of population or the voters in any existing constituency, it is bound that you have got to take away from somebody and you have got to give something to somebody; and, of course, the people who had their constituents taken away naturally were aggrieved and they raised an uproar in this House. Many of them castigated the first Chairman of the Election Commission in no uncertain terms when the poor man stated what was the truth. Then he said, "Look here, you have set a set of rules for me and I just merely implement what you have set for me to do. If you do not like what I have done, then the solution is very simple. You just redraw the rules and I will follow what you have set out for me to do". Regrettably, the House at that time then did exactly that—they just threw away the recommendations of Dato Mustapha Albakri.

Mr Speaker, Sir, just before the last Election, another exercise had been carried

out, and I wish to ask the Attorney-General what has happened to this re-alignment of the constituencies in West Malaysia. It is now 15 years since we achieved Merdeka and it is about time that the constituencies are redrawn in order to see that there should not be over-weightage to some constituencies. For example, Mr Speaker, Sir, we all know that in the last Election, as indeed now, the constituency of Bungsar had round about 80,000 voters, but the constituency of Johor Timor—I stand corrected—I think had round about 16,000 voters. Mr Speaker, Sir, this clearly is unacceptable, because one vote in Johor Timor then becomes equivalent to five votes in Bungsar. Consequently, I shall be very grateful, Mr Speaker, Sir, if the Attorney-General, when the time comes for him to reply, will tell us what the Election Commission is doing with regard to this redrawing of the constituencies taking into account the population or the voters in any constituency; and I would prefer, Mr Speaker, Sir, if the constituencies were mixed up or regrouped, so that there is no preponderance of one racial group in any particular constituency.

I would prefer that the Election Commission would be brave enough to say that in a predominantly or in a solely Malay-constituency, it would cut it out a bit and put it in a Chinese-dominated and *vice versa*. Mr Speaker, Sir, I think the people of this country will be very grateful for an answer from the Attorney-General.

**Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I speak on this particular Bill, on the working of the Election Commission itself. There are three points which I would like to draw the attention of this House to, in particular the Chairman of the Commission.

Firstly, Sir, it is in connection with nomination papers.

**Tuan Yang di Pertua:** Will you confine your speech to the Bill and not to elections and other things—to what is mentioned in the Bill?

**Datuk James Wong Kim Min:** Well, Mr Speaker, Sir, may I be permitted to touch on the working of the Commission itself.

**Tuan Yang di Pertua:** Carry on!

**Datuk James Wong Kim Min:** Well, Mr Speaker, Sir, I am trying to be as constructive as possible here. We have no objection at all on our side to the remuneration which is going to be paid. We feel that the Commission is doing a fine job and it is going to do a better job when the Members and the Chairman are paid salaries commensurate with their services.

Coming to my first point, Sir, on the question of nomination papers, I would like to make a suggestion here. The nomination papers, as they are today, are too complicated for the average person who wishes to stand for elections to understand. There has been a fuss over the years where candidates have been disqualified because their nomination papers have not been filled in properly. This is a technical point, Sir, and I am sure that it is not the intention of the Government and least of all of the Commission that candidates who wish to stand for election should be disqualified merely due to the fact that they themselves do not know how to fill the papers. A case in point, Sir, to which my attention has been drawn, is the case of Sabah. During the recent Sabah State Elections one party told me that they filled 12 candidates and they asked the advice of a lawyer there as to how to fill the papers. They said all the 12 candidates were disqualified because the lawyer advised them to fill the papers in the point where, "How do you like to describe yourself?" as a "sheaf of padi" and they were consequently disqualified because of that. I think this is very undesirable. In the interest of the nation, I would like to make a plea here to the Commission to make the nomination papers simpler so that everybody could understand them and fill them properly and also to have specimens made out simultaneously so that people who wish to stand for election would be able to fill their papers intelligently and they would not be disqualified merely because of the ignorance or lack of technical knowledge as in the case of Sabah, where I was told even a lawyer did not know how to fill the papers properly!

The second point I would like to bring up here is the question of mobile teams. I do sincerely hope for the rural areas, particularly in Sarawak, Sir, where the electoral areas are very large, mobile teams should and must be sent, to the various areas throughout the constituency during the election time.

The third point I would like to bring up is the question of electoral rolls. I believe, this is open for a couple of weeks every year. In this respect I would very much like to make a plea here that the Election Commission should give more publicity to the fact that the electoral rolls are open and that citizens who have not registered themselves would be given an opportunity, a chance for them to have their names put on the electoral rolls. More publicity should be given when the electoral rolls are open. Thank you.

**Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I wish to take the opportunity to raise a few points in connection with the work of the Chairman of the Election Commission. I think, Mr Speaker, Sir, there is no doubt that there is considerable room for increasing the efficiency of the Election Commission in terms of whether it is the voters registration or in terms of co-ordination of electoral rolls and election procedures. In order to ensure that the election process is meaningful, I would seriously suggest to the Elections Commission consider the possibility of forming a standing all-party advisory committee whereby all parties have representatives, which can co-ordinate and have a consultative capacity in terms of putting forward to the Elections Commission the views and the problems of the various political parties in order to carry out the electoral process, to make it a more efficient and more competent one.

As the Honourable Member for Miri-Subis has mentioned, a situation whereby a candidate is disqualified on the ground of a comma or the insertion of the wrong word makes a mockery of the election process. I think, for instance, this advisory committee would be able to solve this problem by coming out with a standard procedure as to how such forms can be filled: otherwise, it would be subject to the whims and fancies of different Returning Officers. We have had experience in the former by-elections and previous General Elections that different Returning Officers have different rules. One Returning Officer, for instance, would disqualify a certain form, whereas another Returning Officer in another area would permit it. I think this can be standardised and such-like problems, and there are a lot of them, can be discussed if

an advisory committee of all political parties is formed in order to ensure that there is standardisation and give no room for irregularities or whims and fancies.

Finally, Mr Speaker, Sir, we are really concerned and would like to know about the outcome of the delineation of the electoral boundaries by the Election Commission. Before 1969 there was a report and there was an enquiry subsequent to it, and we would like to know when such a report would come to this House for debate and for adoption; and we would also like to know whether these new proposed delineated boundaries will be used for the next General Elections. I hope the Government will not bring about a situation whereby there is uncertainty as to the new boundaries of constituencies, or on the eve of the General Elections suddenly we will find that all the boundaries have been changed. I think it is only fair that all parties concerned should be given ample time to know as to whether there is going to be a change in electoral boundaries in two years or three years, and I think the Government owe the Opposition in particular a clarification on this. Thank you.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I brought this Bill only regarding the pay and allowances for the Commission and as you all know, the Election Commission is independent as any Judge and cannot be criticised except by bringing a motion in Parliament. But that does not mean that you cannot say something or ask certain things about it. But then, as I said earlier, I am bringing this Bill as regards their pay. Since they are independent, I do not know what is going on in the Commission, neither does the Government.

The Government cannot go and just probe and ask what is going on in the Election Commission. It is an independent body. Otherwise, if we go about asking a number of things from the Election Commission, then they will say that we are trying to influence the Commission. As such, how can I answer all these things when I do not know myself because that is an independent body just like a court.

Your ruling just now was Members have to speak on what is contained in this Bill, but not something to do with the conduct or on what is going on in the Commission. I think an Honourable Member can write a

letter to ask the Commission itself or see the Chairman of the Election Commission to know what is going on. As far as I remember, regarding the delineation of boundaries, I think the Election Commission is doing the work now and very soon we may get the report here. This is only my conjecture. I may have to ask them. But I think the delay is due to the 13th of May riots and then we had the emergency. That is the reason for the delay and the reason why the subsequent report is not ready up to now. The difference between the earlier report up to now is almost three to four years and to submit a report which is four years old will not make sense since in the last four years the number of voters have increased. This is the difficulty of the Commission, but they are preparing the report and if ever there is anything they will not submit it to the Government except to this House. At that time, it will be fully debated in this House as to whether the boundaries are fair or just, or whether it is to the advantage of one party or the other. It can be fully debated in this House.

As regards the Honourable Member mentioning about difficulty of the nomination papers—to make it simpler—well, I have seen these nomination papers, Mr Speaker, Sir, and it is a very easy form. You just put the name there, permanent address, occupation and the names of the supporters, seven of them with their names and their number in the electoral roll. If someone really wants to be nominated to stand for election and cannot fill that simple form, then I don't know how to make it simpler and how on earth is he to become a Member of Parliament. It is very simple. The trouble is that mistakes have been made, I don't know whether purposely or inadvertently, but if you make those mistakes, some are fatal and then you are disqualified. It is very easy for someone—if I am one of those candidates and I want to disqualify myself purposely, I leave out my occupation. It doesn't mean that I am a fool for not filling that, but I want to be disqualified. That is all.

**Tuan Lim Kit Siang:** Just to clarify this point.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** I am replying to the Honourable Member for Miri-Subis regarding the necessity of making nomination papers simple. I think I won't give way. So . . . . .

**Datuk James Wong Kim Min:** Mr Speaker, Sir, what I said just now was that mistakes have been made and will continue to be made and what I said just now was that in the case of Sabah, I was told, that the forms were filled by none other than a lawyer and he actually advised them how to do it and it was a mistake; where it said how do you like to be described, and the lawyer said as a "sheaf of padi" (*Ketawa*).

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** We do not know whether that lawyer purposely made that mistake. (*Ketawa*). I know nothing about it. That is why I say it is not the difficulty. So the Honourable Member made a fool of himself by talking all these foolish matters which should not be brought to this House.

**Datuk James Wong Kim Min:** Bangun.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** I won't give way. As regards the Honourable Member for Bandar Melaka, I think notes have been made of what he said and all those matters spoken by the Yang Berhormat will be transmitted to the Suruhanjaya Pilihanraya, who will note these things and will consider them. I cannot reply because it is an independent body. That is all.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3—*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan Jadual pada Fasal 3 yang ada sekarang itu dipinda sebagaimana yang ada dibentangkan bersama-sama dengan Undang-undang ini dan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadual—

butiran 2 (b) ... Gantikan "\$2,000" dengan "\$1,000".

Schedule—

item 2 (b) ... Substitute "\$1,000" for "\$2,000".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 3* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## PENANGGUHAN

(Usul)

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan, iaitu Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### MENGHISAP ROKOK MERBAHAYA KEPADA KESIHATAN

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di Pertua, pada petang ini saya hendak mengambil kesempatan untuk bercakap sepatah dua kata tentang penghisapan rokok yang membahayakan kepada kesihatan dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this evening, I wish to dwell a little on the danger of smoking to health and the steps that the Ministry of Health should take in order to cut down the incidence of smoking with its attendant danger to health.

There is no doubt that smoking is deleterious to health and, in particular, it is now proved beyond doubt that the incidence of cancer of the lungs is much greater amongst smokers than amongst non-smokers.

As such, it should be one of the duties of the Ministry of Health to lead a campaign against smoking. Thus, the Minister should take up with his Cabinet colleague, the Minister of Information and Broadcasting, to ban all advertisements on smoking over Radio and Television. I do know that it will cost the Government quite a bit in revenue, but that can easily be offset by the money that the Ministry of health will have to spend in order to repair the damage done by smoking.

In most countries, a notice, e.g. "SMOKING IS DANGEROUS TO HEALTH" is printed on the cigarette itself, so that those who continue to smoke despite this warning do so at their own risk.

Now, I do know that the Tobacco Lobby in this country, and in particular in this House, is powerful; but, despite this, I call on the Minister of Health to carry out the two measures that I have just outlined.

I call on the Ministry of Health to direct its attention at the students in our schools today, so that the younger generation at least can be advised against the evils of smoking. If the Minister does that, and he is successful, he will have earned the undying gratitude of thousands, nay tens of thousands of parents and at the same time safeguard the health of the rising generation.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I wish to congratulate the Dewan Bandaraya on the ban on smoking in cinemas in Kuala Lumpur. Although this is ostensibly to eradicate one of the nuisances in cinemas, nevertheless it will go a long way towards teaching people not to smoke and teaching them that smoking is dangerous to their health. Thank you.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua, sebagai menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu, saya suka menerangkan dengan ringkasnya adalah Kementerian saya sedar bahawa merokok adalah merbahaya kepada kesihatan. Oleh itu, Kementerian saya telah mengkaji masalah ini bersama-sama dengan Persatuan Perubatan Malaysia. Pada masa sekarang butir-butir atau rancangan anti-merokok melalui Undang-undang dan kempen anti-merokok sedang diberi pertimbangan yang aktif oleh Kerajaan.

#### **PAKAR MATA DI RUMAH SAKIT UMUM, MELAKA**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di Pertua, pada 19hb Mei, tahun ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (DAP) bagi kawasan Kota Timur di negeri Melaka, Encik Bernard Sta Maria, telah menulis sepucuk surat aduan kepada Menteri Kesihatan terhadap sikap sombong dan bongkak Dr L. Mohan, pakar mata di Rumah Sakit Umum Melaka yang dilakukan terhadap pesakit-pesakit dan orang awam.

Encik Bernard telah menulis kepada Menteri sebagai menyalut seruan Menteri yang telah dibuat kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen supaya berhubung dengan beliau mengenai sebarang aduan yang ingin mereka buat, dan bukannya membuat kenyataan-kenyataan akhbar. Sangat-sangat dikesali yang hingga hari ini, surat yang dikirimkan oleh Encik Bernard kepada Menteri Kesihatan belum pun menerima apa-apa jawapan atau akuan.

Encik Bernard membawa perkara ini, di mana beliau sendiri semasa menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ahli Dewan Negeri, mengalami sikap sombong dan bongkak yang dilakukan oleh seorang doktor Kerajaan.

Sebagai yang telah dinyatakan di dalam suratnya, pada 17hb Mei, Encik Bernard didesak oleh seorang pengundi dikawasannya untuk bercampur tangan bagi pehak pesakit yang telah diberi empat bulan pandangan sebelum beliau menjadi buta terus. Pesakit ini ingin pergi ke Cina untuk mendapatkan rawatan, dan untuk memohon kebenaran dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk perjalanan ke Cina dan beliau perlukan sijil perubatan (Medical Certificate).

Walau bagaimanapun, pesakit ini telah mengalami kesulitan untuk mendapatkan sijil perubatan tersebut, dan Encik Bernard telah ditemui untuk mendapatkan sijil sakit tersebut tanpa langkah-langkah.

Oleh kerana Pemangku Pegawai Kesihatan telah menghadiri suatu mesyuarat, bila Encik Bernard tiba di Rumah Sakit Umum Melaka, beliau berjumpa dengan doktor yang berkenaan, iaitu pakar mata Dr (Puan) L. Mohan.

Di sini saya ingin memetik surat yang dikirimkan oleh Encik Bernard kepada Menteri tersebut satu perenggan sahaja untuk menceritakan kes itu.

"After having introduced myself, I met the doctor at her office in the presence of a hospital assistant. Without giving me a chance to explain my purpose in coming to see her, she questioned my right in coming to see her, raising her voice from the beginning. Although I attempted to explain to her why I had come to see her, her anger and loud voice gave me no opportunity to air my views. In less than two or



three minutes, she walked out of her office and literally drove me out of her office."

Dan selepas itu Dr Mohan keluar dari pejabatnya dan selepas itu pergi kepada pesakit-pesakit yang meminta sijil sakit itu serta memakinya, di hadapan enam atau tujuh orang pesakit-pesakit lain, Pembantu Rumah Sakit, dua atau tiga Jururawat, seorang "staff nurse", dan dua orang attenden.

Encik Bernard cuba bercampur tangan dan meminta doktor tersebut jangan memaki dan memalukan pesakit tersebut di tempat umum, yang sedang sakit, tetapi doktor tersebut tidak mengindahkan beliau dan terus menunjukkan kemarahan beliau di hadapan orang ramai. Di suatu ketika, beliau pun menyentuh (struck) Bernard Sta Maria.

Ini adalah perkara yang serious. Jika seorang doktor bersikap sombong dan bongkak kepada seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, kita dapat menduga bagaimanakah sikapnya terhadap orang-orang umum. Rumah Sakit Umum Melaka telah menjadi pusat aduan mengenai sikap sombong dan bongkak.

Hanya beberapa hari yang lepas, seorang Justice of Peace (J.P.) dan seorang Ahli Lembaga Melawat Rumah Sakit Umum telah menjadi mangsa sikap sombong dan bongkak ini. Mereka membantah dan dapat apology.

Tetapi apakah hal dengan beribu-ribu orang biasa, yang setiap hari dimaki dan dihamun. Mereka tidak mendapat apa-apa "remedy".

Sikap Kementerian yang telah gagal melayan aduan yang telah dibuat oleh Encik Bernard menunjukkan perkara yang sedih terhadap masaalah ini.

Saya mendesak Kementerian Kesihatan supaya memberi arahan kepada semua kakitangan Rumah Sakit Umum Melaka, dari doktor-doktor hingga ke atenden-atenden supaya menjalankan kempen tata tertib dan bersopan santun selama satu bulan—di mana pada bulan ini, akan terdapat seorang Pegawai Aduan yang bertugas di Rumah Sakit Umum untuk menerima aduan-aduan terhadap sikap sombong dan tidak bersopan santun kakitangan rumah sakit bagi menukar sikap setengah-setengah kakitangan rumah sakit di dalam perhubungannya dengan orang ramai.

Sangat dikesalkan yang sejak Menteri Kesihatan memegang jawatan pada bulan Januari tahun ini, beliau tidak pun memberi perhatian serious terhadap masaalah bersopan santun di rumah-rumah sakit. Saya harap yang beliau akan menjalankan kempen sopan santun yang bermakna di Rumah Sakit Umum Melaka dan di semua hospital-hospital dan kelinik-klinik lain.

Akhirnya saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri telah mengambil apa-apa tindakan terhadap aduan yang dibuat oleh Encik Bernard Sta Maria.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, setakat yang diketahui surat dari Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Kota Timor bertarikh 19hb Mei, 1972 itu tidak diterima oleh saya. Sebab itulah mengapa tiada jawapan atau akuan yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat itu. Sungguhpun demikian sekiranya Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka dapat menghantar kepada Kementerian satu salinan surat aduan yang dihantar tempoh hari satu siasatan akan dijalankan dengan secepat mungkin. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah mengarahkan tiap-tiap hospital supaya menubuhkan Jawatankuasa Perhubungan Awam supaya apa-apa kemusykilan atau aduan dari orang ramai dapat diselesaikan secara muhibbah.

Tuan Yang di Pertua, dalam bulan April saya sendiri pun telah melawat Hospital Melaka. Pada masa itu saya sendiri bercakap dengan semua Pegawai-pegawai Perubatan dan kakitangan-kakitangan hospital itu hendaklah bertugas dengan bersungguh-sungguh supaya pesakit-pesakit yang dirawat di hospital itu dapat diubat dengan cepat dan saya sendiri pun bercakap kepada semua kakitangan supaya bersikap dengan sopan santun dan sebagainya. Saya sendiri mengambil berat terhadap perkara ini. Dengan itu, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bandar Melaka, jikalau ada kesuklitan ditimbulkan daripada kakitangan-kakitangan di hospital itu, maka saya haraplah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menyampaikan aduan-aduan itu kepada Kementerian saya. Saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa saya sendiri akan mengambil berat terhadap perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, saya akan hantar satu salinan kepada Yang

Berhormat Menteri, Encik Bernard Santa Maria, State Assemblyman yang ada di Dewan sekarang ini, sungguh pun kita telah menghantar satu salinan kepada Hospital Besar di Melaka di mana surat tersebut dihantar kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Saya sudah katakan, saya tidak terima surat itu di sini.

**Tuan Lim Kit Siang:** I said we will send a copy to the Malacca General Hospital and

the State Assemblyman is here at the gallery. Kami akan menghantar satu salinan lagi kepada Yang Berhormat Menteri.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Tuan Yang di Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.13 malam.*

## JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

### KEMENTERIAN PERTAHANAN

#### Kilang Peluru

1. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan butir<sup>2</sup> yang berikut mengenai kilang peluru di-Batu Arang:

- (i) peratus penyertaan asing di-dalam projek tersebut dengan memberikan nama<sup>2</sup> negara yang menyertai;
- (ii) bilangan pekerja<sup>2</sup> yang di-ambil bekerja dengan memberikan pecahan mengikut bangsa;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang pegawai<sup>2</sup> dagang di-ambil bekerja, jika ya, berapa ramai dengan memberikan nama<sup>2</sup> mereka, negara asal mereka, pangkat, gaji, dan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang sedang di-ambil untuk mewarganegarakan jawatan<sup>2</sup> mereka; dan
- (iv) kategori<sup>2</sup> peluru<sup>2</sup> yang akan di-keluarkan oleh kilang ini.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein): Maklumat mengenai Sharikat Malaysia Explosive Sdn. Berhad yang di-minta itu ada-lah seperti berikut:

- (i) Peratus penyertaan asing—
 

Messrs Dynamit Nobel dari	
Negeri Jerman	... .. 5%
Messrs Machine Tool Works	
Oerlikon Burhle Ltd dari	
Switzerland	... .. 5%
- (ii) Bilangan pekerja<sup>2</sup>—101 Melayu, 15 India dan 7 China.
- (iii) Tidak ada pegawai<sup>2</sup> dagang yang di-ambil bekerja oleh Sharikat itu. Dalam

pada itu terdapat di-kilang itu 5 orang pegawai<sup>2</sup> dagang (pakar<sup>2</sup>) yang akan berkhidmat dalam masa antara 6 bulan hingga 12 bulan. Perkhidmatan mereka itu di-peruntukkan di-dalam perjanjian membeli alat<sup>2</sup> jentera kilang itu dan mereka ada-lah bertanggung-jawab untok memasang alat<sup>2</sup> jentera itu serta melateh pekerja<sup>2</sup> warganegara mengen-dalikan-nya. Soal mewarganegarakan jawatan mereka itu tidak timbul.

- (iv) 9 mm, 7.62 mm, 5.56 mm.

The information sought on Sharikat Malaysia Explosive Sdn. Berhad are as follows:

- (i) Percentage of foreign participation—
 

Messrs Dynamit Nobel of	
Germany	... .. 5%
Messrs Machine Tool Works	
Oerlikon Burhle Ltd of	
Switzerland	... .. 5%
- (ii) Number of employees—101 Malays, 15 Indians and 7 Chinese.
- (iii) No expatriates are employed by the Sharikat. There are, however, 5 expatriates (experts) in the factory whose periods of stay ranges from 6 to 12 months. Their services are provided under the agreement to purchase machinery and these experts are responsible for the installation of machinery in the factory and the training of the Malaysians in the operation of the machinery. The question of Malaysianising their posts does not arise.
- (iv) 9 mm, 7.62 mm, 5.56 mm.

### KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

#### Kes Jenayah

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kes jenayah yang berlaku dalam tahun 1971 dan dalam 6 bulan

pertama (1hb Januari hingga 30hb Jun) pada tahun 1972 seperti berikut:

	1971	1972
(a) Pembunuhan ... ..		
(b) Chuba membunuh ... ..		
(c) Rompakan ... ..		
(d) Pechah rumah dan ke- churian ... ..		
(e) Ugutan ... ..		
(f) Chedera rengan ... ..		
(g) Chedera terok ... ..		
(h) Bilangan orang Jenayah di-bawah pengawasan polis ... ..		
(i) Bilangan orang di-tahan EM. (P.O. & P.C.) Ord. 5/69 ... ..		
(j) Bilangan orang di-sekat di-bawah POPO/PR. Enact. ... ..		
(k) Lain <sup>2</sup> kechurian ... ..		

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman):**

	1971	1972 (Jan.-Jun)
(a) Pembunuhan ... ..	226	114
(b) Chuba membunuh ... ..	40	22
(c) Rompakan ... ..	1,002	597
(d) Pechah rumah dan ke- churian ... ..	7,000	3,888
(e) Ugutan ... ..	215	83
(f) Chedera kecil ... ..	982	482
(g) Chedera terok ... ..	208	99
(h) Bilangan orang Jenayah di-bawah pengawasan polis ... ..	295	157
(i) Bilangan orang di-tahan EM. (P.O. & P.C.) Ord. 5/69 ... ..	313	37
(j) Bilangan orang di-sekat di-bawah POPO/PR. Enact. ... ..	69	32
(k) Lain <sup>2</sup> kechurian ... ..	21,640	12,341

**Rumah<sup>2</sup> Pangsa Harga Murah**

3. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila-kah 50 yunit rumah<sup>2</sup> pangsa harga murah akan di-dirikan di-Bruas, memandangkan bahawa Kerajaan Negeri telah mendapatkan tapaknya sa-belum Pilehanraya Umum yang lalu dalam tahun 1969.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman:** Bagi Rancangan Perumahan Awam Bruas ini "Topographical Survey" sedang di-jalankan. Tawaran<sup>2</sup> konterek di-jangka akan di-panggil dalam masa 2 bulan lagi dan rancangan ini akan siap pada bahagian awal tahun 1973.

Topographical Survey is under progress in respect of the public housing scheme in Bruas. Tenders are expected to be invited in two months time and the scheme should be completed in the first half of 1973.

**Zulkifli Ismail—Tahanan**

4. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Enche' Zulkifli Ismail dari Parti Sosialis Ra'ayat Malaysia Chawangan Pahang maseh lagi di-tahan di-Batu Gajah. Bila-kah Kerajaan akan membebaskan beliau, dan jika tidak, sama ada Kerajaan berchadang hendak membicharakan beliau ka-mahkamah kerana membuat kechaman<sup>2</sup> terhadap rancangan muhibbah Kerajaan dan dengan demikian akan terbukti ke'adilan di-negeri ini.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman:** Enche' Dzulkifli Ismail maseh lagi di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 oleh kerana kegiatan<sup>2</sup> beliau ada-lah memudzaratkan keselamatan negara dan jika di-bebaskan ada kemungkinan beliau akan meneruskan kegiatan<sup>2</sup> tersebut itu lagi. Kerajaan tidak berchadang untuk membicharakan beliau di-mahkamah oleh kerana sudah ada peruntukan di-bawah seksyen 13 Akta tersebut di-mana kes<sup>2</sup> seperti beliau itu di-ulangkaji dari masa kemasa oleh sa-buah Lembaga Penasehat (Advisory Board). Oleh itu tarikh beliau akan di-bebaskan ada-lah bergantung kepada laporan Lembaga tersebut. Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat Lembaga itu telah mengulangkaji kes ini pada 27hb Julai, 1972 dan mengeshorkan supaya beliau terus di-tahan.

**Orang<sup>2</sup> Tahanan Politik**

5. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang membebaskan semua tahanan<sup>2</sup> politik yang telah di-tahan sa-masa kejadian 13hb Mei, dan jika tidak, mengapa.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman:** Saya suka menyatakan bahawa tidak ada orang<sup>2</sup> tahanan politik atau "political detainees" di-tahan semasa peristiwa 13 Mei, 1969. Oleh yang demikian soalan membebaskan mereka tidak-lah berbangkit.

## KEMENTERIAN KEWANGAN

### Rumah Pegawai<sup>2</sup> Kastam

**6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa rumah Pegawai<sup>2</sup> Kastam di-Dungun dan Kuala Trengganu terangat burok, dan jika ya, nyatakan bilakah rumah<sup>2</sup> baru akan di-bena.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Kerajaan ada-lah sedar bahawa rumah<sup>2</sup> kediaman untuk pegawai<sup>2</sup> Kastam di-Dungun dan Kuala Trengganu ada-lah lama dan langkah<sup>2</sup> telah di-ambil untuk menggantikannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini. Ada-lah di-jangka kerja<sup>2</sup> pembinaan akan dapat di-mulakan pada awal tahun 1974.

The Government is aware that Customs quarters in Dungun and Kuala Trengganu are old. Steps have, however, been taken to have them replaced during the period of the 2nd Malaysia Plan. It is expected that work on these projects will commence in early 1974.

### Chukai Jualan

**7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa cukai jualan sekarang telah bertukar menjadi cukai belian, dan jika ya, sama ada cukai ini akan di-hapuskan.

**Tun Tan Siew Sin:** Untuk faedah Ahli Yang Berhormat baik-lah saya terangkan bahawa yang sa-benar-nya tidak ada perbezaan asasi di-antara cukai jualan dengan cukai belian. Pada prektik-nya cukai jualan biasa-nya di-kenakan atas berbagai jenis barang<sup>2</sup> dengan kadar yang rendah seperti cukai jualan kita, manakala cukai belian merupakan satu cukai yang di-kenakan dengan kadar yang tinggi dan barangkali berbedza<sup>2</sup> di-atas barang<sup>2</sup> yang terhad. Satu chontoh yang baik ia-lah cukai belian yang di-kenakan di-United Kingdom. Oleh kerana tidak ada perubahan<sup>2</sup> dalam

kadar cukai, begitu juga dalam bidang cukai jualan, saya tidak nampak bagaimana boleh di-katakan bahawa cukai itu telah bertukar menjadi cukai belian, seperti mana yang di-dakwa oleh Yang Berhormat itu.

**2.** Cukai ini tidak-lah dapat di-mansokhkan oleh sebab kita berkehendakkan hasil daripada cukai ini untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan yang semakin chepat meningkat.

For the benefit of the Honourable Member, let me explain that there is actually no fundamental difference between a sales and a purchase tax. In practice, however, sales tax is usually levied on a wide range of commodities at a low rate, like our own sales tax, while purchase tax is a selective tax levied at high and possibly differing rates on a limited range of goods. A good example of this is the purchase tax imposed in the United Kingdom. Since there have been no changes in the rate nor the scope of our sales tax, I do not see how it can be said that the tax has been converted into a purchase tax, as claimed by the Honourable Member.

**2.** This tax cannot be repealed for the simple reason that we need the revenue from this tax to finance rapidly mounting Government expenditure.

### Hutang Kerajaan Malaysia

**8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang Kerajaan Malaysia (termasuk Lembaga<sup>2</sup> dan Perbadanan<sup>2</sup>) sa-hingga hari ini dengan menyatakan berapa banyak:

- (a) dari luar negeri, mana dan banyak-nya pinjaman dari tiap<sup>2</sup> negeri itu;
- (b) dari dalam negeri serta puncha<sup>2</sup>-nya (bon<sup>2</sup> atau sa-bagai-nya); dan
- (c) faedah<sup>2</sup> yang di-bayar tiap<sup>2</sup> tahun.

**Tun Tan Siew Sin:** Keterangan<sup>2</sup> yang diminta, boleh di-dapati di-dalam Buku Tahunan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Malaysia.

The information asked for is available in the Annual Estimates of Malaysian Federal Revenue and Expenditure.

**Pinjaman Pegawai Kerajaan**

**9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah di-berikan sa-bagai pinjaman<sup>2</sup> kepada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan untuk membeli atau membuat rumah dengan menyatakan bilangan dan jumlah yang telah di-berikan kepada pegawai dalam Bahagian Satu, Dua, Tiga dan Empat serta juga pekerja<sup>2</sup> Buroh dan Perusahaan.

**Tun Tan Siew Sin:** Kedudukan pinjaman wang seperti pada akhir Julai, 1972 ada-lah seperti berikut:

	<i>Banyak Permohonan di-terima</i>	<i>Jumlah Pinjaman wang di-pinta</i>	<i>Permohonan di-luluskan</i>	<i>Jumlah Pinjaman wang di- luluskan</i>	<i>Jumlah Pinjaman wang yang telah di- bayar</i>
		\$		\$	\$
Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas ..	377	8,758,435	248	6,028,580	4,344,777
Kumpulan Kerja dan Sa-para Ikhtisas ..	1,308	30,387,312	894	21,749,055	15,662,219
Kumpulan Pekeranian dan teknik .. ..	1,932	44,884,012	1,316	32,018,357	23,055,347
Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buroh Kasar .. .. .	54	1,254,522	25	603,078	437,981
JUMLAH ..	3,671	85,284,281	2,483	60,399,070	43,500,324

As at end of July, 1972, the housing loans given out were as follows:

	<i>Applications received</i>	<i>Amount of loans applied for</i>	<i>Application approved</i>	<i>Amount of loans approved</i>	<i>Amount of loans paid out</i>
		\$		\$	\$
Managerial and Professional Group ..	377	8,758,435	248	6,028,580	4,344,777
Executive and Sub-Professional Group ..	1,308	30,387,312	894	21,749,055	15,662,219
Clerical and Technical Group .. ..	1,932	44,884,012	1,316	32,018,357	23,055,347
Subordinate and Manual Group .. ..	54	1,254,522	25	603,078	437,981
TOTAL ..	3,671	85,284,281	2,483	60,399,070	43,500,324

**Pinjaman Kerajaan Negeri**

**10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah yang telah di-berikan sa-bagai pinjaman oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Pulau Pinang dan untuk tujuan<sup>2</sup> apa, sejak tahun 1960 hingga-lah 30hb Jun, 1972.

**Tun Tan Siew Sin:** Jumlah pinjaman yang di-beri oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Pulau Pinang semenjak tahun 1960 hingga 30hb Jun, 1972 ia-lah seperti berikut:

Kelantan	...	...	\$ 9,730,000
Terengganu	...	...	56,089,841
Pahang	...	...	19,978,224
Pulau Pinang	...	...	54,636,067

Tujuan pinjaman<sup>2</sup> ini ia-lah untuk Projek<sup>2</sup> Bekalan Ayer, Rancangan<sup>2</sup> Tanah termasuk Rancangan Pinggir, Rancangan Rumah Murah dan pembangunan Kawasan Perindustrian.

The amount of loans granted by the Central Government to the State Governments of Kelantan, Trengganu, Pahang and Penang from 1960 up to 30th June, 1972 total as follows:

Kelantan	...	...	\$ 9,730,000
Trengganu	...	...	56,089,841
Pahang	...	...	19,978,224
Penang	...	...	54,636,067

43. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menaikkan bayaran wang getah tanaman sa-mula kepada pekebun<sup>2</sup> kechil dari \$750 ka-\$1,050 sa-ekar, memandangkan kapada tinggi-nya harga barang<sup>2</sup> dan buroh.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tujuan melancarkan ranchangan getah tanam semula dengan chara besar-an ia-lah untuk menggalakkan tanam semula/baru terutama sekali di-kalangan pekebun<sup>2</sup> kechil supaya hasil pengeluaran bagi tiap<sup>2</sup> ekar dan sa-terus-nya pendapatan yang tinggi boleh di-chapai. Ini akan menentukan kemajuan di-dalam perusahaan getah.

Asas memberi bantuan wang untuk menanam sa-mula sapertimana yang terchatet di-dalam "Rubber Industry (Replanting) Fund Ordinance 1959" ia-lah kutipan sess daripada pekebun<sup>2</sup> kechil dan ladang<sup>2</sup> sa-banyak 4½ sen tiap<sup>2</sup> satu lb. untuk menanam sa-mula. Walaubagaimana pun, jumlah wang kutipan sess tidak menchukupi untuk menemui kadar tanam sa-mula sa-bagaimana yang di-perlu kan oleh sektor pekebun<sup>2</sup> kechil. Oleh sebab itu, Kerajaan meneruskan pemberian bantuan wang di-dalam ranchangan tanam sa-mula. Bagi tiap<sup>2</sup> satu ekar untuk di-tanam sa-mula, sabanyak \$300 telah di-beri. Bantuan ini di-beri bersama<sup>2</sup> dengan bantuan wang sa-banyak \$450 bagi tiap<sup>2</sup> satu ekar, yang di-perolehi daripada kutipan sess. Untuk pekebun<sup>2</sup> kechil yang memileki tanah kurang daripada 5 ekar, sa-banyak \$50 pula akan di-bayar sa-bagai bantuan tambahan.

Pemberian wang yang tersebut di-atas adalah di-anggap sa-bagai satu bantuan yang sudah menchukupi bagi pekebun<sup>2</sup> kechil menanam sa-mula dengan baka<sup>2</sup> yang berhasi lebih tinggi. Pekebun<sup>2</sup> kechil sendiri, sa-mesti-nya-lah di-harap membantu diri sendiri mithal-nya, mengeluarkan tenaga di-dalam usaha<sup>2</sup> untuk meninggikan taraf ekonomi mereka.

The rationale behind Government's massive rubber replanting programme is to encourage replanting and newplanting particularly by smallholders with a view to achieving a better yield per acre and consequently a more remunerative return as well as to ensure generally the viability of the rubber industry.

The basis of financing the replanting programme as provided for in the Rubber Industry (Replanting) Fund Ordinance, 1952 is the replanting cess of 4½ cents per lb. collected from both the estates and smallholders. However, the total fund under the cess has remained inadequate to meet the replanting rate required in the smallholders sector. The Government, therefore, continues



to provide grants to the smallholder replanting programme. The amount is based on a \$300 per acre grant for every acre replanted in the smallholder sector. This is coupled with the grant from the cess fund of \$450. For smallholdings of less than 5 acres, an additional grant of \$50 per acre is payable.

The above grant is considered to be sufficient assistance to the smallholders to replant with higher yielding clones. The smallholder himself is, of course, expected to contribute, e.g., in terms of labour, in the effort towards increasing his own economic well-being.

### JABATAN TUGAS<sup>2</sup> KHAS

#### Kampung<sup>2</sup> Baru di-Selangor

**44. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah bilangan kampung<sup>2</sup> baru di-Negeri Selangor dengan memberikan data<sup>2</sup> berikut bagi tiap<sup>2</sup> kampung baru:

- (i) bilangan penduduk sa-masa kampung itu di-buka dengan menyatakan tahun kampung itu di-buka;
- (ii) bilangan penduduk yang ada sekarang;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang kelinik<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-bena di-kampung<sup>2</sup> baru ini; dan
- (iv) sama ada hak<sup>2</sup> milek tanah telah dikeluarkan kepada penduduk<sup>2</sup> asal, dan jika ya, nyatakan tempoh sewa tanah yang telah di-keluarkan itu; sama ada 99 tahun, 66 tahun, dan sa-bagai-nya.

**Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas (Dr Lim Kheng Yaik):** Mengikut senarai yang di-beri oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Polis di-Raja ada 49 buah kampung baru dalam Negeri tersebut yang di-ujudkan dalam masa dzarurat dahulu.

Oleh kerana kajian (survey) kampung<sup>2</sup> baru dalam Negeri Selangor belum lagi selesai maka keterangan berhubung (i), (ii) dan (iii) belum lagi dapat di-beri.

Berhubung soalan hak milek, sabanyak 10,187 lot dari jumlah 23,760 telah di-beri pajakan selama 60 tahun sehingga akhir bulan Februari, 1972.

According to lists given by the State of Selangor and the Royal Malaysian Police there are 49 new villages in Selangor established during the Emergency.

Since survey on new villages in this State is not yet completed it not possible now to give data regarding (i), (ii) and (iii).

Regarding titles, the State has issued sixty-year leases over 10,187 lots out of a total of 23,760 up to the end of February 1972.

#### Kampung Baru di-Perak

**45. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah bilangan kampung<sup>2</sup> baru di-Negeri Perak dengan memberikan data<sup>2</sup> berikut bagi tiap<sup>2</sup> kampung baru:

- (i) bilangan penduduk sa-masa kampung itu di-buka dengan menyatakan tahun kampung itu di-buka;
- (ii) bilangan penduduk yang ada sekarang;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang kelinik<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-bena di-kampung<sup>2</sup> baru ini; dan
- (iv) sama ada hak<sup>2</sup> milek tanah telah dikeluarkan kepada penduduk<sup>2</sup> asal, dan jika ya, nyatakan tempoh sewa tanah telah di-keluarkan itu; sama ada 99 tahun, 66 tahun, dan sa-bagai-nya.

**Dr Lim Keng Yaik:** Mengikut satu kajian yang telah di-buat Negeri Perak mempunyai 130 buah kampung baru yang di-ujudkan dalam masa dzarurat dahulu. Bilangan ini tidak termasuk kampung<sup>2</sup> baru sa-umpama Kampung Simee, Pasir Pinji, Guntong dan lain<sup>2</sup> yang telah di-masokkan ka-dalam kawasan<sup>2</sup> Lembaga Bandaran.

Bilangan penduduk asal, mengikut rekod yang ada, ia-lah hampir<sup>2</sup> 200,000 dan penduduk sekarang berjumlah lebih kurang 296,000. Butir<sup>2</sup> lanjut berhubung (i) dan (ii) sedang di-senaraikan dan belum dapat di-beri.

Yang saya ketahu<sup>2</sup> ada kelinik di-enam belas buah kampung baru; dan sa-lain dari itu 57 buah kampung baru mendapat kemudahan perubatan dengan di-lawati oleh Mobile Dispensary/Clinic dan Juru<sup>2</sup>-Rawat. Empat belas buah kampung baru pula berhampiran dengan tempat<sup>2</sup> yang ada kemudahan perubatan.

Sa-hingga akhir bulan Februari, 1972 Kerajaan Negeri Perak telah mengeluarkan pajakan sa-lama 30 tahun bagi 9,787 lot dari jumlah 41,737.

According to a recent survey there are 130 new villages in the State of Perak established during the Emergency. This total does not include villages such as Kampung Simee,

Pasir Pinji, Guntong and others which have been absorbed into Town Boards.

The original population, according to record available, was nearly 200,000 and now it is approximately 296,000. Data relating to (i) and (ii) is being compiled.

In so far as I am aware 16 villages have clinics and in addition 57 new villages do get medical facilities by way of visits by the Mobile Dispensaries/Clinics and Nurses. Fourteen other villages are situated close to places where medical facilities are available.

Up to the end of February, 1972 the State Government has issued 30-year leases in respect of 9,787 lots out of a total of 41,737.

#### Kampung Baru di-Negri Sembilan

**46. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah bilangan kampung<sup>2</sup> baru di-Negri Sembilan dengan memberikan data<sup>2</sup> berikut bagi tiap<sup>2</sup> kampung baru:

- (i) bilangan penduduk sa-masa kampung itu di-buka dengan menyatakan tahun kampung itu di-buka;
- (ii) bilangan penduduk yang ada sekarang;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang kelinik<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-bena di-kampung<sup>2</sup> baru ini; dan
- (iv) sama ada hak<sup>2</sup> milek tanah telah dikeluarkan kepada penduduk<sup>2</sup> asal, dan jika ya, nyatakan tempoh sewa tanah yang telah di-keluarkan itu sama ada 99 tahun, 66 tahun, dan sa-bagai-nya.

**Dr Lim Keng Yaik:** Mengikut senarai yang di-beri oleh Kerajaan Negri Sembilan ada 38 buah kampung baru (termasuk 7 regrouped areas) dalam Negeri tersebut yang di-ujudkan dalam masa dzarurat dahulu.

Oleh kerana kajian (survey) kampung<sup>2</sup> baru dalam Negri Sembilan belum lagi selesai maka keterangan berhubung (i), (ii) dan (iii) belum lagi dapat di-beri.

Berkenaan dengan pemberian hak milek, Kerajaan Negri Sembilan telah mengeluarkan pajakan bagi 1,589 lot dari jumlah 5,931 hingga akhir bulan Februari, 1972, ia-itu selama 99 tahun bagi lot<sup>2</sup> di-kampung<sup>2</sup> baru yang di-anggap kekal dan 25 tahun bagi lot<sup>2</sup> di-kampung<sup>2</sup> baru yang di-fikirkan tidak akan berkekalan.

According to a list supplied by the State, Negri Sembilan has 38 new villages (including 7 regrouped areas) established during the Emergency.

Since survey on new villages in Negri Sembilan is not yet completed it is not possible now to give data regarding (i), (ii) and (iii).

With regard to the issue of titles, the State Government has given leases over 1,589 lots out of a total of 5,931 until the end of February, 1972—99 year leases for lots in new villages which are considered to be permanent and 25 year leases in respect of lots in new villages not likely to be permanent.

#### Kampung Baru di-Melaka

**47. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah bilangan kampung<sup>2</sup> baru di-Negeri Melaka dengan memberikan data<sup>2</sup> berikut bagi tiap<sup>2</sup> kampung baru:

- (i) bilangan penduduk sa-masa kampung itu di-buka dengan menyatakan tahun kampung itu di-buka;
- (ii) bilangan penduduk yang ada sekarang;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang kelinik<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-bena di-kampung<sup>2</sup> baru ini; dan
- (iv) sama ada hak<sup>2</sup> milek tanah telah dikeluarkan kepada penduduk<sup>2</sup> asal, dan jika ya, nyatakan tempoh sewa tanah yang telah di-keluarkan itu; sama ada 99 tahun, 66 tahun, dan sa-bagai-nya.

**Dr Lim Keng Yaik:** Mengikut kajian yang di-buat baharu<sup>2</sup> ini ada 16 buah kampung

baru dalam Negeri Melaka yang di-ujudkan dalam masa dzarurat dahulu tetapi tiada rekod berhubung tahun<sup>2</sup> penubuhan-nya.

Mengikut rekod yang ada bilangan penduduk pada ketika itu ia-lah 8,455 dan jumlah penduduk sekarang ia-lah lebih kurang 14,853 Butir<sup>2</sup> lanjut berhubung (i) dan (ii) ada-lah terkandung dalam senarai di-Lampiran "A".

Berhubung kemudahan kesihatan/perubatan, ada kelinik di-Kampong Bertam Ulu dan di-Kampong<sup>2</sup> Tiang Dua, Lendu, Taboh Naning, Machap Umboo dan Machap Baru ada "Maternity Clinics", Penduduk<sup>2</sup> Ayer Salak dan Parit Keliling boleh pergi ka-Pusat<sup>2</sup> Kesihatan Kechil yang terletak hanya lebih kurang sa-batu sahaja dari kampong<sup>2</sup> itu. Selain dari Ayer Salak, kampong<sup>2</sup> itu juga di-lawati oleh Merinyu<sup>2</sup> Kesihatan Umum.

Sehingga akhir bulan February, 1972 Kerajaan Negeri Melaka telah mengeluarkan pajakan 30 tahun, 70 tahun dan Surat Milek Kekal bagi 1,393 lot dari jumlah 2,112.

According to a recent survey there are 16 new villages in Malacca established during the Emergency but there is no record of the year when each village was established.

According to record available the total population then was 8,455 and the present population is approximately 14,853. Details with regard to (i) and (ii) are contained in Annexure "A".

With regard to health/medical facilities, Kampong Bertam Ulu has a clinic and in Tiang Dua, Lendu, Taboh Naning, Machap Umboo and Machap Baru there is a Maternity Clinic in each village. The residents of Ayer Salak and Parit Keliling can go to Sub-Health Centres situated about a mile away from each village. Except for Ayer Salak, Health Inspectors do make regular visits to the villages.

Up to the end of February, 1972 the State Government has issued titles in respect of 1,535 lots out of a total of 2,115 namely, leases for 30 and 70 years and also titles in perpetuity.

LAMPIRAN "A"  
(ANNEXTURE "A")

SENARAI KAMPONG BARU DALAM NEGERI MELAKA  
(LIST OF NEW VILLAGES IN MALACCA)

<i>Nama Kampong (Name of Village)</i>	<i>Bil. Penduduk di-masa Penubohan (Population at the time of estab- lishment)</i>	<i>Bil. Penduduk sekarang (Present Population)</i>
<b>MELAKA TENGAH—</b>		
Ayer Keroh .. .. .	330 ..	550
Tiang Dua .. .. .	430 ..	1,400
Ayer Salak .. .. .	420 ..	1,100
Bukit Bruang .. .. .	380 ..	1,000
Bertam Ulu .. .. .	370 ..	800
Tanjong Minyak .. .. .	350 ..	300
Bukit Rambai .. .. .	150 ..	512*
Sungai Udang .. .. .	245 ..	695
<b>ALOR GAJAH—</b>		
Lendu .. .. .	755 ..	900
Taboh Naning .. .. .	600 ..	1,000
Paya Mengkuang .. .. .	480 ..	1,200
Machap Umboo .. .. .	1,000 ..	1,300
Machap Baru .. .. .	1,650 ..	2,323*
<b>JASIN—</b>		
On Lok .. .. .	530 ..	787
Pondok Batang .. .. .	400 ..	431
Parit Keliling .. .. .	365 ..	355
<b>TOTAL ..</b>	<b>8,455</b>	<b>14,853</b>

INGATAN—Penduduk sekarang—mengikut angka yang di-beri oleh Pejabat<sup>2</sup> Daerah, \* mengikut banchi Tahun 1970.

(NOTE—Present population—according to estimates given by District Offices, \* according to 1970 census).

### Kampong Baru di-Johor

**48. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah bilangan kampong<sup>2</sup> baru di-Negeri Johor dengan memberikan data<sup>2</sup> berikut bagi tiap<sup>2</sup> kampong baru:

- (i) bilangan penduduk sa-masa kampong itu di-buka dengan menyatakan tahun kampong itu di-buka;
- (ii) bilangan penduduk yang ada sekarang;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang kelinik<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-bena di-kampong<sup>2</sup> baru ini; dan
- (iv) sama ada hak<sup>2</sup> milek tanah telah dikeluarkan kepada penduduk<sup>2</sup> asal, dan jika ya, nyatakan tempoh sewa tanah yang telah di-keluarkan itu; sama ada 99 tahun, 66 tahun, dan sa-bagai-nya.

**Dr Lim Keng Yaik:** Mengikut senarai yang di-dapati dari Kerajaan Negeri Johor dan Jabatan Polis di-Raja di-Negeri Johor ada 79 buah kampong baru yang di-ujudkan dalam masa dzarurat dahulu tetapi tahun penubohan-nya tidak terchatit.

Oleh kerana kajian bagi kampong<sup>2</sup> baru dalam Negeri itu belum lagi siap maka keterangan berhubung (i), (ii) dan (iii) tidaklah dapat di-beri.

Berhubung soalan hak milek, Kerajaan Negeri Johor telah mengeluarkan pajakan bagi 7,721 lot dari jumlah 11,734 sehingga akhir bulan Februari 1972. Pajakan yang di-beri ia-lah saperti berikut:

- (a) bagi lot<sup>2</sup> kampong baru yang terletak di-dalam kawasan<sup>2</sup> Majlis Tempatan dan Majlis Bandaran serta yang berhampiran dengan bandar:
  - Pajakan 99 tahun bagi bangunan kekal.
  - Pajakan 60 tahun bagi bangunan separoh kekal.
- (b) bagi lot<sup>2</sup> di-kampong<sup>2</sup> baru yang lain:
  - Pajakan 60 tahun bagi bangunan kekal.
  - Pajakan 21 tahun bagi bangunan separoh kekal.

According to lists obtained from the State and the Royal Malaysian Police, Johore has 79 new villages established during the Emergency but there is no record of the year when each was established.

Since survey on new villages in this State has not been completed it is not possible to give data relating to (i), (ii) and (iii).

On the question of titles, the State of Johore has issued leases in respect of 7,721 lots out of a total of 11,734 up to the end of February, 1972. The leases given are as follows:

- (a) Lots in new villages which are situated in Town/Local Council Areas and Township:
  - 99 year leases for permanent buildings.
  - 66 year leases for semi-permanent buildings.
- (b) Lots in other new villages:
  - 60 year leases for permanent buildings.
  - 21 year leases for semi-permanent buildings.

### Kampong Baru di-Pahang

**49. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah bilangan kampong<sup>2</sup> baru di-Negeri Pahang dengan memberikan data<sup>2</sup> saperti berikut untuk tiap<sup>2</sup> kampong baru;

- (i) bilangan penduduk sa-masa kampong itu di-buka dengan menyatakan tahun kampong itu di-buka;
- (ii) bilangan penduduk yang ada sekarang;
- (iii) sama ada terdapat sa-barang kelinik<sup>2</sup> Kerajaan yang telah di-bena di-kampong<sup>2</sup> baru ini; dan
- (iv) sama ada hak<sup>2</sup> milek tanah telah dikeluarkan kepada penduduk<sup>2</sup> asal, dan jika ya, nyatakan tempoh sewa tanah yang telah di-keluarkan itu; sama ada 99 tahun, 66 tahun, dan sa-bagai-nya.

**Dr Lim Keng Yaik:** Mengikut kajian yang baharu di-buat Negeri Pahang mempunyai 44 buah kampung baru yang di-ujudkan di-masa dzarurat dahulu tetapi tahun<sup>2</sup> penubohan-nya tidak di-ketahui. Bilangan penduduk tatakala itu, mengikut rekod yang ada, ia-lah lebih kurang 47,550 dan penduduk sekarang berjumlah lebih kurang 79,963. Butir<sup>2</sup> berhubung (i) dan (ii) ada-lah terkandung dalam Senarai di-Lampiran "B".

Sa-lain daripada Sungai Jerik, Daerah Temerloh semua kampung<sup>2</sup> baru di-luar bandar mempunyai Pusat<sup>2</sup> Kesihatan atau "Maternity Clinics"; dan ada pula kampung<sup>2</sup> baru yang di-lawati oleh "Mobile Dispensaries".

Sa-hingga akhir bulan Februari, 1972 Kerajaan Negeri Pahang telah mengeluarkan

pajakan 60 tahun bagi 363 lot dari jumlah 9,356.

According to a survey made recently there are 44 new villages in Pahang established during the Emergency but the year when each was establish is not known. The population then, according to record available, was approximately 47,550 and the total population now is about 79,963 Annexure "B" give the data regarding (i) dan (ii).

With the exception of Sungai Jerik in Temerloh all rural new villages in the State have either Maternity Clinics or Health Centres. Some of the new villages are serviced by Mobile Dispensaries.

Up to the end of February, 1972 the State Government has issued 60 year leases over 363 lots out of a total of 9,356.

LAMPIRAN "B"  
(ANNEXTURE "B")

SENARAI KAMPONG BARU DALAM NEGERI PAHANG  
(LIST OF NEW VILLAGES IN PAHANG)

<i>Nama Kampong</i> (Name of Village)					<i>Bil. Penduduk di-masa</i> <i>Penubohan (Population</i> <i>at time of estab-</i> <i>lishment)</i>	<i>Bil. Penduduk</i> <i>sekarang (Present</i> <i>population)</i>
<b>BENTONG—</b>						
Perting ..	..	..	..	..	3,549	5,782*
Kemansor ..	..	..	..	..	1,033	3,219*
Chamang ..	..	..	..	..	752	1,687*
Repas ..	..	..	..	..	903	1,350*
Ketari ..	..	..	..	..	927	1,156*
Bukit Tinggi ..	..	..	..	..	606	1,042
Sungai Dua ..	..	..	..	..	476	998
Karak ..	..	..	..	..	1,843	4,154
Telemong ..	..	..	..	..	Tiada Rekod	1,862
Manchis ..	..	..	..	..	642	1,071
Sungai Penjuring ..	..	..	..	..	Tiada Rekod	810
Sungai Gapoi ..	..	..	..	..	Tiada Rekod	403*
Sungai Gemeti ..	..	..	..	..	214	60*
<b>CAMERON HIGHLANDS—</b>						
Brinchang ..	..	..	..	..	935	1,200*
Ringlet ..	..	..	..	..	720	1,121
Lembah Bertam ..	..	..	..	..	392	1,268*
Kea Farm ..	..	..	..	..	359	421*
Tringkap ..	..	..	..	..	539	854*
Kuala Terla ..	..	..	..	..	460	740*
<b>JERANTUT—</b>						
Sungai Jan ..	..	..	..	..	1,150	2,316
<b>KUANTAN—</b>						
Tanah Puteh ..	..	..	..	..	Tiada Rekod	940*
Gambang ..	..	..	..	..	1,748	3,206
<b>LIPIS—</b>						
Penjom ..	..	..	..	..	600	831
Benta ..	..	..	..	..	1,000	2,783
Jerkoh ..	..	..	..	..	1,100	1,081



LAMPIRAN "B"—(samb.)  
(ANNEXTURE "B")—(cont.)

SENARAI KAMPONG BARU DALAM NEGERI PAHANG—(samb.)  
(LIST OF NEW VILLAGES IN PAHANG)—(cont.)

<i>Nama Kampong (Name of Village)</i>	<i>Bil. Penduduk di-masa Penuhohan (Population at time of estab- lishment)</i>	<i>Bil. Penduduk sekarang (Present population)</i>
RAUB—		
Cheroh .. .. .	1,100 ..	2,257
Sungai Ruan .. .. .	1,650 ..	4,429
Tras .. .. .	— ..	1,270
Bukit Koman .. .. .	2,400 ..	2,221
Sempalit .. .. .	3,000 ..	5,784*
Sungai Lui .. .. .	1,700 ..	2,469*
Sang Lee .. .. .	Tiada Rekod ..	716*
Sg. Ghetang .. .. .	Tiada Rekod ..	632
TEMERLOH—		
Temerloh .. .. .	800 ..	1,180*
Mentakab .. .. .	1,850 ..	3,822*
Kerdau .. .. .	200 ..	810
Kuala Krau .. .. .	350 ..	1,208
Kemayan .. .. .	480 ..	1,473
Mengkarak .. .. .	718 ..	1,476
Kerayong .. .. .	820 ..	1,727
Triang .. .. .	1,509 ..	5,620
Lanchang .. .. .	130 ..	1,120
Mengkuang .. .. .	895 ..	1,249
Sungai Jerik .. .. .	Tiada Rekod ..	145*
TOTAL ..	47,550	79,963

INGATAN—Penduduk sekarang—mengikut angka yang di-beri oleh Pejabat<sup>2</sup> Daerah, \* mengikut banchi Tahun 1970.

(NOTE—Present population—according to estimates given by District Offices, \* according to 1970 census).

## JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

Tambahan No. 1

### KEMENTERIAN PERTAHANAN

#### Kapalterbang R.A.A.F.

**1. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar tiga buah kapalterbang R.A.A.F. di Butterworth telah pecah dalam penerbangannya, dan jika ya, nyatakan sebab-sebab kepecahan itu berlaku dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduk kita.

**Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein:** Saya tidak pernah mendengar bahawa ada kapalterbang Tentera Udara di Raja Australia (RAAF) yang pecah di udara di Butterworth. Walau bagaimanapun memang ada berlaku baru-baru ini tiga kejadian yang melibatkan tiga buah kapalterbang RAAF. Dalam kejadian yang pertama sebuah kapalterbang RAAF telah jatuh terhempas di kawasan Taman Negara; dalam kejadian yang kedua sebuah kapalterbang RAAF dari Pengkalan Tengah (Singapura) telah terbakar di udara; dan dalam kejadian yang ketiga sebuah kapalterbang yang lain telah terbakar ketika di landasan di Butterworth sebelum terbang.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu bimbang terhadap keselamatan penduduk-penduduk di kawasan Butterworth akibat daripada kejadian-kejadian ini kerana pihak berkuasa RAAF telah dengan sertamerta mengambil langkah-langkah menyiasat sebab-sebab kejadian itu dan membuat pembaikan yang perlu.

I have not heard of any RAAF aircraft exploding in the air at Butterworth. There were, however, recently three incidents involving 3 RAAF aircraft. In the first incident one RAAF aircraft crashed in the National Park area; in the second incident

one aircraft from Tengah (Singapore) caught fire in the air; and in the third incident one aircraft caught fire whilst on the runway prior to take-off at Butterworth.

I think the Hon'ble Member need not be unduly worried about the safety of our residents at Butterworth as a result of these incidents because the RAAF authorities immediately took steps to investigate the causes of the incidents and undertook the necessary remedial actions.

#### Askar-askar Wanita

**2. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Pertahanan menyatakan apa sebab-sebabnya askar-askar wanita diberi gaji sekadar 80% daripada gaji askar-askar lelaki.

**Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein:** Anggota-anggota Wanita didalam Angkatan Tentera Malaysia tidak menjalankan tugas-tugas yang berat seperti mana yang dilakukan oleh anggota-anggota tentera lelaki. Mereka biasanya hanya ditugaskan untuk menjalankan tugas setaf dan lain-lain tugas "static" yang mana tidak melibatkan apa-apa bahaya atau memerlukan kekuatan jasmani. Oleh hal yang demikian prinsip membayar gaji yang sama untuk kerja yang sama tidak timbul.

Pemandangan ini telah juga dikemukakan oleh Jawatankuasa Abdullah yang mengulangkaji gaji, elaun dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Angkatan Tentera yang mana telah mengesyorkan supaya anggota-anggota Kerahan Wanita diberi gaji sekadar 80% dari gaji anggota-anggota tentera lelaki.

Women enlisted personnel are not expected, and in fact, do not undertake very strenuous duties as their male equivalent. They are usually assigned to staff and other static duties involving no hazardous and supreme muscular effort. The principle of equal pay for equal work, therefore, does not arise.

This view was also expressed in the Report of the Abdullah Pay Review Committee

which recommended that they be paid 80% of the basic pay of their male counterparts.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Central Sugars Sdn. Bhd.

3. **Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang asing yang bekerja di kilang Central Sugars Sdn. Bhd., Batu Tiga dengan menyatakan perkara-perkara berikut bagi tiap-tiap satu:

- (a) masa tinggal di negara ini;
- (b) jenis pekerjaan dan kelayakan-kelayakan mereka; dan
- (c) samada tidak ada orang-orang Malaysia yang berkelayakan untuk mengambil alih kerja-kerja mereka.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman):** Pada masa ini ada seorang sahaja pegawai dagang yang bekerja di Syarikat Central Sugars Berhad di Batu Tiga, Klang Selangor. Jawatan yang dipegang oleh pegawai dagang ini ialah Pengurus Kilang (Production Planning). Jawatan ini akan diwarganegarakan pada akhir tahun ini.

### Penyeludupan Gadis-gadis

4. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengawal naiknya bilangan gadis-gadis yang diseludup dan dipaksa menjadi pelacur oleh pakatan penjenayah dan beri satu laporan kemajuan Polis di dalam mengatasi jenayah ini hingga hari ini.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman:**

- (a) Setakat ini tiada didapati pelacur-pelacur yang diseludup masuk ke negeri ini oleh pakatan jenayah. Walau bagaimanapun beberapa kejadian telah didapati berlaku dimana gadis-gadis warganegara asing yang datang sebagai pelancung-pelacung telah ditangkap kerana melacur dengan sukarela dan mereka-mereka itu telah pun

diusir keluar dari negeri ini mengikut kuatkuasa Undang-undang Imigresen.

- (b) Semenjak bulan Januari, 1972, pihak Polis telah mengambil tindakan terhadap pelacur-pelacur yang bukan warganegara seperti berikut:

- (i) 4 gadis Thai melacur diri di Pulau Pinang;
- (ii) 2 gadis Thai melacur diri di Kuala Lumpur; dan
- (iii) 3 gadis Singapura melacur diri di Kuala Lumpur.

Tindakan mengusir mereka keluar negeri telah diambil seperti yang saya katakan tadi.

### Buku-buku dan Penerbitan-penerbitan Lucuh

5. **Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghapuskan buku-buku dan majallah-majallah lucuh di-Malaysia, yang mengotor dan merusakkan fikiran dan moral anak-anak muda.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman:** Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pegawai-pegawai di Kementerian saya sentiasa mengawasi kemasukan buku-buku dan penerbitan ke dalam negeri. "Spot check" juga sentiasa dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian saya ke semua Gerai-gerai buku di negeri ini. Jika-lah didapati di dalam penyiasatan mereka itu satu-satu penerbitan yang dianggap para-sangka terhadap moral dan sebagainya maka tindakan selanjutnya mengikut undang-undang yang berkenaan akan diambil.

### Lawatan Keluar Negeri

6. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai warganegara Malaysia yang pergi melawat ke luar negeri pada tiap-tiap tahun mulai 1960 mengikut bangsa serta maksud-maksud mereka melawat tiap-tiap negeri itu dan banyaknya wang yang dibelanjakan oleh mereka.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman:** Sehingga kawalan keluar/masuk imigresen dilaksanakan pada bulan Ogos, 1971 tidak ada perangkaan dibuat mengenai

bilangan orang-orang yang keluar negeri ini dan oleh itu tidak dapat diberi perangkaan tentang bilangan warganegara Malaysia yang pergi melawat keluar negeri. Perangkaan mengenai bilangan warganegara Malaysia yang telah keluar negeri ini semenjak bulan Ogos, 1971 adalah seperti berikut:

1-9-1971 - 31-12-1971 = 1,805,886 (Malaysia Barat sahaja)

1-1-1972 - 30-6-1972 = 3,288,321

2. Tidak ada peraturan sekarang yang menghendaki seorang warganegara memberi tahu maksud lawatan keluar negeri atau banyak wang yang dibelanjakan dan oleh itu maklumat mengenai soal itu tidak dapat diberi.

#### Babak-babak Perciuman

7. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau sedia menimbang dan meluluskan babak-babak dalam filem-filem Melayu yang menggambarkan perciuman ala Malaysia supaya filem-filem ini dapat bersaing dengan filem-filem yang diimport.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman:** Saya kurang mengerti bagaimana-kah cara perciuman ala Malaysia itu. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh membuat demonstrasi, dengan izin Tuan Speaker, dan jikalau ada seorang wanita baik daripada seorang Ahli Dewan ini atau pun pemerhati yang sudi menjadi pasangan, bolehlah menjadi panduan kepada saya dan selepas itu bolehlah saya menjawab soalnya.

### KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

#### Penerbangan-penerbangan Dalam Negeri

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk menambahkan penerbangan-penerbangan dalam negeri oleh MAS, dan jika ya, beri butir-butirnya.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Apabila Syarikat MAS melancarkan perkhidmatannya pada 1hb Oktober, 1972 banyak perkhidmatan-perkhidmatan tambahan daripada yang ada sekarang akan diadakan. Perkhidmatan kapal-terbang F27 di Malaysia Barat dan Malaysia Timur akan ditambahkan. Di Sabah perkhidmatan penerbangan sekarang yang ber-

jumlah 28 perkhidmatan seminggu di antara Kota Kinabalu dan Tawau akan ditambah menjadi 35 perkhidmatan seminggu. Tambahan ini ialah tambahan perkhidmatan terus di antara kedua-dua bandar itu. Perkhidmatan-perkhidmatan terus akan diadakan di-antara Sandakan dan Tawau pada kali pertamanya supaya penumpang-penumpang boleh pergi terus dalam masa 40 minit berbanding dengan masa sekarang satu jam 5 minit melalui Lahad Datu. Di Sarawak pula perkhidmatan-perkhidmatan sedang dirancang untuk menjadi lebih sesuai supaya perkhidmatan terus dapat diadakan di antara Kuching dengan Miri dan di antara Miri dengan Kota Kinabalu.

Di Malaysia Barat perkhidmatan kapal-terbang F27 akan ditambah satu kali seminggu di antara Pulau Pinang dan Kota Bharu. Perkhidmatan-perkhidmatan tambahan bagi kapal-terbang B737 sedang dirancang bagi perkhidmatan antara Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan juga antara Kuala Lumpur dan Singapura. Pihak MAS buat kali pertama akan mengadakan perkhidmatan terus dengan menggunakan kapal-terbang jenis B737 diantara Kuala Lumpur dan Malaysia Timor. Pada permulaannya, tiga perkhidmatan seminggu akan diadakan dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan dari Kuala Lumpur ke Kuching. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah tambahan kepada perkhidmatan 7 kali seminggu yang dirancang menerusi Singapura dan sekiranya perlu akan ditambah dari masa kesemasa.

#### Penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Sitiawan

9. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan segera untuk mengadakan penerbangan-penerbangan dalam negeri oleh MAS di antara Kuala Lumpur dan Sitiawan, dan jika ya, beri butir-butirnya; dan jika tidak, nyatakan samada perkara ini sedang dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkuasa MAS.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tidak. Pihak MAS senantiasa mengkaji dari masa ke semasa tentang keperluan perkhidmatan penerbangan dalam negeri dan akan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan jika didapati berfaedah dan memberi menafaat kepada orang ramai.

#### Permohonan-permohonan Talipon

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) bilangan permohonan-permohonan untuk talipon di kawasan Kelang yang masih di dalam senarai menunggu;
- (ii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan permohonan-permohonan talipon yang belum diproseskan lagi di Kelang; dan
- (iii) samada beliau sedar bahawa terdapat rasa tidak puas hati dan aduan kerana kelambatan dan sikap kasar oleh setengah-setengah operator talipon di Kelang bila orang ramai mencuba membuat panggilan-panggilan jauh, dan samada beliau akan mengarah semua operator-operator ibusawat talipon supaya berbudi bahasa di dalam setiap keadaan bila melayani orang ramai.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman:**

- (i) Senarai penunggu-penunggu talipon di Kelang pada 1-7-72 ialah 316.
- (ii) Ibusawat Kelang di tambah sebanyak 1,000 talipon-talian. Ini di jangka akan siap pada akhir tahun ini ataupun awal tahun 1973.
- (iii) Setahu saya perkhidmatan talipon di Kelang adalah memuaskan. Operator-operator sentiasa dikawal oleh Penyelia-penyelia dan mereka diarah supaya berbudi bahasa dan memberi pertolongan sentiasa. Tindakan yang keras akan diambil ke atas sesiapa yang melanggar arahan ini.

#### Jumlah Kapal terbang Jet Syarikat MAS

**11. Tuan V. David** minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah kapal terbang jet yang akan dimiliki oleh MAS tahun ini.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Pihak syarikat MAS akan mempunyai 7 buah kapal terbang jet jenis Boeing 737-200, dalam tahun 1972.

#### Pengangkutan Awam

**12. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau sedar akan kesukaran yang dihadapi oleh orang ramai dalam menggunakan pengangkutan awam di

Kuala Lumpur dan samada beliau akan menimbangkan cara-cara pengangkutan yang lebih baik bagi orang-orang awam.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Kementerian ini sedar tentang adanya sedikit sebanyak kesukaran yang dihadapi oleh orang ramai dalam menggunakan kenderaan-kenderaan pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur ini terutama sekali pada masa orang ramai pergi dan balik daripada tempat bekerja mereka dan sewaktu hari-hari perayaan atau kebesaran. Kesukaran-kesukaran seumpama ini memangnya terdapat di Bandaraya yang besar seperti Kuala Lumpur ini. Tambahan pula bilangan kereta-kereta dan penduduk Bandaraya ini semakin sehari semakin bertambah. Walau bagaimanapun selain daripada waktu dan hari-hari saya sebutkan tadi tidaklah menjadi kesukaran kepada orang ramai untuk mendapatkan dan menggunakan kenderaan pengangkutan awam di dalam Bandaraya ini.

Kementerian saya adalah sentiasa mengambil perhatian terhadap perkara ini bukan sahaja di Bandaraya Kuala Lumpur bahkan juga di tempat-tempat lain diseluruh Malaysia Barat. Kementerian ini telah meluluskan permohonan-permohonan lesen syarikat-syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan bas di Bandaraya Kuala Lumpur untuk menambah jadual perjalanan basnya di jalan-jalan yang sama terutama pada waktu orang ramai pergi atau balik daripada tempat-tempat kerja mereka. Lesen-lesen teksi di Bandaraya Kuala Lumpur juga akan di tambah menurut keperluan orang ramai terhadap perkhidmatan tersebut dari masa kesemasa.

#### KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN

##### Perlaksanaan Projek-projek Perusahaan

**13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sudahkah dibuat apa-apa kajian di atas lambatnya pelabur-pelabur modal melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan;
- (b) di manakah sebab-sebab besar ke-lambatan itu; dan

- (c) apakah usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa projek-projek yang telah diluluskan akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohd. Khir Johari):** Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, yang bertanggungjawab bagi menentukan projek-projek perusahaan yang diluluskan oleh Kerajaan dilaksanakan di dalam masa yang ditentukan, sentiasa mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu projek. Penganjur projek-projek tersebut adalah sentiasa berhubung rapat dengan pegawai-pegawai Bahagian Perindustrian dan mereka dikehendakki memberi laporan mengenai kemajuan-kemajuan yang dicapai dari masa ke semasa. Projek-projek perusahaan diberi tempoh enam bulan pada permulaan untuk dilaksanakan. Jikalau sebab-sebab kelewatan adalah manasabah, tempoh ini akan dilanjutkan selama enam bulan lagi. Projek-projek yang menghadapi kesulitan-kesulitan yang tulin adalah diberi tempoh sehingga 18 bulan untuk dilaksanakan. Kelewatan untuk melaksanakan projek-projek mereka tanpa sebab-sebab yang manasabah akan menyebabkan kelulusan yang diberi dibatalkan.

2. Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Perindustrian pada 30hb Jun, 1972, menunjukkan bahawa pelaksanaan projek-projek oleh pihak swasta adalah bertambah baik. Misalnya di dalam tahun 1970, daripada 174 projek-projek yang diberi taraf perintis, 55% telah pun dilaksanakan dengan jayanya. Di dalam tahun 1971, daripada 154 projek-projek yang diberi taraf perintis, 71% telah pun dilaksanakan dengan jayanya. Tingginya kadar pelaksanaan projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1971 adalah disebabkan oleh pengawasan Bahagian Perindustrian Kementerian saya atas kemajuan pelaksanaan projek-projek tersebut.

3. Sebab-sebab yang besar yang melewatkan sesuatu projek, menurut kajian yang dibuat oleh Bahagian Perindustrian Kementerian saya adalah seperti berikut:

- (i) Kesulitan untuk mendapatkan modal yang cukup;
- (ii) Kesulitan untuk mendapatkan kelulusan dari pejabat-pejabat yang berkenaan seperti pertukaran syarat "title" tanah;

- (iii) Kelambatan oleh kerana menjalankan perundingan dengan pihak luar negeri;
- (iv) Kesulitan untuk mendapatkan "technological know-how";
- (v) Masa yang dikehendakki untuk mengadakan kajian yang lebih meneliti;
- (vi) Kesulitan untuk menentukan cara proses yang paling sesuai oleh kerana pertukaran harga faktor;
- (vii) Kelambatan menghantar mesin-mesin dan "equipment";
- (viii) Kesulitan mendapatkan bahan-bahan mentah diperlu;
- (ix) Kemuskilan tentang keuntungan projek tersebut; dan
- (x) Penganjur-penganjur projek tersebut memberi perhatian yang banyak kepada projek-projek yang lain.

4. Kementerian saya adalah membuat segala daya usaha untuk membantu pihak-pihak swasta mengatasi masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun, setengah-setengah kesulitan yang dihadapi adalah "inherent" dan mesti diselesaikan oleh mereka sendiri. Bantuan Kerajaan dalam perkara ini adalah mengadakan "infrastructure" yang sesuai dan perkhidmatan-perkhidmatan "back-up" seperti ladang-ladang perusahaan, pembiayaan industri melalui M.I.D.F., perkhidmatan perunding secara "ad hoc", bantuan teknologi dan teknik melalui Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISIR), kawalan mutu dan piawaian melalui Instituti Piawaian Malaysia (S.I.M.) dan penentuan projek-projek dan kajian-kajian kemungkinan melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA).

5. Daya usaha yang diambil oleh Kerajaan, khasnya Kementerian saya, untuk menentukan yang projek-projek dilaksanakan di dalam masa yang tertentu telah pun diterangkan di atas Bahagian Perindustrian, Kementerian saya, adalah Bahagian khas yang bertanggungjawab atas perkara ini. Selain daripada itu, FIDA juga akan memberi bantuan kepada pihak swasta apabila mereka menghadapi kesulitan yang berupa teknik yang tidak dikendalikan oleh badan-badan lain. FIDA juga akan membantu pihak swasta untuk mendapatkan bekalan air, elektrik dan lain-lain. Kerajaan juga telah memberi arahan supaya semua Kementerian

dan Jabatan-Jabatan Kerajaan memberi keutamaan kepada pertanyaan dan permintaan-permintaan pihak swasta. Pendek kata, semua jentera Kerajaan adalah ditumpukan untuk memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan Kemajuan industri.

The Industries Division of the Ministry of Trade and Industry which is responsible to see that industrial projects approved by Government are implemented within the specified time limit, keeps under constant review the progress of implementation of each individual project. The promoters of these approved projects are in constant contact with officers of Industries Division and have to submit periodical progress reports to the Industries Division. Approved projects are given, in the first instance, 6 months to implement their projects. If the reasons for such delays are justifiable, this period will be extended for another 6 months. In the event that projects are faced with genuine problems, a maximum period of 18 months is allowed for their implementation. Delays in the implementation of projects without reasonable causes will lead to cancellation of approval by the Ministry of Trade and Industry.

2. A review made by Industries Division as at June 30, 1972, indicates that there has been a great improvement in the implementation of projects by the private sector. The figures for 1970 and 1971 are extremely encouraging. For instance, in 1970, out of 174 projects approved for pioneer status, 55% are being successfully implemented. In 1971, out of a total of 154 projects approved for pioneer status, 71% are being successfully implemented. The high rate of implementation for projects approved in 1971 is due to the constant supervision and vigilance on the part of Industries Division of my Ministry in keeping track on the progress of the implementation of these projects.

3. Some of the main causes of delay, according to the review carried out by the Industries Division of my Ministry are as follows:

- (i) difficulties in raising adequate finance;
- (ii) difficulties in obtaining certain approvals from the relevant authorities such as land conversion;
- (iii) delays due to negotiations with foreign partners;

- (iv) difficulties in obtaining technological know-how;
- (v) time taken to undertake a detailed feasibility study;
- (vi) difficulties in determining the most economic process due to changes in factor prices;
- (vii) delay in the supply of machinery and equipment;
- (viii) difficulty in obtaining an adequate supply of raw materials;
- (ix) uncertainty of the economic prospect of the project; and
- (x) Promoter's own concentration on other projects.

4. My Ministry is making every effort to assist industries to overcome the problems encountered by the private sector. However, some of these problems are inherent in business and industrial ventures and must be solved by them. Government's assistance here is to provide the necessary infrastructure and back-up services such as industrial estates, industrial financing through MIDF, *ad hoc* consultancy service, technological and technical assistance through National Institute for Scientific and Industrial Research (NISIR), quality control and standards through Standards Institution of Malaysia (SIM) and identification of projects and feasibility studies through FIDA.

5. Efforts taken by Government, and in particular my Ministry, to ensure that approved projects are implemented within a specified time have been explained above. The Industries Division of my Ministry is a Division charged with this responsibility. Besides this, FIDA will also provide assistance to industries whenever industries are faced with problems of technical nature, not dealt with by other institutions. FIDA will also assist industries in obtaining water supply, electricity etc. in time. The Government has also instructed all Ministries and Government Departments to give priority to enquiries and requests from industrialists. In fact the whole Government machinery is geared to give top priority to industrial development matters.

#### Suruhanjaya Harga

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar bahawa



Kerajaan telah melantik Suruhanjaya Harga bagi menggantikan Jawatankuasa Penasihat Harga Barang-Barang Keperluan. Jika benar, siapa anggotanya, apa tugasnya dan sejauh manakah kuasanya terhadap menentukan harga barang-barang.

**Tuan Mohd. Khir Johari:** Suruhanjaya Harga belum ditubuhkan lagi tetapi Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah bagi menubuhkan Suruhanjaya itu dan sekarang sedang menggubal rangka bidang kuasa (terms of reference) Suruhanjaya tersebut setelah membuat kajian pertubuhan badan-badan yang serupa di negara-negara lain, termasuk Kanada dan Britain. Ini adalah untuk menentukan yang Suruhanjaya akan memberi kesan di dalam menjalankan tugas-tugasnya. Satu Jawatankuasa Sementara (Ad hoc Committee) terdiri daripada mereka-mereka yang berpengtahuan di dalam perkara Suruhanjaya-Suruhanjaya Harga, mewakili kedua-dua pihak kerajaan dan swasta akan ditubuhkan tidak lama lagi untuk mengkaji masaalah-masaalah di dalam menubuhkan Suruhanjaya itu dan juga untuk mempercepatkan dan memutuskan penubuhannya.

The Price Commission has not been established as yet but my Ministry has already taken steps to set up the Commission and is now framing the terms of reference of the Commission after having studied the set-up of similar bodies in other countries, including Canada and Britain. This is to ensure that the Commission would be effective in carrying out its task. An *ad hoc* committee comprising individuals, who are knowledgeable on the subject of Price Commissions, from both the public and private sectors would be formed in due course to study the problems of setting up the Commission and also to expedite and finalize its establishment.

#### Perusahaan-perusahaan di Malaysia

**15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkannya perusahaan-perusahaan di Malaysia secara bersendirian, berkongsi, dan bersyarikat dan jumlah modal masing-masing mengikut bangsa, yaitu Melayu, China dan India, serta di dalam bidang apa.

**Tuan Mohd. Khir Johari:** Daripada rekod yang ada, terdapat 164,418 pertubuhan-pertubuhan yang didirikan secara persendirian

dan berkongsi, yang telah didaftarkan dengan Pendaftar Perniagaan-perniagaan sementara 12,560 syarikat tempatan dan 1,107 syarikat-syarikat asing adalah didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat-Syarikat.

Adalah sukar untuk menentukan jumlah modal pertubuhan-pertubuhan syarikat-syarikat ini oleh kerana mengikut peraturan yang ada sekarang ini, setengah-setengah pertubuhan tidak diwajibkan menghantar penyata kewangan mereka.

Begitu jugalah halnya dengan bidang-bidang dalam mana pertubuhan-pertubuhan ini dijalankan.

From existing records, there are in existence 164,418 enterprises established under sole proprietorship and partnership registered under the Business Registry while 12,560 local companies and 1,107 foreign companies are registered with the Registrar of Companies.

It would be very difficult to determine the total capital of all these enterprises since under existing regulations certain establishments are not required to submit their financial statements.

So also in regard to the fields in which these enterprises operate.

#### Perusahaan-perusahaan Batek

**16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi melindungi nasib perusahaan-perusahaan batek di Negeri-Negeri Trengganu dan Kelantan yang telah merosot perniagaannya akibat pertandingan terus dari Syarikat Kerajaan sendiri.

**Tuan Mohd. Khir Johari:** Kerajaan adalah sedar betapa pentingnya perusahaan batek, terutama sekali dari segi memberi pekerjaan dan mata pencarian rakyat di Kelantan dan Trengganu. Di samping itu juga, Kerajaan adalah sedar bahawa perusahaan yang diwarisi dari zaman nenek moyang ini penting dikekalkan. Baru-baru ini Kerajaan telah menerima banyak aduan-aduan dari Persatuan Pembatek-pembatek di Pantai Timor tentang masaalah-masaalah yang mereka hadapi. Memandangkan kepada aduan-aduan ini saya telah membuat lawatan ke Kota Bharu untuk melihat sendiri keadaan itu.

Hasil dari lawatan tersebut saya telah menu-  
buhkan satu Kumpulan Bertindak (Task  
Force) yang diketuai oleh Pengarah Bahagian  
Perindustrian dari Kementerian saya yang  
mengandungi wakil-wakil dari Kementerian-  
Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan  
serta badan-badan yang berkenaan untuk  
menyelidik dengan teliti tentang masala-  
h-masalah yang dihadapi oleh perusahaan in-  
di dan kemudiannya membuat syor-syor dan  
cadangan-cadangan kepada Kerajaan untuk  
ditimbangan. Kumpulan Bertindak ini akan  
membuat lawatan dan berjumpa dengan  
wakil-wakil pembatek di Pantai Timor untuk  
mengkaji masala-h-masalah mereka secara  
mendalam.

Berkenaan dengan kenyataan yang dibuat  
oleh Ahli Yang Berhormat terhadap apa yang  
dikatakan akibat pertandingan dari Syarikat  
Kerajaan terhadap perusahaan batek di  
Pantai Timor, saya suka menarik perhatian  
Ahli Yang Berhormat kepada jawapan yang  
telah saya buat kepada satu soalan di Per-  
sidangan Dewan ini pada 23hb Mei, 1972 di  
mana saya telah terangkan bahawa sebenar-  
nya syarikat yang ditaja oleh Kerajaan itu  
telah tidak sekali-kali mengakibatkan apa-  
apa yang tidak baik kepada perniagaan ahli-  
ahli perusahaan batek di negeri-negeri Treng-  
ganu dan Kelantan.

The Government is aware of the importance  
of the batek industry especially in providing  
employment and livelihood to the people of  
Kelantan and Trengganu. In addition the  
Government is also aware of the importance  
of preserving this native industry which has  
been inherited from several generations in the  
past. Recently, there have been complaints  
made by the batek manufacturers associations  
in the East Coast about the difficulties they  
have been facing. As a result of these com-  
plaints, I made a visit to Kota Bharu to  
assess the situation for myself. Arising from  
this visit I decided to set up A Task Force  
under the leadership of the Director of the  
Industries Division of my Ministry comprising  
representatives from other Ministries Govern-  
ment Departments and relevant bodies, to  
make a thorough study of this industry and  
to make recommendations on what steps  
should be taken for the consideration of the  
Government. This Task Force will soon be  
visiting the East Coast to meet the represen-  
tatives of batek manufacturers to study the  
problems in depth.

As to the statement made by the Hon'ble  
Member concerning the repercussion on the  
batek industry in the East Coast of direct  
competition from Government sponsored  
companies, I would like to draw the attention  
of the Hon'ble Member to the answer I gave  
in reply to a question in this House on 23rd  
May, 1972 wherein I pointed out that the  
existence of a Government-sponsored com-  
pany would not in any way be detrimental  
to the business of batek manufacture in the  
States of Trengganu and Kelantan.

#### Jumlah Ketuntongan

17. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus  
minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian  
menyatakan berapa banyakkah jumlah keun-  
tungan yang diperolehi oleh kalangan swasta  
dari hasil perniagaan dan perusahaannya di  
negeri ini pada tiap-tiap tahun mulai 1960  
dan berapa banyakkah yang dilabur semula  
di negeri ini dan siapakah di antara mereka  
yang berbuat demikian dan yang tidak ber-  
buat demikian.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jawapan yang  
tepat kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu  
tidaklah dapat dinyatakan di sini oleh kerana  
mengikut peraturan yang ada sekarang ini,  
perusahaan-perusahaan persendirian, per-  
usahaan-perusahaan berkongsi dan lain-lain  
Perusahaan yang berdaftar dengan Pendaftar  
Perniagaan tidak diwajibkan mengemukakan  
penyata kewangan dan kira-kira mereka  
kepada Pendaftar Perniagaan. Begitu juga  
dengan syarikat-syarikat yang berdaftar  
dengan Pendaftar Syarikat; syarikat-syarikat  
sendirian yang terkecuali tidak perlu meny-  
takan kira-kira tahunan mereka.

Begitu juga halnya dengan jumlah keun-  
tungan yang dilabur semula di negeri ini dan  
juga mereka-mereka yang berbuat demikian  
dan yang tidak berbuat demikian. Jawapan  
yang tepat adalah mustahil diberikan oleh  
kerana penanam-penanam modal di kalangan  
swasta tidak dikehendaki menyatakan dari  
mana mereka mendapatkan wang yang telah  
dilaburkan itu. Adalah juga mustahil untuk  
menentukan bagaimanakah wang-wang divi-  
den dan keuntungan yang berlebihan telah  
digunakan oleh pemegang-pemegang saham  
syarikat, Pemilik-pemilik Perniagaan Persen-  
dirian, Perkongsian dan sebagainya.

A definite answer to the question posed by the Hon'ble Member cannot be given in view of the fact that under existing regulations, sole proprietorships, partnerships and other businesses registered with the Business Registry are not obliged to submit their accounts to the Business Registry. So also with companies registered with the Companies Registry; exempt private companies need not submit their annual accounts.

The same holds for the total profit re-invested in this country and those who did and who did not re-invest. A definite answer cannot be given since investors in the private sector are not required to state the source from where the money is obtained. It is not possible to ascertain how dividends declared and profits made have been utilised by the shareholders of companies, sole proprietorships, partnerships and owners of businesses.

#### Pasaran Orkid

**18. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada Kementerian beliau telah membuat kajian terhadap "potential market" untuk mengeksport bunga-bunga orkid Malaysia, benih-benih dan pokok-pokoknya;
- (b) nilai eksport tersebut bagi tahun 1970 dan 1971; dan
- (c) samada Kementerian beliau akan menimbang memberi bantuan dan galakan kepada penanam-penanam orkid lebih dari apa yang diberikan sekarang.

**Tuan Mohd. Khir Johari:**

- (a) Kementerian saya telah membuat banci pasaran orkid di Australia, Austria, Belgium, Denmark, Finland, Negeri Peranchis, Persekutuan Republik Jerman Barat, Negeri Jepun, Luxemburg, Negeri Belanda, Norway, Sweden, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Maklumat berkenaan dengan pasaran dan lain-lain yang didapati daripada bancian tersebut telah pun diberikan kepada penanam-penanam orkid di Malaysia;
- (b) Perangkaan perdagangan Luar Malaysia tidak menunjukkan nilai eksport orkid secara tepat kerana pokok orkid dan benih-benihnya termasuk dalam bahagian "other live plants except rubber";

manakala bunga-bunga orkid termasuk dalam bahagian "cut flowers and flower buds, etc., ornamental". Dalam tahun 1970, nilai eksport daripada Malaysia berjumlah \$544,230 dimana "cut flowers and flower buds" berjumlah sebanyak \$432,493. Dalam tahun 1971, eksport "live plants except rubber" dan "cut flowers and flower buds" daripada Malaysia Barat dinilaikan sebanyak \$60,767 dan \$600,450 berikut. Angka-angka eksport dari Malaysia Timor untuk tahun 1971 belum didapati; dan

- (c) Kementerian saya akan terus memberi segala pertolongan dan galakan kepada penanam-penanam orkid dalam negeri ini untuk mencari pasaran di seberang-laut. Untuk membolehkan Kementerian saya menolong secara berkesan, saya nasihatkan pengeksport-pengeksport orkid supaya memberi semua maklumat-maklumat yang penting diatas jenis orkid yang mereka hendak mengeksport dan juga masaalah-masaalah yang dihadapi dalam mencari pasaran-pasaran di seberanglaut kepada Kementerian saya.
- (a) My Ministry has undertaken market surveys on orchids in Australia, Austria, Belgium, Denmark, Finland, France, Federal Republic of Germany, Japan, Luxemburg, Netherlands, Norway, Sweden, Switzerland, the United Kingdom and the United States of America. The market and related information gathered from these surveys was made available to Malaysian orchid growers;
- (b) Malaysian external trade statistics do not show the value of exports of orchids specifically as orchid plants and seedlings are included in the broad category of "other live plants except rubber"; while orchid flowers fall under the category of "cut flowers and flower buds, etc., ornamental". In 1970, the value of such exports from Malaysia totalled \$544,230 of which cut flowers and flower buds accounted for \$432,493. In 1971, exports of live plants except rubber and of cut flowers and flower buds from West Malaysia were valued at \$60,767 and \$600,450 respectively. Export figures in respect of East Malaysia for the whole of 1971 are not yet available; and

- (c) My Ministry will continue to provide every assistance and encouragement possible to orchid growers in this country to find markets overseas. In order to enable my Ministry to provide such assistance effectively, I would advise orchid exporters to supply all the relevant information on the types of orchids they wish to export as well as on the problems encountered in seeking overseas markets to my Ministry.

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

### Kelapa Sawit

19. Tuan Awang Bungus bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilakah Rancangan Tanah Kelapa Sawit dalam Bahagian Kelima akan memulakan operasinya.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tanaman kelapa sawit dalam Rancangan Tanah di Bahagian Kelima adalah satu projek percubaan meliputi satu kawasan 720 ekar. Kawasan Rancangan itu telah ditanam dan dijangka akan mengeluarkan hasil dalam 1973.

### Tuan Tanah Tidur

20. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar perlunya membuat perubahan-perubahan perhubungan dengan pembahagian tanah di Malaysia Barat, Khususnya di kawasan-kawasan penanaman padi seperti di kawasan Muda dan di Sekinchan, Selangor; jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau bagi menghapuskan amalan tuan tanah tidur untuk membahagikan tanah-tanah kepada petani-petani.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Batu itu nampaknya mengandungi dua soalan. Perkara yang pertama ialah berkaitan dengan pembahagian harta. Soal ini memang susah hendak diatasi kerana boleh jadi berkaitan dengan adat resam dan mungkin juga hukum Syariah. Pihak yang berkuasa bagi menguruskan tugas-tugas itu ialah Kerajaan Negeri. Perkara yang kedua ialah ber-

kaitan dengan "tuan tanah tidur". Saya menyedari bahawa amalan tuan tanah tidur ada berlaku di kawasan-kawasan pertanian termasuklah di kawasan padi Perairan Muda dan Sekinchan di mana tuan-tuan tanah tidak mengusahakan tanahnya sendiri. Amalan tuan tanah tidur yang demikian boleh menyebabkan pengeluaran yang kurang dari tanah yang dimiliki. Untuk mengetahui masaelah itu sebenarnya, satu kajian atau survey akan dijalankan oleh MADA dengan bantuan University berkenaan dengan pemilikan tanah, tuan yang empunya, luas tiap-tiap holding, cara dimajukan, jenis tanaman, banyak input yang dipakai, hasil yang didapati dan sebagainya. Kajian ini akan memakan masa yang panjang dan akan dimulakan sebelum penghujung tahun ini. Apabila lapuran kajian itu telah disiapkan baharulah Kerajaan dapat menimbangkan sesuatu rancangan yang tertentu.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

### Kilang Asid Malaysia

21. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian ini selama ini terhadap Kilang Asid Malaysia di Lebuhraya Persekutuan, Petaling Jaya, kerana mengeluarkan gas busuk yang tidak baik bagi kesihatan rakyat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kilang Asid Malaysia (Malaysian Acid Factory) yang terletak berdekatan dengan Federal Highway, adalah dibawah gulungan pentadbiran Lembaga Bandaran, Petaling Jaya. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan telah memeriksa kilang ini bersama-sama dengan pihak Kesihatan Petaling Jaya, dan kita telah berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kilang tersebut bagi mengurangkan pengeluaran kekotoran. Kita telah pun mengesyorkan tempuh selama enam bulan, untuk membolehkan mereka menubuhkan "anti-pollution devices", sehingga akhir tahun ini.

The Malaysian Acid Factory off the Federal Highway, Petaling Jaya comes under the jurisdiction of the Petaling Jaya Town Board. The Ministry of Health, however, has inspected this factory jointly with the Petaling Jaya health authorities, and is satisfied of the means that the factory is doing to minimise

the emission of pollutants. It has also recommended that a time limit of 6 months be given for the construction of anti-pollution devices until the end of the year.

#### **Dadah di kalangan Penuntut-penuntut**

**22. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan telah dapat menghapuskan penggunaan dadah di kalangan penuntut-penuntut dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencapai objektif ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan agen-agen seperti Kementerian Pelajaran, Polis, Kastam dan Kementerian Kebajikan Am menyedari penggunaan dadah di kalangan penuntut-penuntut dan perkara ini adalah di dalam peninjauan Kementerian ini. Pada masa ini angka-angka masih lagi menunjukkan kejadian yang paling rendah.

Satu jawatankuasa kecil telah ditubuhkan di Kementerian ini untuk menyiapkan satu peraturan dan sokongan bagi menubuhkan satu jawatankuasa bersama antara-jabatan di peringkat kebangsaan.

Satu jawatankuasa bersama ko-ordinasi antara-jabatan-jabatan atas Narkotik di peringkat pertengahan dengan wakil-wakilnya adalah terdiri dari:

- (1) Kementerian Kesihatan
- (2) Jabatan Kastam
- (3) Polis
- (4) Badan Pencegah Rasuah
- (5) Kementerian Pelajaran
- (6) Kementerian Kebajikan Am
- (7) Jabatan Kimia
- (8) Ahli Kerjasama daripada wakil-wakil Jawatankuasa Negeri Selangor.

telah ditubuhkan dalam tahun 1970 untuk memerhati usaha-usaha kerjasama pelbagaian jenis aktiviti daripada beberapa agen, termasuklah masalah dadah yang patut dikawali.

Suatu projek panduan telah dirancang di Negeri Selangor dan mengadakan kelengkapan oleh jawatankuasa ko-ordinasi negeri yang di pengurusikan oleh Pengarah Pelajaran Selangor. Suatu seminar bagi projek panduan untuk mencegah penggunaan dadah di sekolah-sekolah di Selangor telah diadakan pada 3 dan 4hb Mach, 1972 bagi menempatkan-

kan 125 peserta yang terdiri daripada guru-guru besar, guru-guru dan pegawai-pegawai di Pelbagai Jabatan untuk mengambil rancangan tindakan bagi mengawal dan menjauhkan daripada penggunaan murid-murid sekolah.

Satu keputusan telah dicapai bagi menyokong latihan doktor-doktor, guru-guru sekolah, pekerja-pekerja kebajikan untuk mengatasi masalah dadah, juga untuk mencapai matlamat ini kerjasama di kalangan murid-murid dan ibubapa-ibubapa mereka adalah melalui cara-cara yang berlainan.

Pengalaman-pengalaman yang didapati dari projek panduan ini akan di lanjutkan kekawasan lain di negara ini kelak.

The Ministry of Health as well as other agencies such as Education, Police, Custom and Welfare are aware of the increasing drugs usage among the students and have kept this under close observation. At present available statistics still show very low incidence.

A sub-committee was established at the Ministry of Health to work out the procedure and recommended the setting up of an inter-departmental committee at national level.

An Inter-departmental Co-ordinating Committee on Narcotics at Central level with representatives from,

- (1) Ministry of Health
- (2) Customs Department
- (3) Police
- (4) Anti-Corruption Agency
- (5) Ministry of Education
- (6) Ministry of Social Welfare
- (7) Department of Chemistry
- (8) Co-opted member from representatives from Selangor State Committee.

was formed in 1970 to look into the co-ordinated effort the various activities of the many agencies involved in the drug problems in order to control it.

A pilot project in Selangor was planned and being implemented by the State Co-ordinating Committee chaired by the Director of Education Selangor. A seminar on the pilot project to prevent drug usage in schools in Selangor was held on 3rd and 4th March, 1972 to orientate 125 participants

from headmasters, teachers and officials from various departments to work out a plan of action to control and stamp out drug usage by school children. Major outcome of the seminar is the recommendation of training of doctors. Training of school teachers and welfare workers will be carried on the drug problems, its detection and working together among students and parents through various means.

The experience gained from the pilot project will be extended to other areas in the country.

## KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM

### Rumah Kebajikan

23. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebajikan Am menyatakan berapa buah rumah anak yatim, rumah orang tua dan rumah pemulihan bagi perempuan yang ada di Malaysia dan berapa banyak perbelanjaan yang dibayar oleh Kerajaan untuk menyelenggara rumah-rumah itu sebulan.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Bilangan Rumah-rumah seumpama itu yang sedang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Am dan belanja penyenggaraannya sebulan adalah seperti berikut:

	Bil.	Belanja
1. Rumah anak-anak yatim (Rumah Kanak-kanak) ...	7	\$ 73,385
2. Rumah Orang-orang Tua ...	8	130,377
3. Pusat Pemulihan Wanita	2	15,922

The number of such Homes presently administered by the Ministry of Welfare Services and the monthly cost of maintaining them is as follows:

	No.	Cost
1. Orphanages (Children's Homes) ...	7	\$ 73,385
2. Old Persons Homes ...	8	130,377
3. Rehabilitation Centres for Women ...	2	15,922

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### Yuran Peperiksaan

24. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang menurunkan bayaran bagi memasuki peperiksaan-peperiksaan S.R.P.,

S.P.M. dan S.T.P. untuk mengurangkan beban terhadap ibu bapa yang miskin, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Onn): Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengurangkan bayaran masuk peperiksaan-peperiksaan tersebut. Walau bagaimanapun mengenai bayaran masuk peperiksaan S.R.P., kadar yang dikenakan pada masa ini iaitu \$15 bagi seorang calon adalah dirasai berpatutan.

Mengenai bayaran masuk peperiksaan S.P.M. pula, Kementerian Pelajaran sedang menimbang mengurangkan sedikit kadar bayaran tersebut mulai tahun hadapan. Langkah ini dapat dijalankan kerana sebahagian besar dari pengelolaan peperiksaan tersebut telah pun diambil alih oleh Kementerian Pelajaran daripada Cambridge.

Mengenai bayaran masuk peperiksaan S.T.P. pula oleh kerana peperiksaan ini masih dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Cambridge maka kadar bayaran yang dikenakan adalah ditetapkan oleh Cambridge sendiri.

### Laporan Aziz

25. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Laporan Aziz mengenai perkhidmatan guru-guru masih belum diedar kepada Ahli-Ahli Parlimen, jika ya, bilakah laporan itu akan diedar kepada Ahli-Ahli Parlimen, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Hussein bin Onn: Saya sedar bahawa Laporan Aziz mengenai Perkhidmatan Guru-Guru tidak diedarkan kepada Ahli-Ahli Parlimen. Ini ialah kerana Surohanjaya itu telah diwajibkan memberi laporan itu kepada Kerajaan sahaja dan bukan untuk dibentangkan dalam Parlimen.

Walaupun bagaimanapun laporan itu ada dijual kedai-kedai yang dibenarkan menjual penerbitan-penerbitan Kerajaan.

### Pengelola-pengelola Sekolah

26. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Pengelola-Pengelola Sekolah-Sekolah China di Perak terutama di Jabatan Pelajaran, Ipoh, telah bekerja disana semenjak mula-mula memegang jawatan dan tidak pernah ditukarkan ketempat-tempat



lain sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan dan jika ya, apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan Kerajaan hendak ambil supaya mereka tidak tinggal lama di Ipoh dan dengan demikian menentukan bahawa pengelola-pengelola sekolah ini mencerminkan imej Kerajaan yang dinamis.

**Tuan Hussein bin Onn:** Di Negeri Perak hanya ada seorang Pengelola Sekolah-Sekolah China dan sebagai Ketua kepada Bahagian China ia ditempatkan di Pejabat Pelajaran Negeri, Ipoh. Saya sedar bahawa penyandang jawatan itu telah berada di Ipoh sejak tahun 1964 sejak ia ditukar dari Pejabat Pelajaran Daerah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada peraturan yang mewajibkan pegawai-pegawai ditukar jika tiada sebab. Sebenarnya, jika pegawai-pegawai ditukarkan tanpa sebab yang tertentu, ianya mungkin menyebabkan kekurangan kecekapan.

**Kelas-kelas Tingkatan VI, Sekolah-sekolah Teknik dan Vokeshenal di-Batu Pahat**

**27. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau telah menerima permintaan-permintaan dari Persatuan Ibubapa Batu Pahat meminta supaya kelas-kelas Tingkatan Enam aliran kebangsaan dibuka di Batu Pahat dan sebuah sekolah teknik dan vokeshenal dibina di Batu Pahat supaya penuntut-penuntut dari sekolah menengah kebangsaan dapat meneruskan pelajaran mereka di dalam atau pun dekat dengan tempat-tempat mereka tanpa pergi ketempat-tempat jauh seperti Shah Alam di Selangor atau Jitra di Kedah untuk melanjutkan pelajaran mereka, seperti mana yang terdapat sekarang; dan nyatakan sama ada Kementerian ini mempunyai apa-apa rancangan untuk memulakan kelas-kelas Tingkatan Enam aliran kebangsaan dan sebuah sekolah teknik dan vokeshenal di Batu Pahat di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

**Tuan Hussein bin Onn:** Kementerian Pelajaran tidak ada menerima apa-apa rayuan dari Persatuan Ibubapa Batu Pahat untuk membuka kelas Tingkatan Enam aliran Kebangsaan di Batu Pahat. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kemudahan pelajaran Tingkatan Enam aliran Kebangsaan bagi murid-murid yang berkelayakan di negeri Johor telah pun disediakan di Sekolah Datok Seri Amar Diraja, Muar dan di Sekolah

Sultan Ismail Johor Bahru. Murid-murid dari negeri Johor tidak lagi di hantar ke Alam Shah atau Jitra untuk memasuki Tingkatan Enam.

Mengenai pembukaan kelas Tingkatan Enam aliran Kebangsaan di Batu Pahat sendiri, perkara ini tergantunglah kepada cukupnya bilangan calon yang berkelayakan, keadaan tenaga pengajar, kemudahan bangunan dan pendapat Ketua Pegawai Pelajaran Negeri tersebut.

Mengenai kemudahan pelajaran Teknik dan Vokeshenal pula dalam konteks Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan tidak bercadang membina sebuah Sekolah Menengah Vokeshenal atau Sekolah Menengah Teknik di Batu Pahat kerana kemudahan dalam bidang tersebut di negeri Johor telah pun mencukupi. Pada masa ini terdapat sebuah Sekolah Menengah Vokeshenal di Johor Bahru. Sebuah Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru akan siap diakhir tahun 1974. Sebuah Sekolah Menengah Vokeshenal akan siap dibina di Muar dalam tahun 1973 dan sebuah lagi di Kluang pada akhir tahun 1974.

**Jumlah Murid-murid yang Mengambil Peperiksaan S.R.P. tahun 1971**

**28. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid (i) yang mengambil peperiksaan S.R.P. pada tahun 1971; (ii) jumlah dan peratus yang gagal; (iii) jumlah dan peratus murid-murid yang gagal kerana mereka tidak lulus Bahasa Malaysia; beri angka-angka yang berlainan untuk (a) sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan (b) sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan.

**Tuan Hussein bin Onn:** Jumlah-jumlah tersebut adalah seperti berikut:

**PEPERIKSAAN SRP/LCE 1971**

	<i>Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan</i>	<i>Sekolah-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan</i>
Bilangan yang mengambil peperiksaan ... ..	31,625	73,970
Jumlah dan peratus murid-murid yang tidak naik darjah ... ..	15,136 (48%)	36,997 (50%)
Jumlah dan peratus murid-murid yang tidak naik darjah kerana kegagalan dalam Bahasa Malaysia ...	Tiada	764 (1.3%)



## KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELIDIKAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

### Mesyuarat Datuk Bandar dengan Wakil-wakil Rakyat

**29. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan perantikan Datuk Bandar yang baru untuk Ibu Kota, samada beliau akan mengadakan suatu mesyuarat diantara Datuk Bandar yang baru dengan wakil-wakil rakyat yang dipilih di Kuala Lumpur supaya membincangkan dengan sepenuhnya masalah-masalah Bandaraya dengan tujuan untuk mencapai suatu penyelesaian yang baik bagi mereka.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Dewan Bandaraya adalah menyedari dan mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya. Pada masa ini disamping Lembaga Penasihat Bandaraya terdapat beberapa Jawatankuasa yang lain untuk menasihatkan Datuk Bandar bagi menimbang dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Datuk Bandar, jika difikirkan perlu akan menemui orang ramai baik yang merupakan pertubuhan-pertubuhan atau orang-orang persaorangan untuk membincangkan dengan sepenuhnya masalah-masalah yang dihadapi oleh Bandaraya Kuala Lumpur dengan tujuan mencapai satu penyelesaian yang baik untuk mereka.

The City Hall is fully aware of the problems it has to face. At present, besides the City Hall Advisory Board, there are several other committees to assist the Datuk Bandar in considering and overcoming the problems faced by the Dewan Bandaraya.

The Datuk Bandar, where necessary, will invite the public, whether as representatives of organisations or as individuals, to discuss fully with them the problems faced by the City with the aim of finding solutions beneficial to them.

### Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya

**30. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di atas asas apakah perantikan-perantikan dibuat kepada Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya, dan

samada beliau akan bersetuju bahawa wakil-wakil yang dipilih dari parti-parti Pembangunan di Kuala Lumpur mesti juga dilantik kepada Lembaga tersebut memandangkan yang mereka lebih berkelayakan untuk menyuarakan masalah-masalah, harapan-harapan dan hasrat rakyat Kuala Lumpur.

**Datuk Ong Kee Hui:** Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya terdiri dari anggota-anggota resmi dan tidak resmi. Ahli-Ahli tidak resmi adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung.

Pada masa ini Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya telah memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada Dewan Bandaraya.

The Advisory Board comprises of both official and unofficial members. The unofficial members are appointed by His Majesty the Yang di-Pertuan Agung.

At present the City Hall Advisory Board has given satisfactory service to the City Hall.

### Rumah-Rumah Murah di Kuala Lumpur

**31. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar akan kekurangan rumah-rumah murah di Kuala Lumpur untuk menepati kehendak-kehendak orang ramai, dan jika ya, nyatakan apakah rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk mengatasi kekurangan ini dengan memberi bilangan permohonan-permohonan untuk rumah pangsa harga murah yang belum diproseskan hingga sekarang dan samada Kementeriannya akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan lebih banyak lagi tanah bagi membina rumah-rumah harga murah di Kuala Lumpur untuk menampung kehendak penduduk-penduduk Kuala Lumpur.

**Datuk Ong Kee Hui:** Dewan Bandaraya telah mengadakan rancangan-rancangan perumahan yang pesat untuk memenuhi kehendak perumahan dalam bandar ini dan di dalam rancangan Malaysia Yang Kedua, empat projek perumahan mengandungi 5,000 unit akan dilaksanakan. Tindakan telah dan sedang diambil untuk mendapatkan lagi

tanah-tanah yang sesuai bagi rancangan perumahan. Dalam tindakan ini Dewan Bandaraya ada perhubungan yang rapat dengan Kerajaan Negeri Selangor.

The City Hall has actively undertaken several housing projects to meet the requirements of the public and under the Second Malaysia Plan four housing projects, composing 5,000 units will be implemented. Action has been, and is being, taken to obtain suitable land for housing projects. In this course of action, the City Hall is working in close liaison with the State Government of Selangor.

## KEMENTERIAN PENERANGAN

### Sebaran Am

**32. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan berhubung dengan rundingan sebaran am yang telah diadakan oleh Kementerian beliau dengan Kementerian Penerangan Indonesia, samada Malaysia akan menerima artis-artis, sekerip-sekerip drama, dan filem-filem Indonesia atau tidak.

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Penukaran rancangan Radio dan TV sedang berjalan di antara Indonesia dan Malaysia. Adalah diharapkan dalam sedikit masa lagi pertukaran ini akan bertambah lagi terutama dalam bidang sekerip-sekerip drama dan rancangan-rancangan.

## JABATAN TUGAS-TUGAS KHAS

### Perang Urat Saraf

**33. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada benar bahawa salah satu daripada tugas-tugasnya ialah menjalankan Perang urat saraf dengan kominis-kominis, dan jika ya,

nyatakan apa yang telah beliau lakukan mengenai perkara ini untuk beberapa bulan sejak beliau memegang jawatan.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik):** Tidak benar.

### Hakmilet Tanah

**34. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau telah mendapat persetujuan daripada semua Kerajaan Negeri untuk memberi tanah dan hakmilet kepada semua penduduk kampung-kampung baru dengan perimiam-perimiam bayaran beransur-ansur yang murah; dan samada benar sebagai satu dasar Kerajaan, tiap-tiap penduduk kampung baru akan diberi hakmilet selama 99 tahun mulai dari sekarang.

**Dr Lim Keng Yaik:** Kerajaan-Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi hak milek bagi lot-lot di kampung-kampung baru yang boleh di beri milik kepada penduduk-penduduk yang berhak dan layak.

Berhubung dengan kadar bayaran harga tanah (premium) Kerajaan-Kerajaan Negeri telah juga di minta memberi "concession" kepada penduduk-penduduk asal.

Soalan bayaran "premium" secara ansuran adalah bergantung kepada Peraturan-Peraturan Tanah di Negeri-Negeri berkenaan, iaitu adakah atau tidak syarat yang membolehkan "premium" dibayar beransur-ansur dan jika ada, bergantung pula diatas kesanggupan Negeri berkenaan untuk memberi kemudahan itu.

Berkaitan dengan pajakan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah pula diminta memberi pajakan selama tidak kurang daripada 60 tahun, iaitu tempuh yang difikirkan berpatutan.

State Governments have agreed to give titles in respect of lots available for alienation in new villages to applicants who are entitled and eligible.

With regard to premium State Governments have been requested to charge a concessional rate to the original settlers.

Payment of premium by instalment depends on whether or not the respective

State Land Rules has any provision for such payment and also on whether the State Authority concerned is prepared to give the privilege if there is such a provision.

Regarding leases, State Governments have been requested to give at least a minimum period of 60 years which is considered reasonable.

## JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

### Tambahan No. 2

#### KEMENTERIAN KEWANGAN

##### Faedah Pinjaman

1. Tuan V. Veerappen minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa faedah yang dibayar ke atas pinjaman yang digunakan dalam perniagaan atau perusahaan tidak dapat dikecualikan daripada cukai pendapatan.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Dengan hormatnya, Ahli Yang Berhormat pada waktu membuat soalnya nampaknya telah tidak faham perbezaan di antara pengecualian daripada cukai pendapatan dan pengizinan sesuatu perbelanjaan sebagai potongan di dalam perkiraan pendapatan yang dikenakan cukai.

Nampaknya apa yang Ahli Yang Berhormat ingin bertanya ialah kenapa faedah-faedah tersebut tidak dianggap sebagai potongan-potongan yang diizinkan dalam perkiraan pendapatan yang dikenakan cukai bagi seseorang peminjam. Jika sekiranya ini benar jawapan saya ialah sebarang faedah keatas pinjaman-pinjaman yang digunakan untuk pelaburan boleh dipotong daripada sebarang pendapatan yang berasal daripada pelaburan tersebut. Jika sekiranya tidak ada pendapatan daripada pelaburan, faedah yang dibayar tidak boleh dipotong daripada lain-lain pendapatan peminjam kerana faedah tersebut bukanlah perbelanjaan yang sepenuhnya dan khususnya dikenakan di dalam pengeluaran pendapatan-pendapatannya yang lain.

With respect, the Hon'ble Member in phrasing his question has apparently not understood the difference between exemption from income tax and the admissibility of an expense as a deduction in arriving at taxable income.

It would seem to me that what the Hon'ble Member intends to ask is why such interest is

not an allowable deduction in arriving at the taxable income of the borrower. If this is confirmed, my answer is that any interest on borrowings used to finance an investment would be allowed against any income derived from such investment. Where, however, there is no income from the investment, the interest paid cannot be set off against the borrower's other income since such interest is not an expense wholly and exclusively incurred in the production of his other income.

##### Pengecualian Cukai Pendapatan

2. Tuan V. Veerappen bertanya kepada Menteri Kewangan samada beliau sedar bahawa perbelanjaan-perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Syarikat-Syarikat Pelaburan atas kereta, kerani-kerani dan lain-lain perbelanjaan pejabat melainkan belanja-belanja untuk Setiausaha dan odit tidak dikecualikan daripada cukai pendapatan dan bolehkah Kerajaan mengambil tindakan untuk mengecualikan perbelanjaan yang tersebut itu daripada cukai pendapatan.

**Tun Tan Siew Sin:** Dalam soalan ini Ahli Yang Berhormat telah lagi menggunakan perkataan-perkataan "pengecualian daripada cukai pendapatan" di mana nyata ia bermaksud "tidak dibenarkan sebagai satu potongan daripada cukai pendapatan".

Sekiranya perbelanjaan-perbelanjaan yang dimaksudkan di dalam soalnya itu telah tidak ditanggung sepenuh-penuhnya di dalam pengeluaran pendapatan sesebuah syarikat pelaburan, maka mereka tidak boleh dibenarkan sebagai potongan dalam pekiraan pendapatan syarikat yang dikenakan cukai. Perbelanjaan-perbelanjaan seperti saraan-saraan kerani juga bayaran-bayaran pengarah dan lain-lain perbelanjaan pejabat adalah sebenarnya dibenarkan tetapi hanya setakat bahawa mereka merupakan saraan dan perbelanjaan-perbelanjaan yang berpatutan yang sejajar dengan peranan yang dimainkan di dalam pengeluaran pendapatan syarikat pelaburan itu. Ini adalah asas prinsip cukai pendapatan dan bukanlah tujuan Kerajaan untuk menyimpang daripada prinsip ini bagi faedah khas syarikat-syarikat pelaburan.

In this question the Hon'ble Member has again used the expression "exempted from income tax" where he obviously meant "not allowed as a deduction from taxable income".

Unless the expenses referred to in his question have been wholly and exclusively incurred in the production of the income of an investment company, they cannot be allowed as a deduction in arriving at the company's taxable income. Such expenses as clerks' remuneration, even directors' fees and other office expenses are in fact allowable but only to the extent that they represent reasonable remuneration and expenses commensurate with the part played in producing the investment company's income. This is a basic income tax principle and it is not the intention of the Government to depart from this principle for the special benefit of investment companies.

#### **Lesen 4-nombor Ekor**

**3. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa lesen-lesen untuk menjual 4-nombor ekor, dari 11 orang pemegang lesen-lesen tersebut di Negri Sembilan telah dibatalkan dalam bulan Disember, 1969.

**Tun Tan Siew Sin:** Lesen-lesen yang dikeluarkan kepada ejen-ejen (sepuluh di Negri Sembilan dan satu di Melaka) telah dibatalkan di atas permintaan syarikat itu sendiri, oleh kerana ejen-ejen tersebut didapati melakukan beberapa kesalahan. Lesen-lesen adalah dibatalkan bagi kepentingan orang ramai dan kegagalan untuk mengambil langkah ini akan memberi akibat yang tidak baik, bukan sahaja kepada kerajaan dengan cara kehilangan hasil tetapi juga akan menghilangkan kepercayaan orang ramai ke atas perusahaan ini. Pembatalan lesen-lesen ini dibuat setelah dirundingkan dengan Jabatan Peguam Negara.

The licences issued to agents (ten in Negri Sembilan and one in Malacca) were revoked in December 1969 at the Company's own request because of the discovery of certain

irregularities and malpractices on the part of these agents. The licences were revoked in the public interest as inaction would have been detrimental not only to the Government in the sense that there would have been a loss of revenue, it would also erode public confidence in this enterprise. The revocation of these licences was made in consultation with the Attorney General's Chambers.

### **KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT**

#### **Pemberhentian Kerja di Ladang Puchong**

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada 16 orang buruh-buruh ladang getah yang telah diberhentikan kerja akibat pemecahan Ladang Puchong di Selangor telah diberi pekerjaan yang lain seperti yang dijanjikan oleh Pengurus Ladang Puchong, Encik Lim Tuan Siong, yang juga menjadi Ahli Majlis Kerja Negeri Selangor, dan jika tidak, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk melindungi penghidupan dan masa depan buruh-buruh ini dan tanggungan-tanggungan mereka.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Saya tidak ketahui sebarang pengeneapan pekerja-pekerja di ladang Puchong. Adalah difahamkan bahawa 4 orang pekerja telah meninggalkan Ladang itu pada awal tahun ini atas kemahuan mereka sendiri. Lembaga Ladang Selangor tidak menerima sebarang permohonan untuk kelulusan bagi pemecahan ladang ini. Oleh itu pemecahan ladang tidak berlaku.

I am not aware of any retrenchment of workers in Puchong Estate. It is understood that 4 workers had left the estate some time early this year of their own accord. The Selangor Estate Board has received no application for approval for the sub-division of this estate. No sub-division of the estate is therefore possible.

#### **Permit-permit Kerja**

**5. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementeriannya akan menimbang mengeluarkan permit-permit kerja kepada

pemohon-pemohon yang berumur 21 tahun sungguhpun mereka belum lagi layak memohon sijil kerakyatan hingga mereka mencapai umur 21 tahun, tanpa meminta alasan-alasan belas kasihan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Setiap orang yang dilahirkan dalam negeri ini dan mempunyai sijil beranak yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa sebagai bukti kelahirannya, adalah orang yang berhak bagi tujuan Akta (Sekatan) Kerja 1968, dan akan dikeluarkan dengan Permit Kerja jika ia memohonnya walaupun ia belum memohon kerakyatannya disebabkan ia belum berumur 21 tahun.

Gulungan-gulungan berikut ini berhak Permit-Permit Kerja mereka diperbaharui secara automatik:

- (a) isteri-isteri kepada warga-negara ... (Borang A)
- (b) mereka yang dilahirkan disini dan berhak mendapat kerakyatan menurut Fasal 16 dalam Perlembagaan ... (Borang E)
- (c) mereka yang dilahirkan disini dan dibawah umur 21 tahun dan berhak mendapat kerakyatan menurut Fasal 15 (3) dalam Perlembagaan ... (Borang C)
- (d) mereka yang layak menjadi warganegara dengan cara "naturalisation" dan telah memohon kerakyatan sebelum 1hb Julai, 1969 ... (Borang G)

Any person born in this country and holds a birth certificate issued by the appropriate Authority as evidence of such birth is an entitled person for the purposes of the Employment (Restriction) Act, 1968 and will, therefore, be issued with an Employment Permit if he applies for it notwithstanding the fact that he has not applied for Citizenship on the grounds that he has not attained 21 years of age.

The following categories of persons are entitled to automatic renewal of their Employment Permits:

- (a) wives of citizens ... (Form A)

- (b) those born locally and entitled to citizenship under Article 16 of the Constitution ... (Form E)
- (c) those born locally and under 21 years old and entitled to citizenship under Article 15 (3) of the Constitution ... (Form C)
- (d) those eligible to become citizens by naturalisation and had applied for citizenship before 1st July, 1969 ... (Form G)

## KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN TENAGA

### Jalan Perkeliling

**6. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan kerja-kerja pembinaan sebatang Jalan Perkeliling sepanjang tujuh batu di Limbang.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Ghani Gilong):** Nama jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Jalan Buang Siol/Panderuan. Pembinaan jalan sepanjang tujuh batu ini dijadualkan akan dimulakan pada tahun 1974.

### Bekalan Letrik

**7. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa kebanyakan rakyat-rakyat di Muar Utara dan Muar Dalam berasa hampa di atas bekalan letrik yang telah dijanjikan oleh Kerajaan itu di kawasan Sungai Mati hingga Kundang Ulu, Muar; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyegerakan projek ini dan juga nyatakan bilakah projek ini akan dijalankan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:**

- (a) Saya sedar bahawa ada di antara rakyat di Muar Utara dan Muar Dalam itu masih belum mendapat bekalan letrik lagi. Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, Kementerian saya akan cuba memberi bekalan letrik menurut peruntukan yang ada bagi

tiap-tiap Negeri. Kementerian saya tidak dapat melakukan tugas-tugas ini dengan serentak oleh kerana sebab-sebab teknikal dan kewangan juga.

Sukalah saya menyatakan bahawa pada tahun 1972 ini Kawasan Serom akan diberi bekalan letrik yang mana akan memberi kemudahan kepada 454 pengguna-pengguna. Kawasan-kawasannya termasuklah sebahagian daripada jalan Serom No. 1, 2 dan 3.

- (b) Kementerian saya pada masa ini sedang melipatgandakan usaha-usaha untuk melaksanakan pembekalan letrik luarbandar ini. Kerajaan Negeri juga diminta bagi mengeluarkan perbelanjaan sebanyak 1/3 daripada perbelanjaan projek-projek ini. Ini bermakna lebih banyak lagi projek-projek akan dapat dijalankan. Ahli Yang Berhormat itu bolehlah berunding dengan Kerajaan Negeri untuk menimbangkan perkara bekalan api ke kampung-kampung tersebut bagi pelaksanaannya di masa hadapan.

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### Murid-murid Tercicir

8. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid yang tercicir bagi tahun-tahun yang berikut dalam aliran-aliran Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil:

1967 1968 1969 1970 1971

Darjah Satu ...

Darjah Dua ...

Darjah Tiga ...

Darjah Empat ...

Darjah Lima ...

Darjah Enam ...

Darjah Peralihan

Tingkatan Satu ...

Tingkatan Dua ...

Tingkatan Tiga ...

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Onn): Maklumat-maklumat tersebut adalah seperti berikut:

### BILANGAN MURID YANG TERCICIR DALAM S.J.K. (INGGERIS)

<i>Di akhir</i>			<i>Bilangan Tercicir</i>				
			1967	1968	1969	1970	1971
Darjah/Standard 1	...	...	399	—	204	998	—
Darjah/Standard 2	...	...	655	681	601	—	2,114
Darjah/Standard 3	...	...	1,154	1,481	1,199	1,629	1,540
Darjah/Standard 4	...	...	—	—	—	74	1,039
Darjah/Standard 5	...	...	686	716	1,389	—	863
Darjah/Standard 6	...	...	—	—	—	—	—
Kelas Peralihan	...	...	—	—	—	—	—
Tingkatan I	...	...	4,487	6,436	7,004	8,010	7,723
Tingkatan II	...	...	—	5,584	5,042	7,634	5,227
Tingkatan III	...	...	13,471	24,053	30,007	34,012	32,566



## BILANGAN MURID YANG TERCICIR DALAM SEKOLAH KEBANGSAAN

<i>Di akhir</i>				<i>Bilangan Tercicir</i>				
				1967	1968	1969	1970	1971
Darjah/Standard 1	...	...	...	244	951	2,591	992	1,350
Darjah/Standard 2	...	...	...	1,694	1,132	2,107	2,457	2,157
Darjah/Standard 3	...	...	...	2,237	2,227	3,688	4,714	1,037
Darjah/Standard 4	...	...	...	3,769	4,349	5,453	5,499	1,984
Darjah/Standard 5	...	...	...	5,385	7,478	7,403	9,554	3,795
Darjah/Standard 6	...	...	...	39,499	45,986	54,089	42,540	38,701
Remove Class	...	...	...	—	—	—	—	—
Form I	...	...	...	874	2,302	2,781	4,217	—
Form II	...	...	...	1,205	1,989	2,834	3,972	—
Form III	...	...	...	4,566	17,823	18,402	21,539	14,441

## BILANGAN MURID YANG TERCICIR DALAM S.J.K. (CINA)

<i>Di akhir</i>				<i>Bilangan Tercicir</i>				
				1967	1968	1969	1970	1971
Darjah/Standard 1	...	...	...	768	707	753	300	398
Darjah/Standard 2	...	...	...	885	820	1,084	869	893
Darjah/Standard 3	...	...	...	1,542	2,191	1,815	1,787	1,308
Darjah/Standard 4	...	...	...	2,771	2,667	2,646	2,859	2,477
Darjah/Standard 5	...	...	...	3,993	4,495	4,689	4,678	4,009
Darjah/Standard 6	...	...	...	17,161	16,977	17,501	19,312	20,535

## BILANGAN MURID YANG TERCICIR DALAM S.J.K. (TAMIL)

<i>Di akhir</i>				<i>Bilangan Tercicir</i>				
				1967	1968	1969	1970	1971
Standard 1	...	...	...	25	275	473	638	415
Standard 2	...	...	...	668	504	896	1,010	1,036
Standard 3	...	...	...	960	950	1,258	1,469	1,519
Standard 4	...	...	...	1,329	1,430	1,927	1,963	1,914
Standard 5	...	...	...	1,366	1,934	2,096	1,842	1,776
Standard 6	...	...	...	2,391	2,810	3,183	3,524	3,365

#### **Yuran-yuran Sekolah Menengah Rendah**

**9. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau telah menerima permintaan-permintaan dari Persidangan Kebangsaan Ketua-ketua Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia Barat, yang telah bermesyuarat di Melaka pada akhir bulan Jun, mendesak Kerajaan menghapuskan yuran-yuran sekolah menengah rendah untuk membolehkan setiap orang kanak-kanak Malaysia bersekolah sehingga berumur 15 tahun; dan nyatakan samada Kementerian ini akan menubuhkan suatu jawatankuasa untuk mengkaji penerimaan cadangan seperti itu.

**Tuan Hussein bin Onn:** Saya telah menerima usul-usul yang dibuat dalam Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Malaysia Barat, 1972, tetapi perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak termasuk dalam usul-usul tersebut.

#### **Sekolah Izzuddin Shah/Sekolah Perempuan Raja Taayah**

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau telah mengambil alih Sekolah Izzuddin Shah dan Sekolah Perempuan Raja Taayah di Ipoh, dan jika tidak, nyatakan kedudukan sekolah-sekolah tersebut berhubung dengan pengambilan alih oleh Kementerian beliau.

**Tuan Hussein bin Onn:** Pentadbiran sekolah-sekolah tersebut adalah dibawah Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran belum menerima sebarang permohonan untuk sekolah-sekolah tersebut diambil alih oleh Kementerian Pelajaran.

#### **Fakulti Pertanian di Universiti Malaya**

**11. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab Fakulti Pertanian di Universiti Malaya ditutup.

**Tuan Hussein bin Onn:** Fakulti Pertanian di Universiti Malaya akan ditutup kerana penubuhan Universiti Pertanian Malaysia adalah berasaskan penyatuan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, dan Kolej Pertanian Serdang. Walau bagaimana pun penutupan itu adalah dibuat berperingkat-peringkat. Pada tahun 1973/74

mithalnya Fakulti Pertanian tidak akan lagi mengambil penuntut-penuntut tahun I, tetapi kursus-kursus aliran lain akan berjalan.

#### **Jawi—Guru-guru Mengajar**

**12. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang aduan oleh Kesatuan Kebangsaan Guru-guru yang 50 peratus guru-guru yang mengajar Jawi di sekolah-sekolah rendah tidak berapa pandai untuk mengajar perkara tersebut kerana mereka tidak pun mempunyai apa-apa latihan rasmi di dalam mengajar Jawi, dan terdapat keadaan-keadaan di mana "Waktu mengajar Jawi dijadikan guru-guru mempelajari dari murid-murid", dan nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menentukan yang setiap guru yang mengajar Jawi adalah terdiri daripada mereka yang berkebolehan dan ber-kelayakan.

**Tuan Hussein bin Onn:** Kementerian Pelajaran sedar bahawa ada sebilangan kecil guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang tidak tahu Jawi dan ada yang tahu Jawi tetapi tidak berapa pandai untuk mengajar perkara itu. Ketua-Ketua Pegawai Pelajaran telah diarahkan mengadakan kursus mengajar Tulisan/Bacaan Jawi pada hujung minggu kepada guru-guru tersebut supaya mereka dapat mengajar pelajaran Jawi kepada murid-murid dengan lebih sempurna lagi. Semenjak tahun 1970 guru-guru bukan-Melayu yang menjalani kursus Latihan Semula Bahasa Malaysia dan semua bakal guru di Maktab-Maktab Perguruan Sekolah Rendah diajar Tulisan/Bacaan Jawi. Mulai tahun 1971 Kursus bagi Kakitangan Penting (Key Personnel) dalam mengajar Sukatan Pelajaran Baru Bahasa Malaysia Untuk Sekolah Rendah (1970) termasuk Kaedah Mengajar Jawi telah dijalankan.

#### **Peperiksaan Penilaian Darjah V**

**13. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai nama-nama sekolah yang mempunyai kegagalan 100% di Peperiksaan Penilaian Darjah V pada tahun 1971 dengan menyatakan bilangan murid-murid Darjah V di tiap-tiap sekolah tersebut.

Senarai nama-nama sekolah tersebut adalah seperti berikut:

**SELANGOR**

*Nama Sekolah (Bahasa Perantaraan: Bahasa Malaysia)*

1. Sek. Kebangsaan Kaum Asli Bukit Lanjan, Kuala Lumpur, Selangor.
2. Sekolah Kebangsaan Sg. Serai, Ulu Selangor, Selangor.
3. Sekolah Kebangsaan Kaum Asli, Bukit Manchong, Selangor.
4. Sekolah Kebangsaan Kaum Darat, Kuala Kubu Bharu, Selangor.
5. Sekolah Kebangsaan Kg. Kuala Pajam, Semenyih, Selangor.
6. Sekolah Kebangsaan Kg. Asli, Busut Sepang, Nilai, Selangor.
7. Sekolah Kebangsaan Bukit Bangkong, Sepang, Selangor.
8. Sekolah Kebangsaan Bukit Kemandul, Klang, Selangor.
9. Sekolah Kebangsaan Asli Bukit Cheding, K. Langat, Selangor.
10. Sekolah Kebangsaan Sg. Bumbun, Port Swettenham, Selangor.
11. Sekolah Kebangsaan Sungai Judah, Port Swettenham, Selangor.
12. Sekolah Kebangsaan Bukit Tadam, Kuala Langat, Selangor.
13. Sekolah Kebangsaan Lobok Pusing, Sabak Bernam, Selangor.
14. Sekolah Kebangsaan Tanjong Jawa, Sabak Bernam, Selangor.
15. Sekolah Kebangsaan Tebok Jawa, Sabak Bernam, Selangor.
16. Sek. Ren. Jen. Keb. (Ing) Satu, Kelang, Selangor.

**NEGERI SEMBILAN**

1. Sekolah Kebangsaan Kampong Ladang Gemas, Negeri Sembilan.
2. Sekolah Kebangsaan Dato Undang Abdullah, Jelebu, Negeri Sembilan.
3. Sek. Kebangsaan Ayer Kuning Selatan, Gemas, Negeri Sembilan.

**MELAKA**

1. Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Diamond Jubilee, Jasin, Melaka.

**JOHORE**

1. Sek. Keb. Perempuan Kampong Bahru, Johor Bahru, Johor.
2. Sekolah Kebangsaan Pasir Puteh, Johor Bahru, Johor.
3. Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor.
4. Sekolah Kebangsaan Tanjong Langsat, Masai, Johor.
5. Sekolah Kebangsaan Kopok, Masai, Johor.
6. Sekolah Kebangsaan Tebing Runtoh, Johor Bahru, Johor.
7. Sekolah Kebangsaan Kongkong Laut, Masai, Johor.
8. Sekolah Kebangsaan Semangar, Kota Tinggi, Johor.
9. Sekolah Rendah Kebangsaan Sempang, Kota Tinggi, Johor.
10. Sekolah Kebangsaan Sedili Kechil, Kota Tinggi, Johor.
11. Sekolah Kebangsaan Kampong Lepau, Kota Tinggi, Johor.
12. Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, Kota Tinggi, Johor.
13. Sekolah Kebangsaan Nam Heng, Kota Tinggi, Johor.
14. Sekolah Kebangsaan Sungai Rengit, Pengerang, Johor.
15. Sekolah Kebangsaan Orang Asli Kampong Jorak, Endau, Johor.
16. Sekolah Kebangsaan Telok Sari, Endau, Johor.
17. Sekolah Kebangsaan Tanjong Resang, Mersing, Johor.
18. Sek. Kebangsaan Pulau Sibul, Mersing, Johor.

19. Sekolah Kebangsaan Pulau Aur, Mersing, Johor.
20. Sekolah Kebangsaan Seri Bukit Panjang, Pekan Nanas, Johor.
21. Sekolah Kebangsaan Permas Kelapa, Pontian, Johor.
22. Sekolah Kebangsaan Sungai Boh, Pontian, Johor.
23. Sekolah Kebangsaan Perempuan Seri Kilat, Batu Pahat, Johor.
24. Sekolah Kebangsaan Seri Nasib Baik, Batu Pahat, Johor.
25. Sekolah Kebangsaan Seri Perpat, B. Pahat, Johor.
26. Sekolah Kebangsaan Sungai Nipah, Batu Pahat, Johor.
27. Sekolah Kebangsaan Panjang Sari, Pagoh, Muar, Johor.
28. Sekolah Kebangsaan Liang Batu, Muar, Johor.
29. Sekolah Kebangsaan Belemang, Serom, Muar, Johor.
30. Sekolah Kebangsaan Parit Bulat, Muar, Johor.
31. Sekolah Kebangsaan Ayer Manis Estate, Muar, Johor.
32. Sekolah Kebangsaan Perempuan Bandar Segamat, Segamat, Johor.
33. Sekolah Kebangsaan Monsudut Pindah, Segamat, Johor.
34. Sekolah Kebangsaan Sawah Bahru, Segamat, Johor.
35. Sekolah Kebangsaan Ladang Southern Malay, Kluang, Johor.
36. Sekolah Kebangsaan Seri Bulan, Kluang, Johor.
37. Sekolah Kebangsaan Seri Pasir Puteh, Yong Peng, Johor.
38. Sekolah Temenggong Abdul Rahman (2) Johor Bahru, Johor.
39. Sekolah Rendah Limpoon (2) Batu Pahat, Johor.

#### PAHANG

1. Sekolah Kebangsaan Cheroke Paloh, Kuantan, Pahang.
2. Sekolah Kebangsaan Ubai, Pekan, Pahang.
3. Sekolah Kebangsaan Pejing, Temerloh, Pahang.
4. Sekolah Kebangsaan Sungai Miang, Pekan, Pahang.
5. Sekolah Kebangsaan Pulau Manis, Pekan, Pahang.
6. Sekolah Kebangsaan Pelak, Pekan, Pahang.
7. Sekolah Kebangsaan Bintang, Temerloh, Pahang.
8. Sek. Kebangsaan Pasir Mandi, Mentakab, Pahang.
9. Sekolah Kebangsaan Batu Sawar, Temerloh, Pahang.
10. Sek. Kebangsaan Gunung Senyum, Mentakab, Pahang.
11. Sekolah Kebangsaan Batu Papan, Triang, Pahang.
12. Sekolah Kebangsaan Bukit Rok, Temerloh, Pahang.
13. Sekolah Kebangsaan Tanah Rom, Jerantut, Pahang.
14. Sekolah Kebangsaan Bukit Dinding, Jerantut, Pahang.
15. Sekolah Kebangsaan Durian Hijau, Jerantut, Pahang.
16. Sekolah Kebangsaan Pasir Durian, Jerantut, Pahang.
17. Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan, Jerantut, Pahang.
18. Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang.
19. Sekolah Kebangsaan Bukit Mat Darling, Jerantut, Pahang.
20. Sekolah Kebangsaan Gusai, Jerantut, Pahang.
21. Sekolah Kebangsaan Pamah Kulat, Raub, Pahang.
22. Sekolah Kebangsaan Sementan, Ulu Raub, Pahang.
23. Sekolah Kebangsaan Ulu Sungai, Raub, Pahang.
24. Sekolah Kebangsaan Kampong Sertek, Bentong, Pahang.
25. Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Bentong, Pahang.
26. Sekolah Kebangsaan Kampong Shafie, Bentong, Pahang.
27. Sekolah Kebangsaan Janda Baik, Bentong, Pahang.
28. Sekolah Kebangsaan Bukit Serok, Kuala Rompin, Pahang.
29. Sekolah Kebangsaan Pianggu, Rompin, Pahang.

30. Sekolah Kebangsaan Sarang Tiong, Endau, Pahang.
31. Sekolah Kebangsaan Bebar, Pekan, Pahang.
32. Sekolah Kebangsaan Mempelam, Pekan, Pahang.
33. Sekolah Kebangsaan Keratong, Rompin, Pahang.
34. Sekolah Kebangsaan Tekek, Tioman, Pahang.
35. Sekolah Kebangsaan Kedaik, Rompin, Pahang.
36. Sekolah Kebangsaan Mentelong, Rompin, Pahang.
37. Sek. Kebangsaan Kuala Medang, Kuala Lipis, Pahang.
38. Sekolah Kebangsaan Kechor Tui, Kuala Lipis, Pahang.
39. Sekolah Kebangsaan Tersang, Raub, Pahang.

## TRENGGANU

1. Sekolah Kebangsaan Jenang, Marang, Trengganu.
2. Sekolah Kebangsaan Kubu Marang, Trengganu.
3. Sekolah Kebangsaan Gondang, Kuala Trengganu, Trengganu.
4. Sek. Kebangsaan Mengabang Telipot 11, Kuala Trengganu, Trengganu.
5. Sek. Kebangsaan Kebor Besar Manir, Kuala Trengganu, Trengganu.
6. Sekolah Kebangsaan Pa'Ba, Kuala Trengganu, Trengganu.
7. Sek. Kebangsaan Merbau Menyusut, Kuala Trengganu, Trengganu.
8. Sek. Kebangsaan Kampong Kasar, Kuala Trengganu, Trengganu.
9. Sekolah Kebangsaan Pelong, Kuala Trengganu, Trengganu.
10. Sekolah Kebangsaan Bukit Mundok, Kuala Trengganu, Trengganu.
11. Sekolah Kebangsaan Bukit Putera, Kuala Trengganu, Trengganu.
12. Sekolah Kebangsaan Pauh, Ulu Trengganu, Trengganu.
13. Sekolah Kebangsaan Lerek, Ulu Trengganu, Trengganu.
14. Sekolah Kebangsaan Bukit Apit, Ulu Trengganu, Trengganu.
15. Sekolah Kebangsaan Langgar, Ulu Trengganu, Trengganu.
16. Sekolah Kebangsaan Getang, Ulu Trengganu, Trengganu.
17. Sekolah Kebangsaan Bukit Gemuroh, Ulu Trengganu, Trengganu.
18. Sekolah Kebangsaan Matang, Ulu Trengganu, Trengganu.
19. Sekolah Kebangsaan Tengawang, Ulu Trengganu, Trengganu.
20. Sekolah Kebangsaan Menerong, Ulu Trengganu, Trengganu.
21. Sekolah Kebangsaan Pereh, Ulu Trengganu, Trengganu.
22. Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh, Ulu Trengganu, Trengganu.
23. Sekolah Kebangsaan Kuala Jenderis, Ulu Trengganu, Trengganu.
24. Sekolah Kebangsaan Padang Setebu, Ulu Trengganu, Trengganu.
25. Sekolah Kebangsaan Teris, Ulu Trengganu, Trengganu.
26. Sekolah Kebangsaan Cheting, Ulu Trengganu, Trengganu.
27. Sekolah Kebangsaan Nibong, Ulu Trengganu, Trengganu.
28. Sekolah Kebangsaan Kuala Dura, Ulu Trengganu, Trengganu.
29. Sekolah Kebangsaan Tapah, Ulu Trengganu, Trengganu.
30. Sekolah Kebangsaan Bukit Tadok, Ulu Trengganu, Trengganu.
31. Sekolah Kebangsaan Kemat, Ulu Trengganu, Trengganu.
32. Sekolah Kebangsaan Lubok Periok, Ulu Trengganu, Trengganu.
33. Sekolah Kebangsaan Betong Ajil, Ulu Trengganu, Trengganu.
34. Sekolah Kebangsaan Kg Oh Jabi, Jerteh, Trengganu.
35. Sekolah Kebangsaan Kuala Kubang, Jerteh, Trengganu.
36. Sekolah Kebangsaan Tempinis, Jerteh, Trengganu.
37. Sekolah Kebangsaan Guntong Dalam, Besut, Trengganu.

38. Sekolah Kebangsaan Kampong Besut, Besut, Trengganu.
39. Sekolah Kebangsaan Ayer Terjun, Jerleh, Trengganu.
40. Sekolah Kebangsaan Keruak, Jerleh, Trengganu.
41. Sekolah Kebangsaan Kg. Baharu Tok Dor, Jerleh, Trengganu.
42. Sekolah Kebangsaan Seberang Tayor, Kemaman, Trengganu.
43. Sekolah Kebangsaan Telok Mengkuang, Kemaman, Trengganu.
44. Sekolah Kebangsaan Telok Kalong, Kemaman, Trengganu.
45. Sekolah Kebangsaan Ayer Jerneh, Kemaman, Trengganu.
46. Sekolah Kebangsaan Pasir Raja, Ulu Dungun, Trengganu.
47. Sekolah Kebangsaan Kg. Wa, Dungun, Trengganu.
48. Sekolah Kebangsaan Kuala Jengal, Ulu Dungun, Trengganu.
49. Sekolah Kebangsaan Tebing Tembah, Dungun, Trengganu.
50. Sekolah Kebangsaan Durian Mentangau, Dungun, Trengganu.
51. Sekolah Kebangsaan Minda Talong, Dungun, Trengganu.
52. Sekolah Kebangsaan Kampong Shukor, Dungun, Trengganu.
53. Sekolah Kebangsaan Santong, Dungun, Trengganu.
54. Sekolah Kebangsaan Lintang, Ulu Dungun, Trengganu.
55. Sekolah Kebangsaan To' Kah, Dungun, Trengganu.
56. Sekolah Kebangsaan Keluang, Besut, Trengganu.
57. Sekolah Kebangsaan Kuala Setiu, Setiu, Trengganu.
58. Sekolah Kebangsaan Gong Bayor, Besut, Trengganu.
59. Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian, Besut, Trengganu.

#### KELANTAN

1. Sekolah Tengku Indra Petra, Kota Bharu, Kelantan.
2. Sekolah Kebangsaan Padang Halban, Kota Bharu, Kelantan.
3. Sekolah Kebangsaan Kok Keli, Palek bang, Kelantan.
4. Sekolah Kebangsaan Telok Jering, Tumpat, Kelantan.
5. Sekolah Kebangsaan Bendang Pa'Yong, Tumpat, Kelantan.
6. Sekolah Kebangsaan Banggol Chicha, Pasir Mas, Kelantan.
7. Sekolah Kebangsaan Baroh Pial, Pasir Mas, Kelantan.
8. Sekolah Kebangsaan Kampong Bharu, Pasir Mas, Kelantan.
9. Sekolah Kebangsaan Banggol Petai, Pasir Mas, Kelantan.
10. Sekolah Kebangsaan Bukit Perah, Pasir Mas, Kelantan.
11. Sekolah Kebangsaan Belimbing, Tanah Merah, Kelantan.
12. Sekolah Kebangsaan Bendang Nyior, Tanah Merah, Kelantan.
13. Sekolah Kebangsaan Kelewek, Tanah Merah, Kelantan.
14. Sekolah Kebangsaan Kuala Tiga, Tanah Merah, Kelantan.
15. Sekolah Kebangsaan Ulu Kusial, Tanah Merah, Kelantan.
16. Sekolah Kebangsaan Gual Jedok, Tanah Merah, Kelantan.
17. Sekolah Kebangsaan Pendok, Tanah Merah, Kelantan.
18. Sekolah Kebangsaan Kalai, Tanah Merah, Kelantan.
19. Sekolah Kebangsaan Sungai Embak, Kuala Krai, Kelantan.
20. Sekolah Kebangsaan Kuala Nal, Ulu Kelantan, Kelantan.
21. Sekolah Kebangsaan Peria, Ulu Kelantan, Kelantan.
22. Sekolah Kebangsaan Temalir, Kuala Krai, Kelantan.
23. Sekolah Kebangsaan Laloh, Ulu Kelantan, Kelantan.
24. Sekolah Kebangsaan Pasir Tumboh, Ulu Kelantan, Kelantan.
25. Sekolah Kebangsaan Star, Ulu Kelantan, Kelantan.
26. Sekolah Kebangsaan Kubor Datu (Setap), Ulu Kelantan, Kelantan.
27. Sekolah Kebangsaan Lubok Bongor, Ulu Kelantan, Kelantan.
28. Sekolah Kebangsaan Gemalah, Ulu Kelantan, Kelantan.

29. Sekolah Kebangsaan Kuala Yai, Ulu Kelantan, Kelantan.
30. Sekolah Kebangsaan Kuala Betis, Ulu Kelantan, Kelantan.
31. Sekolah Kebangsaan Lambok, Ulu Kelantan, Kelantan.
32. Sekolah Kebangsaan Belau, Ulu Kelantan, Kelantan.
33. Sekolah Kebangsaan Pos Brooke, Ulu Kelantan, Kelantan.
34. Sekolah Kebangsaan Pangkal Ma' Wan, Machang, Kelantan.
35. Sekolah Rendah Kebangsaan Ayer Merah, Machang, Kelantan.
36. Sekolah Kebangsaan Kg. Kerilla Temangan, Machang, Kelantan.
37. Sekolah Kebangsaan Sokor, Tanah Merah, Kelantan.
38. Sekolah Kebangsaan Dewan Besar, Kumpulan Machang, Kelantan.
39. Sekolah Kebangsaan Kulim, Pasir Puteh, Kelantan.
40. Sekolah Kebangsaan Kg. Nara, Pasir Puteh, Kelantan.
41. Sekolah Kebangsaan Kampong Kandis, Pasir Puteh, Kelantan.
42. Sekolah Kebangsaan Bukit Tanah, Pasir Puteh, Kelantan.
43. Sekolah Kebangsaan To'Bali, Pasir Puteh, Kelantan.
44. Sekolah Kebangsaan Bakong, Bachok, Kelantan.

#### KEDAH

1. Sekolah Kebangsaan Ewa, Langkawi, Kedah.
2. Sekolah Kebangsaan Kedawang, Langkawi, Kedah.
3. Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Kedah.
4. Sekolah Kebangsaan Datin Fatimah, Kuala Nerang, Kedah.
5. Sekolah Kebangsaan Kurong Hitam, Kuala Nerang, Kedah.
6. Sekolah Kebangsaan Nai Teh, Kuala Nerang, Kedah.
7. Sekolah Kebangsaan Nami, Alor Star, Kedah.
8. Sekolah Kebangsaan Padang Durian, Alor Star, Kedah.
9. Sekolah Kebangsaan Padang Sanai, Kuala Nerang, Kedah.
10. Sekolah Kebangsaan Tualak, Kuala Nerang, Kedah.
11. Sekolah Kebangsaan Permatang Gunong, Alor Star, Kedah.
12. Sekolah Kebangsaan Lengkuas, Alor Star, Kedah.
13. Sekolah Kebangsaan Paya Rawa, Kota Setar 11, Kedah.
14. Sekolah Kebangsaan Padang Peliang, Sungai Tiang, Kedah.
15. Sekolah Kebangsaan Tok Keling, Alor Setar, Kedah.
16. Sekolah Kebangsaan Bukit Genting, Gurun, Kedah.
17. Sekolah Kebangsaan Kampong Jawa, Alor Setar, Kedah.
18. Sekolah Kebangsaan Kuala Rimau, Bt. Jenun, Kedah.
19. Sekolah Kebangsaan Sg. Dedap, Alor Star, Kedah.
20. Sekolah Kebangsaan Sg. Daun Tengah, Alor Star, Kedah.
21. Sekolah Kebangsaan Pulau Chapa, Kubang Pasu, Kedah.
22. Sekolah Kebangsaan Permatang, Ayer Hitam, Alor Star, Kedah.
23. Sekolah Kebangsaan Chepir, Sik, Kedah.
24. Sekolah Kebangsaan Gulau, Sik, Kedah.
25. Sekolah Kebangsaan Kampong Betong, Jeneri, Kedah.
26. Sekolah Kebangsaan Kg. Kota, Bukit Jeneri, Kedah.
27. Sekolah Rendah (Inggeris) Sik, Sik, Kedah.
28. Sekolah Kebangsaan Sungai Batang, Sik, Kedah.
29. Sekolah Kebangsaan Ladang Kuala Ketil, Kuala Ketil, Kedah.
30. Sekolah Kebangsaan Teloi, Kuala Ketil, Kedah.
31. Sekolah Kebangsaan Kampong Sadek, Baling, Kedah.
32. Sekolah Kebangsaan Kuala Samak, Kuala Ketil, Kedah.
33. Sekolah Kebangsaan Badang, Karangan, Kedah.



## PERAK

1. Sekolah Kebangsaan Ulu Mengkuang, Selama, Perak.
2. Sekolah Kebangsaan Matang Gelugor, Matang, Perak.
3. Sekolah Kebangsaan Kuak, Hulu Kroh, Perak.
4. Sekolah Kebangsaan Klian Intan, Klian Intan, Perak.
5. Sekolah Kebangsaan Bongor, Grik, Perak.
6. Sekolah Kebangsaan Temengor, Grik, Perak.
7. Sekolah Kebangsaan Periang, Karai-Enggor, Perak.
8. Sekolah Kebangsaan Ulu Ribu, Enggor, Perak.
9. Sekolah Kebangsaan Sahom, Kampar, Perak.
10. Sekolah Kebangsaan Lengkuas, Parit, Perak.
11. Sekolah Kebangsaan Sungai Ranggum, Teluk Anson, Perak.
12. Sekolah Kebangsaan Sungai Jejawi, Teluk Anson, Perak.
13. Sekolah Kebangsaan Tapak Semenang, Teluk Anson, Perak.
14. Sekolah Kebangsaan Tanjong Bidara, Parit, Perak.
15. Sekolah Kebangsaan Jandarata, Teluk Anson, Perak.
16. Sekolah Kebangsaan Sungai Keli, Hutan Melintang, Perak.
17. Sekolah Kebangsaan Ulu Bernam, Hilir Perak, Perak.
18. Sekolah Kebangsaan Batu Tujoh, Tapah, Perak.
19. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Ing) Ipoh, Perak.
20. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Ing) Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak.

## SELANGOR

*Nama Sekolah (Bahasa Perantaraan: Bahasa China)*

1. Sek. Ren. Jen. Keb. Choong Chee, Ulu Yam Lama, Selangor.
2. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Choon Hwa, Ulu Langat, Selangor.
3. SRJK Wu Teck (C) Port Swettenham, Selangor.
4. SRJK Lee Min (CH) Port Swettenham, Selangor.
5. SRJK (C) Yit Khwan Bagan, T. Karang, K. Selangor, Selangor.
6. SRJK (C) Bagan Pasir, K. Selangor, Selangor.
7. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Moon Teck, Sabak Bernam, Selangor.

## NEGERI SEMBILAN

1. SRJK (C) Kg. Baru, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
2. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Yuk Hua, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
3. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Ladang Kelpin, Bahau, N. Sembilan.
4. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Chun Yin, Titi, N. Sembilan.
5. 8th Mile Labu New Village N.T.P. (C) Labu, Negeri Sembilan.

## MELAKA

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Chiao Chee, Jasin, Melaka.
2. Sekolah China Jasin Lalang, Jasin, Melaka.

## JOHOR

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Kelan, Kulai, Johor.
2. SRJK (C) Chee Tong, Masai, Johor.
3. SRJK Pei Cheng, Pengerang, Johor.
4. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Mawai, Kota Tinggi, Johor.
5. Sek. Ren. Jen. Keb. (Ch) Tg. Serindit, Kota Tinggi, Johor.

6. SRJK Pei Chiao, Pontian, Johor.
7. Sek. Ken Boon, Kukup, Pontian, Johor.
8. SRJK (China) Lok Yu Chw 2, Parit Tujoh, Benut, Johor.
9. SRJK (China) Lok Yu (3), Benut, Pontian, Johor.
10. SRJK (Ch) Lok Yu (4), Parit Lubok Sipat, Benut, Johor.
11. SRJK (Ch) Lok Yu (6), Parit Getah, Benut, Johor.
12. Sek. Ren. Jen. Keb. (Ch) Chong Hwa, Batu Pahat, Johor.
13. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Yani, Yong Peng, Johor.
14. Sek. Ren. Jen. Keb. (Ch) Ming Chih, Batu Pahat, Johor.
15. SRJK (C) Chin Bee, Kluang, Johor.
16. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Tambang, Segamat, Johor.

**PAHANG**

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Panching, Kuantan, Pahang.
2. Sek. Ren. Jen. Keb. (Ch) Pooi Ming, Kuantan, Pahang.
3. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Maran, Kuantan, Pahang.
4. SRJK (Ch) Kuala Terla, Cameron Highlands, Pahang.
5. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Tras, Raub, Pahang.
6. Sek. Ren. Jen. Keb. (Ch) Kemasul, Mengkarak, Pahang.
7. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Kheng Chee, Bentong, Pahang.
8. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Yeow Cheng Luan, Mentakab, Pahang.

**TRENGGANU**

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Min Sin, Marang, Trengganu.

**KEDAH**

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Nan Kwang, Kota Setar, Kedah.
2. Sekolah Rendah Lin Khay Jen. Keb. (C) Kuala Sala, Kedah.
3. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Peng Min, Kuala Ketil, Kedah.
4. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Poay Chai, Lubok Buntar, Kedah.

**PENANG**

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Hun Bin, Tanjong Tokong, Pulau Pinang.
2. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Yok Eng, Sg. Udang, Nibong Tebal, S. Perai.
3. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Foay Hwa, Sg. Bakau, N. Tebal, S. Perai.

**PERAK**

1. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Tsin Hua, Taiping, Perak.
2. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Alor Pongsu, Krian, Perak.
3. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Union, Taiping, Perak.
4. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Poay Chee, Taiping, Perak.
5. SRJK (C) Simpang Jalong, Sungai Siput, (U), Perak.
6. SRJK (C) Yen Min, Bagan, Panchor, Perak.
7. SRJK (C) Yuh Hua, Ipoh, Perak.
8. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) St. Michael & All Angels, Ipoh, Perak.
9. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Papan, Papan, Perak.
10. SRJK Sin Min (C) Sungei Siput (S), Kampar, Perak.
11. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Bukit Pagar, Tapah, Perak.
12. Sek. Ren. Jen. Keb. (China) Kampong Pahang, Tapah, Perak.
13. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Pekan Getah, Tapah Road, Perak.

14. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Tanah Mas, Bidor, Perak.
15. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Kuala Bikam, Bidor, Perak.
16. SRJK (C) Pelawan, Langkap, Perak.
17. Sek. Ren. Jen. Keb. (C) Sin Min, Bagan Datoh, Perak.

## SELANGOR

(Nama Sekolah Bahasa Perantaraan: Bahasa Tamil)

1. SRJK (Tamil) Ladang Effingham, Kuala Lumpur, Selangor.
2. SRJK (Tamil) Thamboosamy Pillai, Kuala Lumpur, Selangor.
3. NTP School (Tamil) Wardieburn Estate, Kuala Lumpur, Selangor.
4. SRJK (Tamil) Ladang Glenmarie, Klang, Selangor.
5. SRJK (Tamil) Ladang Dominion, Semenyih, Selangor.
6. Sek. Ren. Jen. Keb. (T) Ladang Semenyih, Selangor.
7. SRJK (T) Ladang West Country, Kajang, Selangor.
8. SRJK (T) Ladang Serdang, Sungei Besi, Selangor.
9. SRJK (Tamil) Ladang West Country (Timor), Kajang, Selangor.
10. SRJK (T) Ladang Sungei Rinching, Semenyih, Selangor.
11. SRJK (T) Ladang Bhutan, Nilai, Selangor.
12. SRJK (T) Ladang Bristol, Kuang, Selangor.
13. SRJK (T) Batu Arang, Ulu Selangor, Selangor.
14. SRJK (T) Ladang Sungai Belata, Kerling, Selangor.
15. SRJK (T) Ladang Changkat ASA, Tanjong Malim, Selangor.
16. SRJK (T) Ghandiji, Sekinchan, Selangor.
17. SRJK (T) Ladang Bukit Panjong, Jeram, Selangor.
18. SRJK (T) Ladang Jeram, Jeram, Selangor.
19. SRJK (T) Ladang Hopeful, Batang Berjuntai, Selangor.
20. SRJK (T) Ladang Kuala Selangor, Bukit Rotan, Selangor.
21. SRJK (T) Ladang Caledonian, Sungei Buloh, Selangor.
22. SRJK (T) Ladang Tuan Mee, Sungei Buloh, Selangor.
23. SRJK (T) Ladang Highlands, Kelang, Selangor.
24. SRJK (T) Rasak, Ladang Rasak, Kelang, Selangor.
25. SRJK (T) Ladang Athlone, Kapar, Kelang, Selangor.
26. SRJK (T) Ladang Getah Ebor, Batu Tiga, Kelang, Selangor.
27. SRJK (T) Ladang Selatan Port Swettenham, Selangor.
28. SRJK (T) Ladang Bukit Cheeding, Banting, Selangor.
29. SRJK (T) Ladang Jugra, Banting, Selangor.
30. SRJK (T) Ladang Brooklands, Bhg. A, Banting, Selangor.
31. SRJK (T) Ladang Permatang, Banting, Selangor.
32. SRJK (T) Ladang Tumbuk, Tanjong Sepat, Selangor.
33. SRJK (T) Ladang Batu Ampat, Kelang, Selangor.
34. SRJK (T) Ladang Bukit Kamuning, Kelang, Selangor.

## NEGERI SEMBILAN

1. SRJK (T) Ladang Cairo, Nilai, Negeri Sembilan.
2. SRJK (T) Bhg. Jindaram, Nilai, Negeri Sembilan.
3. SRJK (T) St. Leonards Div., Port Dickson, Negeri Sembilan.
4. SRJK (T) Bahagian Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan.
5. SRJK (T) Ladang Sua Grensing, Rantau, Negeri Sembilan.

6. SRJK (T) Ladang Linsum, Rantau, Negeri Sembilan.
7. SRJK (T) Bukit Bertam Estate, Rantau, Negeri Sembilan.
8. SRJK (T) Tampin, Linggi Estate, Rantau, Negeri Sembilan.
9. SRJK (T) Mukundan, Seremban, Negeri Sembilan.
10. SRJK (T) Gemas, Gemas, Negeri Sembilan.
11. SRJK (T) Ladang Sungei Kelemah, Gemas, Negeri Sembilan.
12. SRJK (T) Kirby, Labu, Negeri Sembilan.
13. SRJK (T) Batu Hampar Estate, Rembau, Negeri Sembilan.
14. SRJK (T) Kuala Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
15. SRJK (T) Ladang Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
16. SRJK (T) Ladang Jeram Padang, Bahau, Negeri Sembilan.
17. SRJK (T) Ladang Atherton, Siliau, Negeri Sembilan.
18. SRJK (T) Ladang Sungai Salak, Siliau, Negeri Sembilan.
19. SRJK (T) Ladang Bukit Keledok, Jasin, Melaka.

#### MELAKA

1. SRJK (T) Paya Rumpit, Paya Rumpit, Melaka.
2. SRJK (T) Ladang Bukit Kajang, Bemban, Melaka.
3. Diamond Jubilee Estate (Home Div) Tamil School, Jasin, Melaka.
4. SRJK Diamond Jubilee, Jasin, Melaka.
5. SRJK (T) Ladang Pegoh, Alor Gajah, Melaka.
6. SRJK (T) Ladang Gadek, Pulau Sebang, Melaka.
7. SRJK (T) Ladang Kemuning, Bahagian Kru, Tebong, Melaka.
8. SRJK (T) Sungai Bharu Estate, Masjid Tanah, Melaka.
9. SRJK (T) Ladang Sungei Bahru, Lubok China, Melaka.
10. SRJK (T) Ladang Tebong, Tebong, Melaka.
11. SRJK (T) Batang Melaka, Batang Melaka, Melaka.

#### JOHORE

1. SRJK (T) Ladang Sungai Papan, Johor.
2. SRJK (T) Ladang Mount Austin, Johor Bahru, Johor.
3. SRJK (T) Ladang Terbrau, Johor Bahru, Johor.
4. SRJK (T) Ladang Joo Sin, Johor Bahru, Johor.
5. SRJK (T) Ladang Permas, Johor Bahru, Johor.
6. SRJK (T) Ladang Tong Hing, Masai, Johor.
7. SRJK (T) Ladang Telok Sengat, K. Tinggi, Johor.
8. SRJK (T) Ladang Getah Kim Loong, Ulu Tiram, Johor.
9. SRJK (T) Ladang Chye Seng (Div 3), Ulu Tiram, Johor.
10. SRJK (T) Ladang Nam Heng, K. Tinggi, Johor.
11. SRJK (T) Pasak Estate, Kota Tinggi, Johor.
12. SRJK (T) Jalan Ismail, Mersing, Johor.
13. SRJK (T) Ladang Buan Heng, Scudai, Johor.
14. SRJK (T) Ladang Kukub, Pontian, Johor.
15. SRJK (T) Ladang Kulai Oil Palm, Kulai, Johor.
16. SRJK (T) Ladang Sendenak, Johor Bahru, Johor.
17. SRJK (T) Merlimau Pegoh Berhad, Layang<sup>2</sup>, Johor.
18. SRJK (T) Ladang Yong Peng, Yong Peng, Johor.
19. SRJK (T) Ladang Pogoh, Segamat, Johor.
20. SRJK (T) Ladang Segamat, Segamat, Johor.
21. SRJK (T) Ladang Muar River, Segamat, Johor.
22. SRJK (T) Ladang Sagil, Tangkak, Johor.

23. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Muar, Johor.
24. SRJK (T) Ladang Ayer Manis, Muar, Johor.
25. SRJK (T) Ladang Craigilea, Muar, Johor.
26. SRJK (T) Ladang Pengkalan Bukit, Muar, Johor.
27. SRJK (T) Ladang Nordanal, Muar, Johor.
28. SRJK (T) Ladang Temiang, Renchong, Muar, Johor.

**PAHANG**

1. SRJK (T) Ladang Jeram Kuantan, Kuantan, Pahang.
2. SRJK (T) Ladang Gali, Raub, Pahang.
3. SRJK (T) Bandar Jerantut, Jerantut, Pahang.
4. SRJK (T) Ladang Boh (II), Cameron Highlands, Pahang.
5. SRJK (T) Ladang Boh III, Cameron Highlands, Pahang.
6. SRJK (T) Ladang Blue Valley, Cameron Highlands, Pahang.
7. SRJK (T) Ladang Mentakab, Mentakab, Pahang.
8. SRJK (T) Ladang Sungei Tekal, Mentakab, Pahang.
9. SRJK (T) Ldg Yeow Cheng Luan, Mentakab, Pahang.
10. SRJK (CH) Sg Penjuring, Bentong, Pahang.
11. SRJK (T) Ladang Mentri, Triang, Pahang.
12. SRJK (CH) Bhg Tamil Sungei Jerik, Jerantut, Pahang.
13. SRJK (T) Ldg Ng Teong Kiat, Cameron Highlands, Pahang.
14. SRJK (C) Kemayan (Bhg Tamil), Temerloh, Pahang.

**KEDAH**

1. SRJK (T) Ladang Sungei Raya, Pulau Langkawi, Kedah.
2. SRJK (T) Ladang Changloon, Jitra, Kedah.
3. SRJK (T) Ladang Kuala Muda Bahagian KMS, Sungei Patani, Kedah.
4. SRJK (T) Ldg Scarboro, Sungai Patani, Kedah.
5. Sekolah Tamil Ladang Baling, Kuala Ketil, Kedah.
6. SRJK (T) Ladang Kim Seng, Kuala Ketil, Kedah.
7. SRJK (T) Ladang Katumba, Kuala Ketil, Kedah.
8. SRJK (T) Ladang Anak Kulim, Kulim, Kedah.
9. SRJK (T) Ladang Selama, Serdang, Kedah.

**PULAU PINANG**

1. Rajaji Tamil School Kampong Baharu, Penang.
2. SRJK (T) Ladang Glugor, Sungai Ara, Pulau Pinang.
3. SRJK (T) Ladang Prye, P. Wellesley, Seberang Perai.
4. Juru Estate Tamil School Simpang Ampat, Seberang Perai.
5. SRJK (T) Ldg Batu Kawan, Simpang Empat, S. Perai.
6. SRJK (T) Permatang Tinggi, Simpang Empat, S. Perai.
7. Simpang Estate Tamil School, P. Wellesley, Seberang Perai.
8. Valdor Estate Tamil School, Sungei Bakap, S. Perai.
9. Sekolah Tamil Ladang Jawi, Sungai Bakap, Seberang Perai.
10. Byram Estate Tamil School, Nibong Tebal, Seberang Perai.
11. SRJK (T) Ldg Krian, Nibong Tebal, Seberang Perai.

**PERAK**

1. SRJK (T) Ladang Tali Ayer, Parit Buntar, Perak.
2. SRJK (T) Ladang Chersonese, Kuala Kurau, Perak.
3. SRJK (T) Ladang Jin Seng, Bagan Serai, Perak.

4. SRJK (T) Arumugam Pillai, Bagan Serai, Perak.
5. SRJK (T) Ladang Holyrood, Selama, Perak.
6. SRJK (T) Ladang Malaya, Selama, Perak.
7. SRJK (T) Ladang Seldings, Selama, Perak.
8. SRJK (T) Ladang Stoughton, Batu Kurau, Perak.
9. SRJK (T) Ladang Subur, Batu Kurau, Perak.
10. SRJK (T) Ladang Yam Seng, Taiping, Perak.
11. SRJK (T) Ladang Merchiston, Taiping, Perak.
12. SRJK (T) Ladang Batu Matang, Matang, Perak.
13. SRJK (T) Ladang Jebong, Taiping, Perak.
14. SRJK (T) Grik, Grik, Perak.
15. SRJK (T) Ladang Kota Lima, Lenggong, Perak.
16. SRJK (T) Ldg Perak River Valley, Padang Rengas, Perak.
17. SRJK (T) Enggor, Enggor, Perak.
18. SRJK (T) Ladang Sg. Siput, Sungai Siput (U), Perak.
19. SRJK (T) Pangkor, Pangkor, Perak.
20. SRJK (T) Ladang Suffolk, Sitiawan, Perak.
21. SRJK (T) Our Lady of Perpetual Succour, Dindings, Perak.
22. SRJK (T) Kampong Kayan, Sitiawan, Perak.
23. SRJK (T) Ladang Getah Glory, Pantai Remis, Perak.
24. SRJK (T) Ladang Bruas, Bruas, Perak.
25. SRJK (T) Ladang Sungei Bruas, Bruas, Perak.
26. SRJK (T) Ladang Changkat Bruas, Bruas, Perak.
27. SRJK (T) Ladang Glenealy, Parit, Perak.
28. SRJK (T) Jalan Bota, Tronoh, Perak.
29. SRJK (T) Ladang Gopeng, Kampong Kapayang, Perak.
30. SRJK (T) Ldg Kota Bahroe, Gopeng, Perak.
31. SRJK (T) Ladang Kampar, Kampar, Perak.
32. SRJK (T) Ladang Pinji, Lahat, Perak.
33. SRJK (T) Bharathy, Chenderiang, Perak.
34. SRJK (T) Ladang Sungei Klah, Sungkai, Perak.
35. SRJK (T) Slim Village, Perak.
36. SRJK (T) Ladang Sussex, Teluk Anson, Perak.
37. SRJK (T) Ladang Pembroke, Teluk Anson, Perak.
38. SRJK (T) Dato Sithambaram Pillay, Teluk Anson, Perak.
39. SRJK (T) Ladang Cicely III, Teluk Anson, Perak.
40. SRJK (T) Ladang Sabrang, Teluk Anson, Perak.
41. SRJK (T) Ladang Batak Rabbit, Teluk Anson, Perak.
42. SRJK (T) Ladang Sungei Timah, Teluk Anson, Perak.
43. SRJK (T) Ladang Edward, Teluk Anson, Perak.
44. SRJK (T) Ladang Teluk Buloh, Teluk Anson, Perak.
45. SRJK (T) Ldg Telok Bharu, Hutan Melintang, Perak.
46. SRJK (T) Ldg Flemington, Teluk Anson, Perak.
47. SRJK (T) Ladang Blenheim I, Teluk Anson, Perak.
48. SRJK (T) Ladang Perak River, Teluk Anson, Perak.

#### Peperiksaan Penilaian Darjah V

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid yang mengambil Peperiksaan Penilaian Darjah V dalam tahun 1971 dari (i) sekolah-sekolah rendah kebangsaan; (ii) sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina); (iii) sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Inggeris); (iv) sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil), dengan memberi angka-angka mengikut negeri-negeri.

**Tuan Hussein bin Onn:** Jumlah murid-murid yang mengambil Peperiksaan Nilai Darjah V dalam tahun 1971 dari sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan mengikut perantaraan bahasa ialah seperti berikut:

			<i>Perantaraan Bahasa Malaysia</i>	<i>Perantaraan Bahasa Inggeris</i>	<i>Perantaraan Bahasa China</i>	<i>Perantaraan Bahasa Tamil</i>
Bilangan Murid	...	...	93,547	52,187	60,362	10,590

Angka-angka mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>		<i>Perantaraan Bahasa Malaysia</i>	<i>Perantaraan Bahasa Inggeris</i>	<i>Perantaraan Bahasa China</i>	<i>Perantaraan Bahasa Tamil</i>
1.	Selangor	...	9,569	14,382	11,731	3,192
2.	Negeri Sembilan	...	4,840	3,414	4,158	971
3.	Melaka	...	5,112	2,932	2,894	376
4.	Johor	...	16,129	6,031	12,215	1,159
5.	Pahang	...	6,020	2,317	3,228	448
6.	Trengganu	...	7,787	722	407	—
7.	Kelantan	...	11,883	2,348	609	51
8.	Perlis	...	1,841	402	496	10
9.	Pulau Pinang	...	4,417	6,200	7,253	641
10.	Kedah	...	13,357	2,904	4,206	1,154
11.	Perak	...	12,592	10,535	13,165	2,588
	Jumlah	...	93,547	52,187	60,362	10,590

#### Peperiksaan S.P.M.

**15. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan (i) jumlah murid-murid yang mengambil peperiksaan S.P.M. dalam tahun 1971; (ii) jumlah dan peratus yang gagal; (iii) jumlah dan peratus yang gagal kerana mereka tidak lulus Bahasa Malaysia; beri angka-angka yang berlainan untuk (a) sekolah-sekolah menengah kebangsaan; dan (b) sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan.

**Tuan Hussein bin Onn:**

#### SIJIL PELAJARAN MALAYSIA, 1971

			<i>Sijil Pelajaran Malaysia (Perantaraan Bahasa Malaysia) S.P.M.</i>	<i>Sijil Pelajaran Malaysia (Perantaraan Bahasa Inggeris) M.C.E.</i>
(i) Jumlah murid yang mengambil peperiksaan pada tahun 1971	...	...	16,713	30,160
(ii) Jumlah dan peratus yang gagal	...	...	7,270 (43.5%)	11,972 (39.7%)
(iii) Jumlah yang gagal kerana mereka tidak lulus dalam Bahasa Malaysia	...	...	77 (0.46%)	6,597 (21.87%)



### Peratus Orang-orang Berpengetahuan

**16. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Pelajaran menyatakan peratus orang-orang berpengetahuan, lelaki dan perempuan, di tiap-tiap Negeri dalam Malaysia.

**Tuan Hussein bin Onn:** Kementerian saya tidak menyimpan data-data yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun berasaskan penyiasatan isi-rumah 1967/68 yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan bagi Malaysia Barat, kadar penduduk yang berumur 6 tahun keatas yang boleh membaca dan menulis ialah 76.8%. Angka bersamaan bagi orang laki-laki ialah 87.9% dan bagi orang-orang perempuan ialah 65.6%. Adapun pembahagian mengikut pengelasan berasaskan keadaan ilmu alam ialah seperti berikut:

<i>Kawasan Selatan:</i> (Johor dan Melaka) ... ..	77.4%
<i>Kawasan Tengah:</i> (Perak) ... ..	80.4%
<i>Kawasan Barat Daya:</i> (Negri Sembilan dan Selangor) ... ..	81.1%
<i>Kawasan Utara:</i> (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) ... ..	76.7%
<i>Kawasan Timor:</i> (Kelantan, Trengganu dan Pahang) ... ..	66.6%

### Ijazah B.V.Sc

**17. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Pelajaran samada beliau akan mengambil langkah untuk menempatkan ijazah B.V.Sc India setaraf dengan ijazah M.R.C.V.S.

**Tuan Hussein bin Onn:** Saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Y.B. itu dengan "Ijazah M.R.C.V.S." Setahu saya M.R.C.V.S. ialah "Membership of the Royal College of Veterinary Surgeon" di United Kingdom. Sekiranya pemegang ijazah-ijazah B.V.Sc. daripada India dapat berdaftar kepada R.C.V.S., mereka akan dapat menjadi Ahli (Member) R.C.V.S. Tidaklah dapat Kerajaan menyamakan taraf B.V.Sc. daripada India dengan M.R.C.V.S. sekiranya R.C.V.S. sendiri tidak dapat menerima ijazah B.V.Sc. daripada India untuk menjadi Ahli R.C.V.S.

### "Senior Middle Three"

**18. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau telah mengambil keputusan untuk

mengadakan semula peperiksaan "Senior Middle Three" untuk murid-murid sekolah Cina.

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak.

### Kelas Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima

**19. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kelas-kelas Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima akan dibuka di Lawas dan Tingkatan Enam di Limbang.

**Tuan Hussein bin Onn:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut perenggan 17, lapuran "Inter-governmental Committee, 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran Negeri Sarawak dan Sabah adalah dibawah kawalan Kerajaan Negeri masing-masing. Oleh yang demikian penubuhan Kelas-Kelas itu terserahlah kepada Kerajaan Negeri.

### Tawaran Biasiswa

**20. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan memberi suatu jaminan supaya jangan ada berat sebelah dalam tawaran biasiswa kepada pemohon-pemohon.

**Tuan Hussein bin Onn:** Biasiswa-biasiswa adalah dihadiahkan mengikut kebolehan akademik tiap-tiap pemohon. Syarat-syarat memberi hadiah seperti ini memang diikuti dari dahulu oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian saya.

Dermasiswa-dermasiswa dihadiah mengikut kebolehan akademik pemohon juga dan keadaan kewangan ibubapanya. Oleh yang demikian soal jaminan yang diminta supaya jangan ada berat sebelah itu tidaklah timbul.

### Penuntut-penuntut

**21. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut-penuntut dari Bahagian Kelima Sarawak—
  - (i) di Universiti Malaya;
  - (ii) di Institiut Teknologi MARA;
- (b) samada penuntut-penuntut ini akan diberi tambang perjalanan yang dibiayai oleh Kerajaan setahun sekali untuk balik bercuti ke rumah mereka masing-masing di Sarawak;

- (c) bilangan penuntut-penuntut Bumiputra dan bukan Bumiputra dari Sarawak yang sedang menuntut masing-masing di Universiti Malaya dan di Instituti Teknologi MARA; dan
- (d) bilangan permohonan yang diterima dari Sarawak untuk memasuki Universiti Malaya dan Instituti Teknologi MARA bagi tahun akademik 1972 dan bilangan yang ditolak.

**Tuan Hussein bin Onn:**

- (a) (i) Universiti Malaya tidak menyimpan perangkaan penuntut-penuntut menurut daerah;
- (ii) 10
- (b) Tidak. Kerajaan tidak dapat menimbangkan kerana ianya akan memakan belanja yang besar. Kemudahan ini, jika diberikan kepada segulungan penuntut, mestilah juga diberi kepada penuntut-penuntut lain, termasuk mereka yang belajar diluar negeri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penuntut-penuntut yang menerima biasiswa Kerajaan adalah banyak dan terdapat di beberapa Negara diluar negeri seperti Indonesia, India, Australia, United Kingdom dan Jepun.
- (c) Bilangan penuntut Bumiputra dan bukan Bumiputra dari Sarawak yang sedang menuntut di Universiti Malaya dari Institut Teknologi MARA adalah seperti berikut:

		<i>Universiti Malaya</i>	<i>ITM</i>
Bukan Bumiputra ...	...	132	—
Bumiputra ...	...	128	200
		<hr/> 260	<hr/> 200

- (d) Bilangan-bilangan permohonan yang diterima dan ditolak adalah seperti berikut:

		<i>Universiti Malaya</i>	<i>ITM</i>
Bilangan permohonan diterima ...	...	116	134
Bilangan permohonan ditolak ...	...	37	25

**Kertas Jawapan**

**22. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) mengapakah calon-calon yang mengambil peperiksaan-peperiksaan M.C.E./S.P.M. dan H.S.C./S.T.P. perlu menulis nama-nama mereka di kertas-kertas jawapan selain daripada angka-angka giliran mereka;
- (ii) samada amalan ini boleh menyebabkan penyelewengan di dalam memeriksa jawapan-jawapan khususnya bila mana calon-calon ini adalah penuntut-penuntut tempatan; dan
- (iii) samada beliau akan menggunakan balik sistem lama di dalam mana calon-calon hanya menulis angka-angka giliran mereka sahaja.

**Tuan Hussein bin Onn:**

- (i) Peperiksaan S.P.M./M.C.E. dan S.T.P./H.S.C. ialah peperiksaan yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Cambridge. Adapun penulisan nama di samping angka-angka giliran adalah satu peratoran yang telah dikenakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Cambridge. Mengenai dasar ini Kementerian saya telah beberapa kali berhubung dengan Cambridge untuk menghapuskan penulisan nama di atas kertas-kertas jawapan. Tetapi Cambridge telah beberapa kali tidak bersetuju dengan cadangan tersebut oleh kerana mengikut pengalaman mereka, mereka kerap kali terpaksa membuat beberapa rujukan kerana kekeliruan yang timbul dari penulisan bilangan firasat yang tidak sama kerana calon-calon sendiri membuat kesilapan dalam menulis bilangan firasat mereka. Apabila kesilapan seperti ini berlaku maka Cambridge memerlukan rujukan kepada nama calon-calon tersebut. Rujukan ini akan memakan masa yang panjang dan akan melambatkan langkah-langkah memproseskan keputusan-keputusan peperiksaan. Sekiranya Cambridge tidak mempunyai nama calon-calon tersebut ianya terpaksa membuat rujukan ke Malaysia yang letaknya lebih kurang 8,000 batu dari Cambridge.

Mengenai peperiksaan S.P.M., bermula pada tahun ini kita telah mengambil alih peperiksaan tersebut dari pihak Lembaga Peperiksaan Cambridge dan oleh kerana peperiksaan ini telah menjadi peperiksaan kita sendiri maka kita boleh membuat perubahan tanpa membuat rundingan dengan Cambridge. Oleh itu bermula dalam tahun ini nama-nama tidak diperlukan lagi untuk kertas-kertas jawapan bagi peperiksaan S.P.M. Bagi maklumat ahli Yang Berhormat juga Kementerian saya kini sedang berunding lagi dengan pihak Cambridge untuk mendapatkan persetujuan agar nama-nama tidak juga diperlukan untuk kertas-kertas M.C.E., jika boleh, bermula pada tahun ini juga. Sekiranya Cambridge tidak bersetuju untuk menghapuskan nama calon atas kertas-kertas jawapan bagi peperiksaan M.C.E. yang masih dikendalikan dengan Cambridge itu maka masalah ini akan dapat diselesaikan dengan sendirinya apabila kita mengambil alih peperiksaan M.C.E. ini nanti. Mengenai peperiksaan S.T.P./H.S.C. Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang perlu apabila tiba masanya.

(ii) Tidak.

(iii) Perkara ini telah dijawab dalam (i) di atas.

#### **Guru Besar**

23. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar yang Kementerian Pelajaran telah menghantar seorang guru yang tidak tahu bahasa Cina untuk menjadi Guru Besar di sebuah Sekolah Rendah Cina di Sungai Petani, dan jika ya, beri butir-butir dan sebab-sebab ini dilakukan; dan jika tidak, nyatakan samada Kerajaan akan memberi jaminan yang tepat yang ia tidak akan menghantar seseorang guru yang tidak tahu bahasa Cina atau bahasa Tamil untuk menjadi Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) atau Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak benar.

Sememanglah menjadi amalan Kementerian Pelajaran untuk memilih Guru-Besar Guru-Besar yang sesuai sekali bagi sekolah-sekolah itu.

## JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

### Tambahan No. 3

#### JABATAN PERDANA MENTERI

##### Tabung Bencana Banjir

1. **Tuan Su Liang Yu** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak wang derma yang telah dikeluarkan daripada Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat dan Sports Toto untuk Tabung Bencana Banjir hingga sekarang.

**Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein):** Wang derma yang dimaksudkan itu tidak dikeluarkan terus daripada Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat tetapi, sebaliknya dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kebajikan dan Kemasyarakatan yang ditadbirkan oleh Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri. Wang derma ini adalah sebahagian sahaja daripada sumbangan yang diterima daripada Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat dan ianya tidak dikeluarkan khas untuk Tabung Bencana Banjir. Sebenarnya pihak yang mentadbirkan Kumpulan Wang Amanah ini mengeluarkan bantuan tetap tahunan kepada Kementerian Kebajikan Am yang mana akan menggunakannya untuk membantu bukan sahaja mangsa-mangsa banjir tetapi juga mangsa-mangsa kebakaran dan lain-lain bencana alam.

Bantuan tetap tahunan yang telah diberi kepada Kementerian Kebajikan Am sehingga ini adalah seperti berikut:

Tahun 1969	...	...	\$100,000
Tahun 1970	...	...	100,000
Tahun 1971	...	...	130,000
Tahun 1972	...	...	100,000

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sports Toto sehingga sekarang ini belum mengeluarkan sebarang sumbangan derma untuk Tabung Bencana Banjir. Wang derma yang telah dikeluarkan daripada Sports

Toto selama ini adalah disalurkan untuk tujuan menggalak dan memperkembangkan lapangan Sukan di negeri ini.

#### KEMENTERIAN LUAR NEGERI

##### Utusan Khas Presiden Nixon

2. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah butiran-butiran kasar yang berfaedah kepada Malaysia hasil dari rundingan beliau dengan utusan khas Presiden Nixon, Mr Connally baru-baru ini berkaitan dengan:

- (a) perkembangan-perkembangan terbaru Politik Antarabangsa;
- (b) hak menentukan had-had kawasan perairan di Selat Melaka;
- (c) pengecualian Asia Tenggara; dan
- (d) pengkalan Amerika di rantau ini.

**Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein):** Di dalam perbincangan saya dengan Tuan Connally, kami telah bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara kepentingan bersama dan yang berkaitan dengan hubungan dua pihak dan keadaan antarabangsa pada amnya.

Khususnya, Tuan Connally telah memberi penerangan mengenai lawatan Presiden Nixon ke Moscow. Saya pula telah menerangkan kepadanya, diantara lain, cadangan kita bagi pengecualian Asia Tenggara.

Perjumpaan itu telah membawa kepada pengertian yang lebih baik tentang pendirian masing-masing terhadap perkara-perkara penting dalam bidang antarabangsa.

Perkara berkaitan dengan Selat Melaka tidak timbul dalam perbincangan kami itu.

During my talk with Mr Connally we exchanged views on matters of common interest and concern affecting bilateral relations as well as the general international situation. In particular Mr Connally briefed me on President Nixon's visit to Moscow. On my part I explained to him, among other

things, our neutralization proposal for South-east Asia. The meeting also resulted in a better understanding of each others position on important subjects regarding the international situation. The question of the Straits of Malacca was not brought up during my discussions with Mr Connally.

**Laporan-Laporan Jawatankuasa Keizinan  
Bangsa-bangsa Bersatu**

**3. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa mengikut Laporan-laporan Jawatankuasa Keizinan Bangsa-Bangsa Bersatu S/9844 dan S/9853, Malaysia telah disenaraikan sebagai salah sebuah daripada beberapa negara-negara yang membenarkan pelabuhan-pelabuhannya digunakan oleh kapal-kapal yang membawa barang-barang Rhodesia, yang melanggar keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memulaukan Rhodesia, dan jika ya, samada beliau telah memberi arahan sejak 1969, kepada semua pelabuhan-pelabuhan Malaysia supaya jangan menjadi tempat persinggahan bagi kapal-kapal yang membawa barang-barang Rhodesia, dan jika tidak, mengapa.

**Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein:** Malaysia tidak termasuk dalam senarai dalam sebarang Laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai satu negara yang membenarkan pelabuhan-pelabuhannya digunakan untuk kapal-kapal yang membawa barang-barang Rhodesia.

Sebenarnya, di dalam Laporan S/9844 itu Malaysia telah disebutkan dalam pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada Kerajaan ini mengenai dua kes yang dikatakan melanggar peraturan-peraturan Resolusi Majlis Keselamatan No. 253 (1968). Dalam kedua-dua kes itu, kita telah menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan melapurkan kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu bahawa tidak terdapat barang-barang yang berasal daripada Rhodesia di dalam kapal-kapal tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pemulauan (sanctions) terhadap regime haram di Rhodesia Selatan telah dipatuhi dengan sepenuhnya sejak 1965 manakala Kerajaan telah mengharamkan sama sekali

segala eksept dan impot kepada dan daripada Rhodesia, di bawah Perintah "The Customs Prohibition of Exports and Imports (Southern Rhodesia) L.N. 467. Pengharaman ini akan diteruskan selagi Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan masih berjalan.

**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**Kadar Tambang**

**4. Datuk James Wong Kim Min** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada MAS akan mengenakan kadar tambang yang lebih murah bagi:

- (a) mengangkut barang-barang di antara Malaysia Timur dan Barat;
- (b) mengangkut barang-barang dari satu lapangan terbang kepada lapangan terbang yang lain di Malaysia Timur tetapi sama jauhnya seperti di Malaysia Barat; dan
- (c) tambang dari Malaysia Timur dan Barat dan juga di bahagian-bahagian Malaysia Timur.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):**

- (a) Kadar tambang bagi mengangkut barang-barang di antara Malaysia Timur dan Barat yang akan dikenakan oleh pihak MAS adalah sama dengan kadar tambang yang ada sekarang.
- (b) Tidak ada perubahan apa-apa tentang kadar tambang bagi mengangkut barang-barang dari kadar tambang yang ada sekarang di Malaysia Timur.
- (c) Pihak MAS akan mengurangkan kadar tambang untuk perkhidmatan terus di antara Malaysia Timur dan Malaysia Barat berbanding dengan kadar tambang yang ada sekarang di antara Malaysia Barat dan Malaysia Timur melalui Singapura.

**KEMENTERIAN PELAJARAN**

**Elaun Perjalanan dan Elaun Sara Hidup**

**5. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Pelajaran samada beliau sedar

bahawa guru-guru tidak dibayar elaun perjalanan dan elaun hidup mengikut peraturan Perintah Am Kewangan seperti Pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, dan jika ya, samada perbuatan diskriminasi ini akan dihentikan dan guru-guru dibayar elaun mengikut peraturan Perintah Am Kewangan apabila mereka diperlukan untuk menghadiri kursus-kursus seperti Talivisyen Pendidikan (ETV), Ilmu Hisab Moden, Sains Panduan dan juga perjumpaan-perjumpaan dan latihan-latihan sukan seperti yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Onn):** Semua guru Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas resmi adalah dibayar elaun perjalanan dan elaun sara hidup mengikut kadar Perintah Am Kewangan.

Guru-guru Kerajaan yang menghadiri kursus-kursus latihan yang bertempat di Maktab-maktab Latihan Perguruan atau pusat-pusat lain, di mana ada disediakan makan serta tempat penginapan percuma, mereka ini tidak dibayar elaun sara hidup.

Mengenai elaun perjalanan pula, guru-guru yang menghadiri kursus-kursus di pusat-pusat latihan diberi tiket warden keretapi. Bagi guru-guru yang menggunakan kenderaan sendiri mereka ini dibayar elaun yang bersamaan dengan tambang keretapi.

Guru-guru yang menghadiri perjumpaan-perjumpaan dan latihan-latihan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia adalah dibayar elaun perjalanan dan sara hidup mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis itu sendiri. Ini adalah kerana Majlis tersebut bukan satu Jabatan atau badan Kerajaan.

#### Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina

**6. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan mendaftar sekolah-sekolah menengah persendirian Cina sebagai sekolah-sekolah "independent" atau "public" seperti yang didesak oleh badan-badan pelajaran Cina untuk mencerminkan yang sekolah-sekolah menengah ini, walau pun bukan Kerajaan atau dibantu oleh Kerajaan, adalah yayasan awam yang dikendalikan dengan bantuan kewangan awam dan bukannya yayasan-yayasan persendirian atau peribadi.

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak. Sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dan sekolah-sekolah lain yang tidak menerima bantuan Kerajaan adalah didaftarkan sebagai sekolah persendirian. Maksud istilah "persendirian" adalah sama dengan maksud istilah "private" dalam bahasa Inggeris dan dengan itu tidak memberi erti yang sesebuah yayasan itu tidak menerima bantuan kewangan dari orang-orang awam.

#### Kertas-kertas Peperiksaan

**7. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru yang memeriksa kertas-kertas peperiksaan dan yang mengawas peperiksaan diberi bayaran yang sangat tinggi dan akibatnya Kerajaan terpaksa memungut bayaran yang tinggi, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang hendak mengurangkan bayaran ini.

**Tuan Hussein bin Onn:** Jika Ahli Yang Berhormat itu maksudkan kadar bayaran memeriksa kertas-kertas jawapan dan mengawas peperiksaan SRP/LCE, SPM/MCE dan STP/HSC, kadar-kadar bayaran itu hanya ditetapkan setelah dikaji dengan teliti.

Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kadar bayaran memeriksa satu-satu kertas jawapan itu, samada untuk peperiksaan SRP/LCE, SPM/MCE, ataupun STP/HSC adalah bergantung, antara lain, kepada peringkat kertas, jenis kertas (jenis karangan atau jawapan pendek), mata-pelajaran dan panjangnya kertas itu.

Pada masa ini kadar bayaran memeriksa kertas jawapan bagi peperiksaan-peperiksaan itu adalah seperti berikut:

SRP/LCE	daripada	25 sen-\$1.00	satu kertas jawapan mengikut mata-pelajaran.
SPM/MCE	daripada	80 sen- 2.15	satu kertas jawapan mengikut mata-pelajaran.
STP/HSC	daripada	\$2.80 sen- 3.50	satu kertas jawapan mengikut mata-pelajaran.

Mengenai kadar bayaran mengawas peperiksaan-peperiksaan itu pula, Kementerian ini

berpendapat bahawa kadar sekarang adalah munasabah dengan tugas serta tanggungjawab pengawas-pengawas itu.

Pada masa ini kadar bayaran mengawas peperiksaan SRP/LCE, SPM/MCE dan STP/HSC adalah seperti berikut (untuk mengawas keseluruhan peperiksaan):

SRP/LCE ...	Ketua Pengawas	\$ 50
	Penolong Pengawas ...	25
SPM/MCE ...	Ketua Pengawas	135 (bayaran asas)
	Penolong Pengawas ...	75

STP/HSC ... Ketua Pengawas \$135 (bayaran asas)

Penolong Pengawas ... 75

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga kadar bayaran masuk peperiksaan-peperiksaan SRP/LCE, SPM/MCE atau STP/HSC bukan diasaskan atas bayaran kepada pemeriksa-pemeriksa kertas jawapan dan pengawas semata-mata.

Setakat ini Kementerian Pelajaran belum ada cadangan hendak mengurangkan kadar-kadar bayaran memeriksa kertas jawapan atau mengawas peperiksaan-peperiksaan itu.